


Jilid IV
Bil.2



Hari Rabu
28hb Februari, 1990

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 225]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KEDALAM MESYUARAT
[Ruangan 322]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah—Y.B. Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh
[Ruangan 323])

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pcmangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pcrtahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.
(Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N.
(Hulu Langat).

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J, P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN ~~CHK~~ S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Benteng).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin)
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO, NG CHENG KUALI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.J.M.J. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER GN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.J., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADK BIN HAJI SHEKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Yang Berhormat DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai),

- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.J.S., B.S.J. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAH MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.II., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

Yang Berhormat DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIH, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar)
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N, (Pasir Puteh).
- .. TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHARE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K, (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Tercngganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Nairn.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Rabu, 28hb Februari, 1990***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****TANAH REZAB MELAYU**

1. **Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah menjelang akhirnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1990 dalam usaha mempertingkatkan keupayaan kaum bumiputera untuk menyertai hakmilik kekayaan, pertimbangan yang wajar harus ditujukan kepada pemilikan rezab tanah Melayu, tanah wakaf dan tanah tradisional kaum-kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak dan Orang Asli di Semenanjung agar nilai harta ini mencapai satu paras yang seimbang dengan tanah-tanah biasa. Dengan ini, pemilikan kaum bumiputera keseluruhannya akan menjadi lebih maju dan kukuh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap bahawa apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat ialah langkah-langkah yang diambil untuk menyamakan nilai tanah dalam kawasan rezab untuk sesuatu kaum dengan nilai

tanah biasa sebagai suatu usaha untuk menambah kekayaan kaum-kaum yang lebih mundur. Wujudnya tanah-tanah rezab Melayu dan tanah-tanah khas untuk kaum-kaum tertentu di Malaysia adalah dengan tujuan untuk memastikan tanah-tanah itu tidak berpindah tangan kepada kaum-kaum lain. Hal ini sudah tentu menjejaskan nilai tanah-tanah tersebut oleh kerana pasaran tanah-tanah ini sudah tidak lagi dibuka kepada umum.

Dalam menyediakan rancangan-rancangan pembangunan (development plans) seperti rancangan struktur (structure plan), perhatian khas diberi kepada kawasan-kawasan rezab untuk sesuatu kaum yang kurang maju. Strategi-strategi tertentu dirangka untuk pembangunan kawasan rezab yang berkenaan. Misalnya, dalam Rancangan Struktur Kuala Lumpur, berbagai dasar telah dirumuskan dan sekiranya dasar-dasar itu dilaksanakan, maka nilai tanah rezab Melayu di Kuala Lumpur akan meningkat, malahan aspek-aspek positif dalam rancangan struktur ini sahaja pun telah meningkatkan harga pasaran tanah di kawasan rezab Melayu.

Satu lagi usaha yang diambil ialah menggalakkan tuanpunya tanah yang dikhaskan untuk sesuatu kaum supaya memajukan tanah mereka. Misalnya, di beberapa negeri premium tambahan yang dikenakan untuk menukar syarat penggunaan tanah dari pertanian kepada perumahan bagi tanah yang terletak dalam kawasan rezab Melayu adalah kurang dari kadar untuk tanah biasa. Kelonggaran juga diberi kepada

tuanpunya-tuanpunya tanah dalam kawasan rezab Melayu untuk mencagar tanah mereka kepada berbagai institusi kewangan. Dengan cara ini mereka lebih senang mendapat pinjaman iaitu dengan menggunakan tanah sebagai cagaran untuk membangunkan tanah mereka.

Pada waktu ini kajian sedang dibuat untuk melaksanakan konsep penyatuan semula lot tanah (land readjustment). Konsep ini sesuai untuk pembangunan tanah-tanah yang kecil. Sekiranya konsep ini dilaksanakan bagi tanah-tanah di kawasan rezab Melayu, maka nilai-nilai tanah itu akan meningkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengelakkan tuanpunya tanah yang tertakluk kepada sekatan-sekatan di bawah undang-undang rezab Melayu dari memperolehi pampasan yang rendah dibandingkan dengan tuanpunya tanah di luar rezab Melayu, pindaan telah dibuat kepada Akta Pengambilan Tanah, 1960 bagi menyamakan asas penilaian bagi tanah yang diambil. Ini bermakna bahawa tanah dalam rezab Melayu akan dinilai sama seperti tanah di luar rezab Melayu dan sekatan di bawah undang-undang rezab Melayu tidak menjejaskan nilai-nilai tanah rezab Melayu.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen, berapakah jumlah tanah rezab Melayu yang telah diambil untuk tujuan pembangunan pada masa yang lalu dan berapakah jumlah tanah yang telah digazetkan semula sebagai rezab Melayu ganti kepada yang telah diambil untuk pembangunan itu?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tertentu saya rasa dan angka itu saya tidak ada pada waktu ini tetapi bagi asasnya telah dipersetujui bahawa jumlah ataupun keluasan tanah rezab Melayu yang diambil diimbang pula dengan pemberian acreage ataupun keluasan yang sama.

Kalau saudara Yang Berhormat ingin mengetahui jumlahnya, saya akan hantar dengan secara bertulis.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Kerajaan merezabkan tanah-tanah untuk Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan berapakah luasnya tanah rezab ini dan di kawasan mana?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, tanah Orang Asli yang telah diluluskan tetapi belum diwartakan ialah 90,182 hektar dan yang telah diwartakan ialah 38,748 hektar. Jumlah acreage atau kawasan yang dipohon dan di dalam proses ialah 204,355 hektar sehingga pada waktu ini.

PEKERJA MALAYSIA DI SINGAPURA

2. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buruh menyatakan bilangan pekerja-pekerja Malaysia yang berada di Singapura dan sama ada beliau akan berunding dengan rakan sejawatnya di Singapura untuk mendapatkan terma-terma dan keadaan kerja yang lebih baik untuk pekerja-pekerja kita seperti penginapan dan pencaruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai rekod lengkap mengenai pekerja-pekerja Malaysia yang berada di Singapura. Walau bagaimanapun, dianggarkan pekerja-pekerja Malaysia yang berada di Singapura pada masa ini ialah seramai lebih kurang 50,000 orang.

Mengenai syarat-syarat kerja di negara asing, perkara ini terpaksalah tertakluk kepada undang-undang dan sistem gaji di negara-negara itu, termasuk syarat-syarat tawaran kerja yang dipersetujui bersama di antara majikan

dan pekerja berkenaan. Peraturan-peraturan yang sama dikenakan ke atas rakyat asing yang datang bekerja di Malaysia juga. Kerajaan tidak pada masa ini merancang untuk menukar amalan ini.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sungguhpun rakyat Malaysia ada bekerja di negara-negara lain, misalnya Singapura, tetapi kita mesti mengambil langkah-langkah untuk melindungi mereka. Dan juga masalah pekerja-pekerja di Singapura ini bukanlah masalah untuk 2-3 tahun. Ada beberapa ribu -100,000 atau 200,000 pekerja-pekerja di Malaysia berada di Singapura selama 20 tahun atau 30 tahun. Ini bukan satu masalah yang temporary. Saya rasa masalah ini mesti dipertimbangkan dan Menteri berkenaan mesti berunding dengan counterpartnya di Singapura untuk mendapat conditions ataupun syarat-syarat yang lebih baik, khasnya accommodation dan EPF.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan kita tidak mengambil tahu tentang masalah pekerja-pekerja kita di Singapura; hanya mengatakan bahawa syarat-syarat itu ditentukan melalui undang-undang negara itu. Kita memang akan mengambil perhatian tentang apa jua aduan yang dibuat oleh pekerja kita di Singapura atau di negara-negara yang lain melalui cara-cara diplomatik.

Mengenai perkara ini baru atau tidak, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Seremban lebih tahu bahawa penghijrahan pekerja-pekerja kita ke Singapura bukanlah satu perkara yang baru. Sudah jadi amalan tradisi berpuluh-puluh tahun dan yang berterusan. Tidak ada sebab kita hendak mengacau pemerosesannya ini.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, sebagaimana yang telah dijawabkan oleh

Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pekerja-pekerja Malaysia di Singapura seramai lebih 50,000 orang. Saya hendak bertanya apakah sebab-sebab dalam siasatan Kementerian bahawa rakyat Malaysia suka bekerja di Singapura, kerana gaji besarkah atau kerana Malaysia ini tidak ada kerja? Kalau kerana gaji besar, kenapakah Kerajaan Malaysia kita tidak boleh berikhtiar mencari jalan supaya di Malaysia memberi gaji besar kerana negara kita sangat kaya kalau hendak dibandingkan dengan Singapura.

Yang keduanya, adakah pihak Kerajaan Malaysia tidak berasa malu atau aib bahawa negeri kita kaya dan negeri besar, rakyat kita bekerja di negara kecil? Kerajaan sentiasa mengatakan menjaga maruah negara, apa perasaan bagi pihak Kerajaan bahawa rakyat Malaysia pergi bekerja di negara kecil seperti Singapura.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sebab pekerja-pekerja kita pergi ke negara Singapura atau negara-negara lain adalah sebab persendirian, tidak melalui cara rasmi. Memang negara Singapura menjadi satu negara yang, dengan izin, "high wage country". Secara dasar, mereka menjadikan negaranya sebagai satu "high wage country" untuk menggalakkan peningkatan teknologi dan sebagainya. Dan ini jadi satu tarikan kepada pekerja-pekerja biasa kita yang suka pergi ke sana.

Tambahan lagi, Singapura adalah satu kota besar dengan tarikan yang lain dan ramai dari mereka, khasnya dari negeri dan kawasan Ahli Yang Berhormat sendiri, yang pergi kerana hendak ke kota besar. Jadi, Ahli Yang Berhormat pun tahu tarikan kota besar adalah kuat. Begitu juga bagi Kuala Lumpur, rakyat berhijrah ke Kuala Lumpur kerana kota yang besar dengan penarikan yang banyak, mereka datang secara beramai-ramai. Tidak ada tujuan untuk negara kita menjadi satu high wage country, sebab kita masih bergantung kepada

penarikan investment dengan gaji yang berpatutan dan suasana pemodalannya yang lain. Tetapi kita memang mengambil perhatian tentang sektor-sektor di mana gaji itu rendah dan berikhtiar seberapa yang boleh, untuk membawa keadaan yang lebih baik.

Mengenai soal maruah negara terjejas apabila seorang pekerja pergi ke luar negeri, saya rasa perkara itu tidak menjadi soal kerana ada orang lain yang datang ke sini. Ada rakyat negara lain yang juga datang ke sini bekerja. Ini satu proses antarabangsa di mana pekerja-pekerja berhijrah secara rasmi ataupun tidak rasmi dan ini tidak jadi satu perkara maruah. Singapura adalah satu pusat yang menarik pekerja-pekerja Malaysia secara tradisi. Lebih 100 tahun mereka telah menarik pekerja-pekerja kita.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990

3. Tuan Haji Mohamed bin Abdulah minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapa ramai pelancong telah datang melawat Malaysia sejak Pelancaran Tahun Melawat Malaysia dilancarkan sehingga 28hb Februari, 1990. Berapa ramai dijangka pelancong akan melawat Malaysia pada tahun 1990 ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah akan diambil untuk mengatasi kekurangan tempat-tempat penginapan bagi pelancong-pelancong yang melawat ke tempat-tempat yang tertentu di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato¹ Ng Cheng Kuai): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelancong yang telah datang melawat Malaysia sejak pelancaran Tahun Melawat Malaysia sehingga 28hb Februari, 1990 adalah masih dalam proses pengumpulan oleh Jabatan Imigresen yang sedang

menggunakan sistem berkomputer untuk mengesan bilangan pelancong ke Malaysia. Sungguhpun demikian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelancong telah bertambah berasaskan kepada hasil kaji awal yang dijalankan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia. Ia menunjukkan kadar-kadar penginapan, 21 buah hotel, dengan izin, hotel occupancy rates di bandar Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Melaka dan Johor Baru pada Januari 1990 telah meningkat berbanding dengan Januari 1989. Di antara hasil-hasil kajian tersebut adalah:

- (i) kadar penginapan hotel-hotel di 4 buah bandar tersebut telahpun meningkat pada purata 15.4%;
- (ii) kadar penginapan bagi hotel-hotel yang mempunyai kurang dari 100 bilik adalah meningkat lebih tinggi iaitu 22.2% jika dibandingkan dengan kadar penginapan hotel lebih dari 100 bilik yang meningkat hanya 12.3%
- (iii) Pencapaian kadar penginapan hotel yang tertinggi bagi bulan Januari 1990 adalah 97.7%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah diramalkan bahawa 4.2 juta orang pelancong akan datang ke Malaysia dalam Tahun Melawat Malaysia 1990 ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian yang kedua bagi mengatasi masalah kekurangan tempat penginapan di tempat-tempat tertentu, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sentiasa menjalankan usaha-usaha tertentu dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri serta pihak swasta untuk mengadakan dan mendirikan tempat-tempat penginapan di tempat tumpuan pelancongan di seluruh negara. Kemudahan-kemudahan penginapan yang dibangunkan adalah di dalam berbagai peringkat bermula dengan

chalet-chalet sehingga hotel bertaraf antarabangsa bergantung kepada kesesuaian sesuatu tempat. Insentif-insentif cukai adalah juga diberi untuk menggalakkan lebih ramai usahawan-usahawan untuk melabur dalam sektor industri pelancongan termasuk membina hotel-hotel dan kemudahan-kemudahan penginapan yang lain.

Dalam hal ini saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu sebanyak 13 buah hotel bertaraf antarabangsa akan siap dibina dan akan dibuka untuk pelancong-pelancong pada tahun ini. Hotel-hotel tersebut akan dapat menambahkan sebanyak 3,029 buah bilik lagi. Angka ini tidak termasuk sebanyak enam projek hotel yang akan membekalkan sebanyak 1,000 buah bilik yang masih menunggu kelulusan oleh pihak berkuasa untuk dibina di Pulau Langkawi.

Bagi tahun 1990, negara kita akan mempunyai lebih dari 971 hotel yang boleh membekalkan sebanyak 46,563 buah bilik. Ini tidak termasuk kondominium dan apartmen-apartmen yang akan disesuaikan bagi disewa kepada pelancong-pelancong.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Kementerian dan Kerajaan sedar bahawa setakat yang didapati oleh ramai rakyat negara kita, Tahun Melawat Malaysia telah menguntungkan negara-negara jiran. Saya semalam telah bercakap dengan orang-orang kita dari Malaysia yang datang dari sebuah negara jiran yang mengatakan bahawa semua hotel di negeri itu penuh sesak sedangkan apabila mereka 'book atau reserve' hotel di Malaysia, mereka dapati bahawa biliknya cukup dan banyak yang masih sedia ada. Jadi, kalau Kerajaan sedar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya Malaysia benar-benar untung dan bermanfaat daripada Tahun Melawat Malaysia dan tidak negara-negara jiran?

Yang keduanya, sejauh manakah di masa Tahun Melawat Malaysia ini Kerajaan mendapati bahawa semua agensi-agensi Kementerian ataupun agensi-agensi Kerajaan telah bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan supaya Tahun Melawat Malaysia akan benar-benar memanfaatkan dan menguntungkan negara Malaysia dari segi memberi kemudahan kepada pelancong-pelancong negara kita ini.

Dato' Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang kedua tadi, agensi-agensi Kerajaan lain telahpun memberi kerjasama yang memuaskan kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dalam menayakan projek Tahun Melawat Malaysia.

Untuk menjawab soalan pertama, seperti yang saya katakan tadi untuk bulan Januari sahaja tahun ini pada puratanya kadar penginapan bagi hotel-hotel di Malaysia telah meningkat sebanyak 15.4% dan adajuga hotel-hotel tertentu yang menikmati kadar penginapan sebanyak 90%.

Jadi, kalau ada negara-negara jiran yang mendapat keuntungan daripada promosi pelancongan masing-masing, barangkali merekapun telah melancarkan promosinya di luar negeri. Dalam industri pelancongan memang ada persaingan dan pertumbuhan pelancongan di rantau ini adalah diramalkan meningkat sebanyak 18% dan kita berpendapat bahawa negara-negara lain pun boleh ada sharenya, dengan izin, dalam pertumbuhan ini.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah mengatakan bahawa kadar penginapan di kota-kota tersebut iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Melaka telah naik akibat pelancaran Tahun Melawat Malaysia, dan saya ingin tahu apakah langkah yang diambil oleh Kementerian supaya pelancong yang

datang ke negara ini dibahagi-bahagikan sehingga semua negeri di seluruh Malaysia dapat menikmati atau menerima pelancong yang datang ke negara ini dan bukan tertumpu kepada tiga, empat buah pusat sahaja.

Dalam perkara ini masalah di Sarawak di mana daripada tiga, empat juta orang pelancong yang datang ke Sarawak dalam tahun-lahun yang lepas, kira-kira di antara 100.000 hingga 200,000 sahaja pelancong yang melawat ke negeri Sarawak dan masalah yang ditemui oleh negara tersebut ialah masalah penerbangan yang tidak cukup, yang tidak dapat membawa pelancong daripada Kuala Lumpur ataupun negara jiran. Dalam perkara ini saya ingin tahu apakah langkah yang diambil oleh Kementerian selain daripada menarik pelancong ke negeri-negeri lain di Semenanjung? Apakah langkah-langkah yang diambil supaya masalah ini diatasi agar lebih banyak pelancong datang ke Sarawak dan Sabah memandangkan Sarawak dan Sabah juga mempunyai tempat tarikan yang begitu baik supaya rakyat kita di negeri itu juga dapat manfaat daripada pelancong yang datang ke negara ini?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah tiga soalan Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Mutang Tagal: Baiklah.

Dato' Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa dari segi promosi industri pelancongan untuk negeri Sarawak, salah satu masalah besar ialah air accessibility, dengan izin, dan pihak Kerajaan Pusat telahpun membincangkan perkara ini dan masih dalam proses mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana baru-baru ini telah mewujudkan satu cultural village, dengan izin. Pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan memang

mengalakkan jika ada pihak swasta tertentu yang mahu mengendalikan 'chartered flights' ke mana-mana tempat termasuk Kuching dan kalau sesuatu tempat yang hendak dimajukan itu akan menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong luar negeri, salah satu faktor ialah tarikan-tarikan yang lebih istimewa daripada tempat-tempat lain. Jadi, kita sedang berusaha mengambil perhatian tentang masalah yang dihadapi oleh pihak industri pelancongan di Sarawak.

PROJEK IKHTIAR—SKIM PINJAMAN

4. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini berapa banyak peruntukan yang dibelanjakan untuk projek ikhtiar di seluruh negara. Berapa ramai keluarga yang mendapat peruntukan di seluruh negara dan apakah kesan pendapatan mereka setelah menerima projek tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, Skim Pinjaman Projek Ikhtiar dibiayai melalui pelbagai sumber kewangan termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan bukan-Kerajaan. Buat masa ini, Kerajaan Persekutuan hanya menampung keperluan untuk belanja mengurus (kos operasi) bagi skim ini. Yang menguruskan skim ini ialah Amanah Ikhtiar Malaysia atau (AIM) setelah berusaha mendapatkan pembiayaan dari sumber-sumber lain. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan berjumlah \$3.415 juta. Sehingga kini, jumlah peruntukan yang telah diterima dan dibelanjakan oleh AIM dari pelbagai sumber di atas adalah berjumlah \$3.427 juta seperti berikut:

- (i) Kos Operasi- \$2.077 juta
- (ii) Modal Pinjaman- \$1.350 juta

Semenjak Skim ini dimulakan pada tahun 1986, sejumlah 685 isirumah telah mendapat pinjaman. Projek ini terbukti telah dapat membantu meningkatkan pendapatan rakyat miskin.

Kajian kekesanan projek printis di Selangor menunjukkan peningkatan pendapatan sebanyak 70% bagi projek-projek yang berjaya, iaitu purata tambahan pendapatan sebulan sebanyak \$119.00. Secara keseluruhan pula, purata kenaikan pendapatan bulanan adalah 45% atau sebanyak \$78 berbanding dengan purata pendapatan asal peserta sebanyak \$173 sebulan. Kajian di atas juga menunjukkan prestasi peminjam wanita lebih baik dari kaum lelaki. Mereka bukan sahaja dapat membayar balik pinjaman dengan penuh dalam jangka masa yang ditetapkan, malah mereka juga berupaya menanggung kos pengurusan dalam pengeluaran pinjaman serta menyimpan sebahagian besar daripada tambahan pendapatan. Kadar bayaran balik pinjaman oleh kaum wanita juga amat menggalakkan, iaitu sebanyak 95% berbanding dengan kaum lelaki sebanyak 72%.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan faktor yang menjadikan Skim Pinjaman Ikhtiar ini begitu berjaya, kalau dibandingkan dengan skim pinjaman lain yang ada sekarang, apa sebabnya kadar pembayaran balik dan kegunaan pinjaman yang dibuat itu begitu berjaya, dan jika kita sudah dapat tahu faktor-faktor tertentu yang menjadikan dia berjaya, maka apakah langkah akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk melanjutkan program ini kepada tempat-tempat lain seperti contohnya negeri Sarawak, Sabah ataupun Kedah ataupun lain negeri yang masih mundur.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab kejayaan skim ini ialah kerana jumlah pinjaman yang diberikan itu adalah kecil bagi

membolehkan peniaga itu beroperasi dengan pinjaman yang diberikan. Jumlah pinjaman minima bagi projek ini ialah \$500. Selepas itu jika sekiranya peminjam ini berjaya menjelaskan \$500 itu, dia dibenarkan pula mem in jam \$1.000, had maksima yang paling tinggi ialah \$2,000. Dengan ini jika pinjaman itu diberikan sebanyak \$500, sudah pasti jumlah bulanan yang perlu dibayar ialah rendah, kemungkinan besar peminjam ini akan dapat menjalankan perniagaannya itu dengan baik dan dia berusaha membayarnya balik. Kemudian dia meminjam semula sebanyak \$1,000 atau \$2,000 had maksima yang dibolehkan untuknya. Itu yang menyebabkan pembayaran mudah itu yang membolehkan kejayaan daripada program ini.

Kadar pinjaman itu telah saya jelaskan, penggunaannya itu ialah bagi projek-projek kecil termasuklah untuk membangunkan tanah pertanian, pembiayaan kos pembangunan pertanian, perniagaan-perniagaan kecil iaitu membuka warung dan sebagainya. Ini dibolehkan mendapat pinjaman daripada skim ini. Insya Allah, Kerajaan memanglah bercadang untuk menyebarkan program ini ke seluruh negara. Sekarang ini telahpun banyak negeri yang telah kita jalankan iaitu negeri Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Kerajaan memang berhasrat untuk meluaskan lagi program ini ke seluruh negara, jika sekiranya kita mendapat peruntukan yang lebih untuk kos operasi dan juga pinjaman-pinjaman bagi diberikan kepada bakal-bakal peminjam.

Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah benar projek ini memakan masa yang terlalu panjang untuk menjayakan operasinya, contohnya seperti di Pulau Pinang, projek ini telahpun dilancarkan lebih daripada 6 bulan yang lalu, tetapi belum

beroperasi lagi. Bolehkah Yang Berhormat berikan sebab-sebabnya?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali kita hendak kenalpasti orang-orang ataupun bakal yang akan meminjam melalui skim ini. Sudan pasti pertama sekali kita hendak melihat apakah mereka yang akan diberikan pinjaman itu benar-benar memerlukan pinjaman dan boleh membayar balik pinjaman yang diberikan. Itu sudah pasti memakan masa.

Yang keduanya, pihak Skim Pinjaman Ikhtiar ini sekarang ini mempunyai kekurangan tenaga, di antara satu daerah, satu orang sahaja ditempatkan bagi mengkaji, menilai masyarakat yang luas. Insya Allah, apabila kita mendapat peruntukan ataupun tambahan peruntukan ini, kita akan menjalankan dengan lebih cepat—prosesnya sahaja itu mungkin melambatkan, tetapi mengeluarkan pinjaman tidaklah memakan masa yang panjang.

SKYHAWK DAN NURI— PENGUNAAN ALATGANTI TIRUAN

5. Dr. Eng Seng Chai minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada alat-alat ganti tiruan pernah dipasang di dalam kapalterbang pejuang Skyhawk dan di dalam helikopter Nuri TUDM yang musnah di dalam kemalangan-kemalangan udara yang terjadi. Adakah sebarang cadangan oleh Kementerian untuk memeriksa, menyiasat dan menguji semula kapalterbang Skyhawk dan helikopter Nuri yang terlibat dalam sebarang kemalangan dahulu dari segi memastikan sama ada mereka telah dipasang dengan alat-alat ganti yang berkurangan mutunya. Berapakah jumlah nilainya pembelian alat-alat ganti tiruan, yang bukan "asal" (or original) pada tahun 1985, 1986, 1987, 1988 dan 1989 oleh TUDM, berbanding dengan jumlah nilainya pembelian alat-

alat ganti yang "asal" (or original) untuk semua kapalterbang dan helikopter TUDM. Sudahkah kapalterbang jet-jet eksekutif Kerajaan yang disimpan di Lapanganterbang TUDM di Sungai Besi diberi satu pemeriksaan lengkap dan teliti untuk menetapkan sama ada mereka dipasang dengan alat-alat ganti yang berkurangan mutunya, sedangkan terbongkar sekarang adalah kegiatan "korupsi" (corruption) di dalam pesanan dan pembelian alat-alat ganti kapalterbang TUDM oleh pihak berkuasa.

1.3.90

1. **Dr. Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Perlahanan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) untuk menjamin supaya pesawat-pesawat seperti A-4 Skyhawk dan Helikopter Nuri dilengkapi dengan enjin dan alatganti buatan pengeluar asal pesawat-pesawat tersebut bagi mengelakkan sebarang kemalangan udara seperti yang berlaku sejak 2 tahun yang lalu.

7.3.90

29. **Dr. Chen Man Hin** minta Menteri Pertahanan menyatakan suatu Suruhanjaya Penyiasatan di Raja ke dalam tuduhan bahawa barang-barang gantian palsu digunakan untuk kapalterbang Skyhawk dan helikopter-helikopter Tentera Udara di Raja, dan sama ada barang-barang gantian yang kurang bermutu ini mempunyai hubungan dengan hempasan kapal terbang Skyhawk dan helikopter Nuri.

12.3.90

53. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apakah hasilnya dalam siasatan rasuah dan penyelewengan atas pembelian alat-alat ganti bagi helikopter, jet perang dan kapalterbang pengangkutan;

- (b) adakah benar terdapat alat-alat ganti tiruan di TUDM; dan
- (c) sejauh manakah seriusnya jika menggunakan alat-alat ganti tiruan itu.

14.3.90

10. **Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Pertahanan menyatakan setakat mana nahas helikopter NURI yang berlaku kebelakangan ini dapat dipastikan bahawa puncanya berhubung-kait dengan penggunaan alat-alat ganti tiruan, terutama yang mempunyai "low heat resistance". Dengan pendedahan penyelewengan tersebut, berapakah jumlahnya kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan baik dari segi pembelian alat-alat ganti tiruan mahupun akibat nahas.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, Seremban, Pasir Pinji dan Ampang Jaya yang dijadualkan pada 1, 7, 12 dan 14hb Mac, 1990 kerana kesemua soalan ini bertanyakan perkara yang lebih kurang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, saya saya nyatakan di sini bahawa setakat ini tiada alat ganti tiruan yang pernah dipasang pada pesawat terbang Skyhawk dan Nuri, sama ada yang telah terlibat dengan kemalangan ataupun yang sedang dalam perkhidmatan sekarang. Setakat ini belum ada bukti yang menunjukkan bahawa kemalangan-kemalangan udara yang berlaku adalah berpunca dari penggunaan alat ganti yang tidak tulen dan tidak bermutu.

Kementerian Pertahanan tidak pernah mengadakan kontrak pembelian alat ganti tiruan untuk dipasang pada mana-mana pesawat TUDM. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat

lagi, mana-mana alat ganti yang dibeli diwajibkan mempunyai 'certificate of conformity', dengan izin, untuk membuktikan alat ganti berkenaan adalah asal atau, dengan izin, original.

Alat ganti yang diterima sentiasa dikawal dan diperiksa mutu ketulinannya oleh team pemeriksa di Pusat Materiam Udara, Kementerian Pertahanan. Pada dasarnya alat-alat ganti pesawat terbang TUDM termasuklah jet-jet eksekutif Kerajaan adalah dibeli dari punca yang sah, iaitu sama ada dari Original Equipment Manufacture (OEM) dan dari panel pembekal yang diiktirafkan. Oleh itu, dakwaan yang mengatakan pesawat terbang TUDM dipasang dengan alat ganti yang tidak bermutu adalah tidak benar sama sekali.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri memandangkan jawapan yang diberikan tadi bahawa tidak ada kaitan langsung dengan nahas helikopter Nuri dengan alat-alat ganti tiruan yang dipasang di dalam kapal terbang atau helikopter Nuri. Saya hendak bertanya apakah punca nahas helikopter Nuri yang berlaku di Kuching yang mengorbankan nyawa dua orang perwira General pada tahun yang lepas dan adakah benar bahawa dua orang General telah ditahan dalam rumah, dengan izin, under house arrest kerana terlibat dalam skandal membeli alat-alat ganti tiruan. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberitahu berapa ramai pegawai-pegawai yang terlibat dalam skandal ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, bersabit daripada punca kemalangan, saya suka mengatakan di Dewan ini iaitu laporan yang sebenarnya belum saya dapat terima lagi, masih di dalam penyiasatan, hanya kemalangan Nuri yang pertama yang berlaku di perbatasan Perak dan Kelantan baharu sahaja siap dan telahpun diberi kepada saya tetapi yang

kedua belum lagi dan saya belum dapat kaji dengan sehalusnya. Tetapi secara kasar suka saya mengatakan daripada preliminary, dengan izin, siasatan itu puncanya adalah daripada cuaca yang begitu buruk sekali. Itulah buat masa sekarang ini sebelum saya dengan telitinya dapat laporan berkenaan Nuri-nuri itu.

Untuk jawapan bagi soalan yang kedua, saya tidak tahu di mana bersabit dengan tahanan General itu, jikalau Yang Berhormat boleh memberitahu saya, suka saya mengatakan janganlah dengar sangat daripada suratkhbar ini, apa yang tidak betul boleh dengar daripada suratkhbar.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Pertahanan, bahawa dari segi tradisinya, Kerajaan Malaysia khususnya Kementerian Pertahanan nampaknya suka membeli kapal-kapal terbang yang sofistikated termasuk sepertimana Skyhawk. Tetapi apakah Kementerian sedar kos penyelenggaraan kapalterbang seumpama ini begitu tinggi, termasuk cadangan hendak beli Tornado nanti, di mana peruntukan ini tidak seimbang yang menyebabkan dari segi kos penyelenggaraannya tidak mencukupi, menyebabkan walaupun tidak membeli barang tiruan, dia beli barang murah. Jadi, itulah yang menyebabkan timbulnya masalah dalam masalah menjaga prestasi penggunaan kapalterbang dari segi keselamatan untuk para tentera kita.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj: Tuan Yang di-Pertua, soalan ataupun dakwaan mengatakan kita ini suka membeli barang sophisticated dan telahpun dimisalkan oleh Yang Berhormat, iaitu Skyhawk. Skyhawk ini bukan sophisticated sangat, tetapi jet. Kalau tidak salah saya umur Skyhawk mula-mula dibuat tahun 50an lagi. Jadi, jikalau dibandingkan sophistication dengan keadaan sekarang ini tidaklah begitu sophisticated, tetapi jikalau kita

melihat kepada negara-negara di sekitar kawasan ini bahkan mereka membeli banyak lagi kapalterbang baik, apapun baik dan lagi sophisticated. Sekiranya berlaku apa-apa, katalah kita diserang dan kita kalah, kita menjadi hamba di negara kita sendiri, janganlah salahkan saya. Saya sebagai Menteri Pertahanan dan rakan-rakan saya di Kementerian Pertahanan terpaksa menjaga keselamatan demi kepentingan negara sedikit-sebanyak di dalam kemampuan kita yang mana kita boleh membeli, kita cuba ikhtiar, tetapi tidak begitulah saya rasa sophisticated sangat, kita tidak begitu kerana negara kita kecil. Kalau kita betul-betul kaji dengan sehalus-halusnya banyak lagi negara-negara jiran kita yang lain mereka ada barangkali FI6—lagi sophisticated dengan apa yang kita terdapat sekarang ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang kedua berkenaan dengan kos penyelenggaraan tidak dijawab, apakah cukup?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj: Tuan Yang di-Pertua, kos itu sama sepertimana saya jawab tadi juga, iaitu bermakna kalau tidak sophisticated, kos juga tidak begitu mahal jikalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

AIDS—KAWALAN PEMDAWA KUMAN

6. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah pencegahan dan kawalan supaya pembawa kuman AIDS di negara ini tidak terus meningkat dan berkeadaan lebih berat;
- (b) apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian ke atas penagih-penagih dadah yang menjadi pembawa utama kuman AIDS ini dalam hal menyekat merebaknya kuman ini; dan

- (c) adakah peningkatan pembawa kuman AIDS yang tinggi sekarang ada kaitannya dengan kebanjiran pelancong yang termasuk dalam "kelas penagih".

5.3.90

20. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Kesihatan menyatakan kenapakah berlakunya peningkatan jumlah pembawa Kuman AIDS di negara kita pada masa ini, apakah punca-punca merebaknya pembawa kuman AIDS itu dan bagaimana tindakan Kementerian untuk mengatasinya.

12.3.90

52. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah jumlah pengidap dan pembawa AIDS yang terdapat di negara ini sejak penyakit AIDS dapat dikesan mengikut negeri-negeri dan begitu juga jumlah yang meninggal mengikut jantina dan keturunan mereka masing-masing.

133.90

6. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah berjaga-jaga yang diusahakan untuk mengelakkan dari merebaknya penyakit AIDS hasil dari kemasukan pelancong-pelancong luar negeri ke negara ini sempena Tahun Melawat Malaysia. Negeri manakah di Malaysia yang telah banyak dijangkiti AIDS.

23. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) setakat hari ini, adakah benar bilangan doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan terutamanya pakar jantung mencukupi;
- (b) adakah Kerajaan akan mengambil lebih ramai doktor dari luar negeri untuk memenuhi kekosongan jika bekalan doktor tempatan tidak mencukupi; dan

- (c) memandangkan semakin banyak kes penyakit AIDS dikesani, apakah langkah-langkah yang sedang atau akan diambil oleh Kerajaan untuk melatih pakar-pakar virilogi dalam kajian penyakit AIDS.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, pada sidang mesyuarat Dewan Rakyat kali ini terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat telahpun mengemukakan pertanyaan yang hampir-hampir sama dan berkaitan dengan penyakit "AIDS" seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh. Mereka ini ialah:-

1. Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib pada 5.3.1990;
2. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah pada 12.3.1990;
3. Yang Berhormat Tuan Chew Kam Hoy pada 13.3.1990; dan
4. Yang Berhormat Tuan Shahidan bin Kassim pada 13.3.1990.

Oleh yang demikian, izinkanlah saya menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut sekali gus pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, AIDS adalah satu penyakit yang disebabkan oleh sejenis kuman virus yang dipanggil Human Immunodeficiency Virus (HIV) ataupun virus AIDS. Penyakit ini melumpuhkan keupayaan semula jadi badan untuk melawan penyakit. Dengan lumpuhnya keupayaan ini, mereka akan dijangkiti virus AIDS yang akan terdedah kepada jangkitan beberapa jenis kuman yang biasanya tidak merbahaya dan mengalami beberapa jenis barah yang biasanya jarang berlaku. Penyakit AIDS ini boleh merebak daripada sesuatu kes

atau pembawa kepada seorang yang lain yang boleh dijangkiti melalui tiga cara sahaja, iaitu:-

- (i) melalui hubungan seks dengan seorang yang telahpun dijangkiti oleh virus AIDS;
- (ii) melalui darah yang telah tercemar dengan virus AIDS; dan
- (iii) dari ibu yang telahpun dijangkiti oleh virus AIDS kepada bayinya semasa mengandung dan ketika ataupun selepas melahirkan kandungannya itu.

Jangkitan virus AIDS boleh berlaku semasa perlakuan hubungan seks di antara dua orang lelaki (homosexual) ataupun di antara lelaki dan perempuan (heterosexual), jika salah seorang daripada mereka itu adalah orang yang mempunyai penyakit ataupun pembawa virus AIDS.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kes AIDS yang pertama di Malaysia telahpun dikesan pada 19.12.1986 lagi dan sehingga 20.2.1990 sejumlah 12 kes AIDS telahpun dikesan dan 8 daripada mereka telahpun meninggal dunia. Selain daripada itu, 250 pembawa virus AIDS telahpun dikesan sehingga hari ini.

Jumlah kes dan pembawa yang dikesan mengikut negeri-negeri yang mengesannya ialah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Kes</i>	<i>Pembawa</i>
Perlis	0	6
Kedah	0	38
Pulau Pinang	1 (telah meninggal dunia)	11
Perak	0	6
Selangor	1 (telah meninggal dunia)	16
Wilayah Persekutuan	9 (termasuk 5 kematian)	10
N. Sembilan	0	5
Melaka	0	4
Johor	0	35
Pahang	0	14

<i>Negeri</i>	<i>Kes</i>	<i>Pembawa</i>
Terengganu	0	34
Kelantan	1 (telah meninggal dunia)	67
Sabah	0	0
Sarawak	0	4
	12 (termasuk 8 kematian)	250
JUMLAH KESEMUAANYA:		262

Negeri-negeri yang banyak mengesan mereka yang dijangkiti kuman AIDS ialah Kelantan, Kedah, Johor dan Terengganu.

Peningkatan jumlah pembawa kuman AIDS yang dikesan di negara ini adalah hasil daripada peningkatan aktiviti ujian saringan yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan ke atas golongan berisiko tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengawal dan mencegah penyakit ini, Kementerian Kesihatan telahpun mengambil beberapa langkah semenjak tahun 1985 lagi. Langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) Memberi makluman dan pendidikan kesihatan dengan secukupnya kepada orang ramai, kakitangan perubatan dan kesihatan, golongan berisiko tinggi dan juga pesakit AIDS. Kementerian Kesihatan telahpun mengeluarkan 426,500 poster, 1,617,000 risalah, 480,000 buku kecil dan tiga buah "trailer" ataupun filem pendek mengenai AIDS di TV dan juga ditayang di panggung-panggung wayang
- (ii) Mempastikan semua darah yang digunakan adalah selamat. Ini dilakukan dengan beberapa langkah termasuk menubuh 46 buah pusat saringan darah di seluruh negara untuk menjalankan ujian mempastikan semua darah yang didermakan adalah bebas daripada antibodi terhadap kuman virus AIDS.

- (iii) Menggunakan hanya hasil-hasil darah (blood products) yang telahpun dirawat dengan bahang panas (heat-treated) sahaja. Pembelian ini boleh dibuat melalui satu punca sahaja iaitu melalui Pembelian Pusat (Central Purchase).
 - (iv) Pengawalan melalui undang-undang di mana di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, semua bentuk jangkitan virus AIDS perlu diberitahu (a notifiable disease) kepada pihak kesihatan. Selain daripada itu, Seksyen 12 subseksyen (2) Akta yang sama mempunyai peruntukan yang menyebut bahawa adalah menjadi kesalahan sekiranya mereka yang mengetahui telahpun dijangkiti virus AIDS melakukan apa-apa perbuatan yang boleh merebakkan penyakit itu, termasuk perlakuan seks.
 - (v) Pasukan Petugas AIDS dan Jawatankuasa Teknikal jangkitan HIV telahpun diwujudkan di peringkat Kementerian untuk merumuskan dasar-dasar dan merancang strategi-strategi pengawalan dan pencegahan penyakit AIDS. Selain daripada itu, Jawatankuasa Penyelaras jangkitan HIV juga diwujudkan di peringkat negeri untuk menyelaras dan menjalankan kerja-kerja pencegahan penyakit AIDS di negara kita. Program mencegah penyakit ini telahpun diintegrasikan dengan program perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang sedia ada.
 - (vi) Merumus dan mengedarkan "Pelan Tindakan Pencegahan dan Kawalan AIDS" untuk kegunaan kakitangan perubatan dan kesihatan di seluruh negara.
 - (vii) Memberi rawatan perubatan kepada semua mereka yang dijangkiti virus AIDS termasuk kaunseling perubatan mengenai penyakit AIDS, cara-cara ia merebak dan cara-cara ia boleh dicegah daripada merebak. Penyiasatan susulan juga dijalankan untuk menentukan punca jangkitan serta kontek pesakit.
 - (viii) Menjalankan ujian darah untuk antibodi terhadap kuman virus AIDS di kalangan mereka yang berisiko tinggi terutama penagih dadah yang menggunakan jarum suntikan dan pelacur-pelacur.
 - (ix) Semua penagih dadah yang dikesan sebagai pembawa kuman AIDS diberi pemeriksaan perubatan oleh pakar perubatan yang berdekatan dan seterusnya keadaan kesihatan mereka disusuli dari masa ke semasa. Mereka juga diberi kaunseling perubatan yang secukupnya mengenai penyakit AIDS dan tindakan yang perlu mereka ambil untuk mengelakkan jangkitan kepada orang lain.
 - (x) Menjalankan program latihan kakitangan perubatan dan kesihatan khusus untuk penyakit AIDS. Kakitangan-kakitangan ini termasuk pakar-pakar Virilogi dan Teknologis Makmal Perubatan yang biasanya menjalankan kajian penyakit AIDS.
 - (xi) Seterusnya mengadakan kerjasama dan pertukaran maklumat serta pengalaman berkenaan penyakit AIDS terutama dengan negara-negara jiran dan juga pertubuhan-perlubuhan antara-bangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
- Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa pembawa-pembawa AIDS yang dikesan ada kaitan dengan pelancong-pelancong ataupun penyakit ini disebabkan oleh kemasukan pelancong-pelancong asing.

Merebaknya penyakit ini adalah berkaitan rapat dengan perlakuan dan cara hidup seseorang itu. Oleh itu, cara pencegahan dan kawalan penyakit AIDS hanyalah melalui pendidikan kesihatan kepada orang ramai supaya menukar gaya hidup mereka, terutama mereka yang mempunyai perlakuan yang mendedahkan diri mereka kepada jangkitan tersebut.

Mungkin kita boleh menasihatkan orang ramai terutama Ahli-ahli Yang Berhormat supaya masing-masing mempelajari sedikit mengenai penyakit AIDS itu dan cara-cara yang merebak supaya ia dapat diberitahu kepada keluarga kita tentang penyakit-penyakit AIDS ini dan cara-cara mengelakkannya, sebab akhir-akhir ini kita dapati bahawa golongan umur yang telahpun terdedah kepada penyakit ini ialah antara 16 tahun kepada 40 tahun. Oleh kerana bahaya penyakit AIDS ini belum ada ubatnya lagi, adalah elok pada kita untuk mengetahui penyakit ini supaya ia tidak merebak dalam keluarga kita.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dari keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri menunjukkan di antara negeri-negeri, kenapakah Kelantan, Kedah dan Johor begitu ramai sangat pembawa-pembawa AIDS ini? Daripada keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi juga mengatakan bahawa bukanlah pelancong-pelancong yang boleh membawa kuman AIDS di kawasan kita. Tidakkah dengan pelancong juga sama ada orang dari dalam negeri kita yang melancong keluar negeri atau orang luar negeri yang melancong ke dalam negeri kita telah membawa banyaknya virus AIDS ini? Itulah saya minta penjelasan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, seperti telah saya terangkan pada sesi-sesi Parlimen yang lepas, negeri-negeri yang telahpun mempunyai kes-kes AIDS ataupun

pembawa-pembawa kuman AIDS yang tinggi ialah Negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan juga Johor. Ini adalah satu correlation yang dekat dengan penagih-penagih dadah di negeri-negeri tersebut. Jika kita kaji, kita dapati bahawa salah satu daripada sebab orang-orang negeri-negeri ini yang mempunyai penyakit AIDS ataupun pembawa AIDS yang tinggi ada kaitan rapat dengan penagihan dadah melalui penggunaan suntikan yang selalu disyer di antara satu sama lain. Itulah sebab yang pertama sekarang yang menyebabkan penyakit AIDS ini merebak dengan cepat.

Yang kedua ialah melalui homosexuality ataupun perhubungan jenis di antara lelaki dan lelaki. Mengikut kajian kita, itu adalah salah satu daripada sebabnya mengapa negeri-negeri ini mempunyai banyak kes-kes yang telah saya sebutkan tadi.

Mengenai dengan pelancong, kita tidak ada bukti yang mengatakan orang-orang yang datang ke negeri kita ini membawa penyakit AIDS. Tetapi saya tidak menafikan kemungkinan ada orang-orang kita yang keluar ke negeri ini pergi ke tempat-tempat tertentu dan mungkin mengidap penyakit AIDS ataupun terjerempak dengan penyakit AIDS. Oleh kerana itulah maka kita telah menasihatkan orang ramai bahawa cara seelok-eloknya untuk mengelakkan penyakit ini ialah menukar cara hidup kita - daripada mempunyai hubungan sex yang terlalu banyak, (*Ketawa*) dengan pasangan yang terlalu banyak kepada satu cara hidup yang normal. Perkataan normal ini is subject to interpretation masing-masing. (*Ketawa*)

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat jawapan yang lebih jelas. Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak ada satu kenyataan ataupun satu keterangan yang jelas yang mengatakan bahawa pelancong yang masuk ke negera kita ini

tidak membawa AIDS. Dengan ini bermakna bahawa AIDS yang ada dalam negara ini sama ada lahir daripada negara-negara ini sendiri ataupun diimport daripada negara-negara lain. Kalau diimport daripada negara lain, apakah tindakan kita hendak menyekat supaya pengimportan AIDS ini tidak dibuat oleh rakyat negara ini, sedangkan dalam jawapan tadi kita hanya menyekat pelancong-pelancong tidak membawa masuk, tetapi ini rakyat kita yang membawa masuk. Ini saya rasa satu perkara yang agak berlainan dengan kajian yang mengatakan AIDS tidak bermula dalam negara kita dan kalau daripada jawapan ini, ternyata bahawa AIDS bermula dalam negara ini. Yang kedua, seperti keterangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa terdapat negeri-negeri seperti Kelantan, Kedah dan Johor berlakunya homosexuality ini. Adakah negeri-negeri ini banyak berlaku perkara sebegini maka AIDS merebak begitu meluas dalam negara ini? Apakah tindakan Kementerian terhadap manusia yang mengamalkan homosexuality di negeri-negeri ini supaya ianya tidak merebak ke negeri-negeri lain termasuk Pulau Pinang ataupun Perak iaitu negeri saya sendiri?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat jawapan saya tadi yang priama adalah jelas. Saya kata, kita tidak mempunyai bukti yang mengatakan bahawa pelancong-pelancong yang datang daripada luar negeri itu membawa penyakit AIDS. Saya telah mengatakan saya tidak menafikan bahawa mungkin AIDS itu dibawa oleh orang kita daripada negeri-negeri lain selepas melawat negeri-negeri tersebut. Sebab kita tidak ada satu dasar yang meminta ataupun yang memerlukan pelancong-pelancong diperiksa di sempadan sama ada darah mereka itu mengandungi virus AIDS atau tidak. Kita telahpun membuat dasar itu, sebab kalau kita mengadakan satu dasar supaya kita adakan sekatan dan pemeriksaan di sempadan-sempadan

untuk pelancong-pelancong, saya jangka mungkin pelancong-pelancong tidak akan datang ke Malaysia langsung daripada Singapura baik, daripada Utara baik dan daripada mana-mana negara baik, sebab kemungkinan mereka terpaksa menunggu sehari-hari sebelum mereka dapat masuk ke sini, sebab darah yang diambil dan diperiksa itu tidak mungkin akan menunjukkan kandungan virus iuu dengan serta-merta, sebab ia memerlukan proses saringan ataupun proses pemeriksaan yang teliti sebab kadang-kadang dia ada window period yang dimaksudkan di sini. Window period ini ialah satu masa di mana semasa pemeriksaan itu berlaku, kita tidak tahu dan kadang-kadang selepas beberapa bulan barulah penyakit iuu terkeluar. Ini dinamakan window period. Oleh kerana iuu, maka kita tidak mengadakan dasar untuk mengadakan pemeriksaan di tempat-tempat masuk di seluruh Malaysia. Jadi, saya anggap jawapan iuu memadai untuk menentukan jawapan yang saya beri tadi ialah bahawa kita tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa pelancong-pelancong membawanya.

Yang kedua, berkenaan homosexuality, saya telah mengatakan tadi bahawa kebanyakan kes di Kelantan, Kedah, Johor dan Terengganu itu adalah berkaitan dengan adanya banyak penagih-penagih dadah yang menggunakan I.V. (Intravenous mediate needle) dan kebanyakan mereka ini didapati berkongsi jarum tersebut.

Cara jangkitan yang kedua ialah melalui homoseksual tetap: saya tidak ada satu cara off the cuff mengatakan bagaimana hendak control orang daripada melakukan hubungan homoseksual melainkan Ahli Yang Berhormat ada satu cara yang boleh berkesan supaya tidak merebak ke Perak (*Ketawa*) tetapi pada saya, ini berbalik kepada style hidup masing-masing. Kalau sekiranya style seseorang itu suka kepada perhubungan sedemikian, dengan izin, how can one control him?

**JALANRAYA DUA-HALA—
TOWERING ESTATE—PEKAN
DONGGONGON**

7. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk menyambung jalanraya dua-hala (dual carriageway) dari simpangan Estet Perindustrian Towering hingga ke pekan Donggongon, di mana jalanraya ini adalah sebahagian dari Lebuhraya Kota Kinabalu—Penampang Tambunan—Keningau.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini termasuk di bawah projek melebarkan jalan Penampang—Kota Kinabalu di mana di bawah Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan telah merancang untuk menyiapkan persimpangan ke kawasan Perindustrian Towering sahaja. Sementara baki jalan sejumlah 3 kilometer akan dinaikkan taraf kepada dual-carriageway dirancangan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 8 Y. B. Dr. Tan Seng Giaw tidak hadir)

**DAFTAR PEMILIH
DIPERTIKAIKAN**

9. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab-sebabnya nama-nama para pengundi di dalam daftar pemilih dipertikaikan (diprotes) sedangkan orang-orang yang dikatakan membuat protes itu tidak tahu menahu dan tidak pernah membuat protes. Oleh yang demikian, siapakah yang bertanggungjawab membuat protes ini dan adakah kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya sendiri yang membuat kerja ini.

Menteri di ,Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, dalam satu urusan pendaftaran pemilih ketika rang daftar pemilih dipamerkan kepada orang ramai, semua orang yang berkelayakan adalah bebas untuk membuat bantahan atau tuntutan hendaklah menjadi tanggungjawab pegawai-pegawai pendaftaran menerima semua sekali tuntutan dan bantahan itu untuk siasatan. Oleh itu, persoalan sama ada bantahan itu dibuat oleh kakitangan Suruhanjaya tidak timbul sama sekali.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri, saya ingin mendapat tahu bahawa berlakunya protes-protes itu, ada di antaranya yang memprotes itu orang yang sudah mati, nama dia memproteskan yang hidup. Jadi, saya hairan apabila orang mati memprotes orang hidup. Ini macam mana. *(Ketawa)* Jadi, yang saya hendak tahu siapakah yang membuat protes ini? Itu saya mahu tahu. Adakah ini suatu rekaan yang dibuat oleh orang-orang Suruhanjaya Pilihanraya sendirilah ataupun daripada mana kerana tentu sekali apabila berlaku perkara-perkara semacam ini, tentu sekali bagi pihak Suruhanjaya Pilihanraya menggunakan siasatan yang rapi supaya ianya menjaga maruah Kerajaan yang memerintah negara ini. Kalau tidak, perkara ini tentu memalukan kita. Jadi, saya hendak tanya, kenapakah boleh timbul begitu. Itu satu.

Soalan yang keduanya pula, ada di antara pengundi-pengundi yang duduk di kawasan itu didapati tidak ada nama mereka. Kenapa? Adakah hantu bawa lari nama dia atau macam mana? Jadi, perkara ini saya hendak tanya bagaimanakah siasatan Kerajaan tentang perkara-perkara ini kerana Suruhanjaya Pilihanraya bertanggungjawab dalam hal ini untuk menjaga maruah Kerajaan. Ini memalukan kita kepada negara-negara luar. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana saya sebutkan tadi, siapa sahaja berkelayakan adalah bebas untuk membuat bantahan dan tuntutan. Berkelayakan dalam ertikata orang yang berdaftar di kawasan itu. Kalau sekiranya di kawasan Ahli Yang Berhormat—saya tak boleh memprotes sebab saya berdaftar di Sarawak—itulah erti kelayakan.

Dalam soal ini, seperti mana saya sebut tadi bahawa bantahan-bantahan ini dibuat dengan menggunakan borang-borang tertentu. Jadi, segala borang ini diserahkan kepada pihak pegawai-pegawai pendaftar dan ini perlulah dikaji dengan cara teliti oleh pihak Suruhanjaya/Pendaftar iaitu ADO dan DO. Jikalau didapati bahawa memang betul ada fact ataupun sebab-sebab mengapa bantahan itu patut diterima, maka ia diterima, kalau tidak, ia tidak diterima dan memang betul bahkan di negeri Terengganu mengikut angka yang ada pada saya ini jumlah bantahan—bukan negeri Terengganu sahaja, keseluruhannya dalam tahun 1989 ada 12,790 berlaku dan 3 negeri di mana angka ini adalah begitu besar sekali. On the top of the list, dengan izin, ialah Sabah sebanyak 5,630 bantahan, kedua negeri Terengganu sebanyak 4,233 dan Kelantan 2,302—memang ada bantahan dibuat.

Begitu juga daripada segi tuntutan. Tuntutan bermakna kalau seseorang itu mengisi borang dan mendaftar nama di kawasan itu, akan tetapi namanya tidak masuk dalam senarai itu, maka beliau boleh membuat tuntutan mengadu kepada pihak Pendaftar oleh kerana namanya tidak dimasukkan. Jadi, dalam soal ini pihak Suruhanjaya Pilihanraya bersifat adil dan bukanlah ini merupakan rekaan ataupun perbuatan pihak Suruhanjaya Pilihanraya tetapi mungkin oleh pihak-pihak tertentu. Siapakah mereka, mungkin Ahli Yang Berhormat sendiri maklum.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Penanyaan No. 8, 10 hingga 59 adalah diberi di bawah ini).

URUSNIAGA PERTUKARAN WANG ASING

8. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kemajuan yang tercapai setakat ini dalam siasatan ke atas syarikat-syarikat yang disyaki berurusan dalam pertukaran asing tanpa kebenaran Kerajaan. Pada puratanya, berapa lamakah syarikat-syarikat ini sudah beroperasi;
- (b) daripada siasatan yang sedang dikendalikan, apakah purata nilai urusniaga dalam pertukaran asing yang mungkin terlibat, berapa orang pelaburkah yang disyaki terlibat. Apakah kelebihan-kelebihan yang boleh ditawarkan oleh syarikat-syarikat ini kepada pelabur yang tidak boleh diperolehi menerusi saluran urusniaga yang sah.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):

- (a) Setakat ini sebanyak 22 buah syarikat telah diserbu oleh Bank Negara Malaysia kerana disyaki terlibat dalam urusniaga pertukaran wang asing tanpa izin. Berdasarkan kepada dokumen-dokumen yang diperolehi semasa serbuan itu, 4 buah syarikat didapati mempunyai bukti menjalankan urusniaga pertukaran wang asing dan tindakan sedang diambil untuk mendakwa mereka di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Di samping itu, siasatan ke atas 11 daripada syarikat itu masih dijalankan oleh Bank Negara, manakala 7 buah syarikat lagi didapati tidak mempunyai bukti yang menunjukkan penglibatan mereka dalam urusan niaga pertukaran wang asing. Berdasarkan maklumat-maklumat yang ada, penglibatan syarikat-syarikat itu baru sahaja bermula kerana kebanyakan daripadanya ditubuhkan dalam tahun 1989 dan tidak ada di antara syarikat-syarikat itu yang ditubuhkan sebelum tahun 1987.

- (b) Dalam serbuan dan siasatan yang dijalankan setakat ini, pihak Bank Negara belum mendapat maklumat mengenai jumlah wang dan bilangan pelabur yang terlibat dalam urusan niaga pertukaran wang asing oleh syarikat-syarikat berkenaan. Apa yang diketahui setakat ini ialah mengenai kegiatan mendapatkan wang daripada orang ramai oleh syarikat-syarikat tersebut untuk digunakan dalam urusan niaga pertukaran wang asing di pasaran luar negeri. Syarikat-syarikat itu bertindak sebagai agen kepada syarikat-syarikat utama di luar negeri termasuk di Hong Kong. Adalah difahamkan bahawa syarikat-syarikat itu berjaya menarik minat setengah-setengah orang kerana mereka dijanjikan dengan pulangan yang lumayan. Kegiatan spekulasi dalam urusan niaga pertukaran wang asing seumpama itu adalah dilarang oleh Kerajaan dan pada masa ini hanya bank-bank perdagangan dan Bank Islam Malaysia Berhad sahaja yang dibenarkan menjalankan urusan penukaran wang asing dengan diawasi oleh Bank Negara.

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA—JUMLAH PELABUR

10. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib meminta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah pelabur Amanah Saham Bumiputera (ASB) sejak ianya dilancarkan pada penghujung tahun lalu 1989 hingga kini. Adakah sambutan orang ramai memuaskan dan apakah Institusi Kewangan dibenarkan pinjaman bagi tujuan pinjaman pembelian ASB ini.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Urusniaga Skim ASB telah dimulakan pada 1 Januari 1990 dan sehingga 31 Januari 1990, Skim ASB telah berjaya menarik seramai 7,773 ahli baru, yang terdiri daripada 4,873 pelabur dewasa dan 2,900 pelabur remaja. Bilangan pelabur tersebut tidak termasuk seramai 2,442,388 pelabur ASN yang secara automatik menjadi pelabur ASB.

Ternyata sekali daripada angka-angka tersebut bahawa sambutan orang ramai terhadap Skim ASB amat menggalakkan.

Pihak pengurusan ASB belum lagi mengaturkan dengan mana-mana institusi kewangan bagi tujuan mendapatkan kemudahan pinjaman untuk pelabur-pelaburnya. Walau bagaimanapun PNB akan mengadakan perbincangan dengan bank/institusi kewangan yang memberi kemudahan pinjaman kepada pelabur-pelabur ASN supaya mengadakan kemudahan yang sama bagi skim ASB.

SURUHANJAYA SELATAN

11. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang kedudukan Pertubuhan Negara-negara Selatan:

- (a) apakah bentuk bantuan atau kerjasama yang telah diwujudkan di bawah gagasan ini;

- (b) apakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai sehingga kini. Apakah peranan dan sumbangan Malaysia; dan
- (c) berapakah negara-negara yang menyertai pertubuhan ini dan apakah motif utamanya.

Titnbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Pertubuhan Negara-negara Selatan tidak wujud. Mungkin Yang Berhormat maksudkan ialah Suruhanjaya Selatan ataupun South Commission. Oleh itu, jawapan saya yang selanjutnya adalah mengenai Suruhanjaya Selatan ini.

Merujuk kepada soalan (a), saya ingin memaklumkan bahawa Suruhanjaya Selatan ini telah ditubuhkan dalam tahun 1987 untuk tempoh 3 tahun. Penubuhannya adalah ekoran dari inisiatif yang telah dibuat oleh Malaysia semasa Persidangan Selatan-Selatan II di Kuala Lumpur dalam tahun 1986.

Tujuan utama Suruhanjaya ini ditubuhkan adalah untuk mengkaji dan menganalisa keadaan dan masalah ekonomi, sosial dan politik yang dihadapi oleh negara-negara Selatan. Dari kajian dan analisa ini, Suruhanjaya Selatan diharap dapat mengesyorkan strategi-strategi dan juga dasar-dasar yang sesuai dan boleh dipakai oleh negara-negara membangun bagi mengatasi masalah dan juga memulihkan keadaan ekonomi dan pembangunan mereka.

Mengenai soalan (b), dimaklumkan bahawa setakat ini, Suruhanjaya Selatan telah mengadakan 6 mesyuarat di mana mesyuarat keenam telah diadakan di New Delhi pada 11hb-14hb November, 1989. Sepanjang tempoh tersebut, Suruhanjaya Selatan telah membincangkan segala perkara yang berkaitan dengan kepentingan negara-negara

Selatan termasuk isu-isu mengenai perdagangan, beban hutang, pendidikan, pemindahan teknologi dan pertukaran maklumat.

Suruhanjaya Selatan sedang menyediakan laporan terakhir mengenai hasil pengkajiannya laporan selama tempoh 3 tahun penubuhannya. Laporan ini dijangka akan mengandungi syor-syor ke arah menggalak dan meningkatkan lagi kerjasama Selatan-Selatan. Menurut Pengerusinya, laporan akhir Suruhanjaya tersebut akan dapat disediakan sebelum pertengahan tahun ini.

Urusetia Suruhanjaya Selatan yang ibupejabatnya di Geneva telah dibiayai oleh sumbangan dari 50 buah negara-negara membangun. Antara negara-negara tersebut yang telah memberikan sumbangan yang besar kepada Suruhanjaya Selatan ini ialah Kuwait, Syria, Venezuela, India, Nigeria, Zimbabwe, Senegal, Tanzania, Republik Rakyat China, Republik Korea, dan juga Malaysia. Di samping itu, terdapat juga sumbangan dari pihak swasta Malaysia iaitu Kuok Foundation Malaysia dan dari Arab Fund for Economic and Social Development.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia terutamanya Y.A.B. Perdana Menteri telah memainkan peranan utama dalam penubuhan Suruhanjaya Selatan ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengetuai Jawatankuasa Pemandu Suruhanjaya ini diawal penubuhannya dan juga mengetuai usaha-usaha mendapatkan sumbangan dari negara-negara membangun yang lain bagi membiayai kerja-kerja Suruhanjaya tersebut.

Sebagai menjawab soalan (c), saya ingin menyatakan bahawa Suruhanjaya Selatan yang Pengerusinya ialah Mwalimu Dr Julius K. Nyerere iaitu bekas Presiden Tanzania, mempunyai 27 orang ahli ataupun digelar Pesuruhjaya. Perlantikan mereka sebagai ahli adalah

berdasarkan kepada dengan izin 'personal capacity' dan bukannya mengikut negara. Pesuruh-pesuruhjaya ini adalah mereka yang terbukti mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam arena antarabangsa khususnya dalam bidang ekonomi dan hubungan antara negara-negara membangun.

PROJEK TUMBOH BLOK

12. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Pertanian menyatakan sehingga hari ini apakah kemajuan/prestasi yang dicapai bersabit dengan Tumbuh Blok di Perak Tengah dan bilakah hendak dilaksanakan secara menyeluruh dan apakah masalah-masalah yang dihadapi.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Projek Tumbuh Blok ini telah dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) tetapi telah ditangguh disebabkan oleh kemelesetan ekonomi. Walau bagaimanapun semasa penilaian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan sejumlah \$3.5 juta telah diluluskan untuk projek ini bagi membiayai sebahagian kerja yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dalam tahun 1989 dan 1990.

Setakat ini pengeluaran dan pengorekan Sg. Sengkuang dan Sg. Seluang yang menyalirkan kawasan utara Paya Tumbuh terus ke Sg. Tumbuh telah disiapkan. Kerja-kerja ini telah dapat memperbaiki keadaan saluran dan membolehkan pemuliharaan/pembangunan kawasan rendah yang berpayau untuk tanaman kelapa sawit dijalankan dengan lancarnya. Selain dari itu, pengeluaran dan pengorekan Sg. Tumbuh telah siap dengan Sg. Kinta disebelah hulunya. Kerja-kerja pembinaan ban di tebing kanannya sehingga persimpangan Sg. Tumbuh/Sg. Sengkuang juga telah disiapkan.

Pada masa ini, perancangan projek sedang dibuat dan pelaksanaan projek secara keseluruhannya dicadang dimasukkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Pelaksanaan projek ini memerlukan peruntukan yang banyak dan ianya tidak dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima kerana tidak ada peruntukan yang mencukupi. Walau bagaimanapun, kerja-kerja fizikal seperti yang dinyatakan di atas telah pun dilaksanakan dalam tempoh RML dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

JALAN RAYA ENKILILI— PEKAN LUBOK ANTU

13. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membina jalan raya daripada Engkilili ke Pekan Lubok Antu Kanan, dan jumlah kos pembinaan.

Tuan Luhah Wan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang bercadang untuk membina jalan raya daripada Engkilili ke Pekan Lubok Antu Kanan yang dianggarkan sepanjang 30 km. Projek ini akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Keenam dengan jumlah kos sebanyak \$12 juta.

TELEFON KERETA KEPADA TIMBALAN MENTERI/ SETIAUSAHA PARLIMEN

14. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang akan membekalkan telefon kereta kepada semua Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Jika ya, bila dan jika tidak apa sebabnya.

Data' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Y.B. Timbalan Menteri dan Y.B. Setiausaha Parlimen

adalah sebagaimana yang dibekalkan di dalam Lampiran-Lampiran "F" dan "G" Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Untuk makluman Yang Berhormat, antara kemudahan-kemudahan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Satu telefon talian terus di pejabat;
- (ii) Satu telefon talian terus di kediaman rasmi/tempat kediaman;
- (iii) Satu telefon talian terus di pejabat di kawasan pilihanraya masing-masing;
- (iv) Semua kos pemasangan, bayaran sewa dan bayaran panggilan telefon di (i), (ii) dan (iii) dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan kecuali bagi telefon di pejabat di kawasan pilihanraya di mana Kerajaan akan menanggung bayaran panggilan telefon tertakluk kepada had maksima \$200.00 sebulan.

Adalah didapati bahawa kemudahan-kemudahan perhubungan yang telah disediakan oleh Kerajaan itu mencukupi untuk Y.B. Timbalan Menteri dan Y.B. Setiausaha Parlimen menjalankan tugasnya dengan cekap dan berkesan.

Dengan demikian Kerajaan, tidak bercadang untuk membekalkan telefon di kereta Y.B. Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA DITARIK BALIK

15. Tuan Hu Sepang minta Menieri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan Pasport Malaysia Antarabangsa yang ditarik balik dari pemegang-pemegang pasport dan memberitahu sebab-sebab pasport-pasport tersebut ditarik balik.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Jumlah Pasport Antarabangsa Malaysia

yang ditarik balik dari 1986 hingga 1989 ialah 816 naskah. Penarikan balik Pasport Antarabangsa Malaysia adalah disebabkan:

- (i) Pemegang didapati memperoleh Pasport Antarabangsa Malaysia secara tidak teratur seperti membuat pengakuan palsu semasa mengemukakan permohonan.
- (ii) Pemegang didapati melanggar syarat-syarat penggunaan pasport, iaitu melawat negara-negara terlarang seperti yang tercatat dalam Pasport Antarabangsa Malaysia.
- (iii) Memburukkan nama baik negara, contohnya penglibatan dalam pengedaran dadah Antarabangsa dan jenayah di luar negeri seperti penipuan dan pembunuhan.
- (iv) Penarikan di bawah Akta Kebankrapan di mana pihak Pegawai Pemegang Harta meminla Jabatan Imigresen Malaysia mengambil Pasport Antarabangsa Malaysia dipintu keluar supaya si bankrap tidak meninggalkan negara.

RASUAH MELIBATKAN PEGAWAI KASTAM DI SEMPORNA/TAWAU

16. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kepada kenyataan akhbar beliau di Kota Kinabalu baru-baru ini sama ada beliau juga sedar bahawa korupsi sedang bermaharajalela yang melibatkan pegawai-pegawai Kastam di Semporna dan Tawau. Apakah tindakan jika ada, sedang diambil untuk menangkap ancaman-ancaman seperti ini.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tidak ada bukti yang sah yang menunjukkan bahawa rasuah sedang bermaharajalela yang melibatkan pegawai-pegawai Kastam di Semporna

dan Tawau. Perkara ini telah pun dirujuk kepada Badan Pencegah Rasuah di Kota Kinabalu dan mereka melaporkan tiada ada bukti yang menunjukkan rasuah wujud di stesen-stesen Kastam di Semporna dan Tawau. Jika Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti, ia bolehlah dikemukakan kepada BPR atau Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut untuk mencegah rasuah:

- (i) Menghendaki pegawai-pegawai Kastam yang bertugas di mana berdamping dengan orang awam dikehendaki mengikrarkan wang yang melebihi \$20.00 di dalam miliknya semasa awalan bertugas;
- (ii) Memasang alat perakam kamera video (CCTV) dan juga sisiem mikropon di stesen-stesen kastam tertentu;
- (iii) Meminta bantuan Badan Pencegah Rasuah untuk mengawasi kakitangan/pegawai kastam di stesen-stesen tertentu; dan
- (iv) Membuat pengikraran harta termasuk kebenaran memiliki kereta di kalangan kakitangan/pegawai.

Pihak Kementerian Kewangan memandang serius ke atas perbuatan rasuah dan sentiasa mengawasi kegiatan ini. Kementerian tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas pegawai/kakitangan Jabatan yang terbukti melakukan perbuatan demikian.

KBSR—PELAKSANAAN

17. Datin Paduka Hajjah Rahman binti Osman minta Menteri Pendidikan menyatakan setelah KBSR dilaksanakan selama 10 tahun, adakah Kementerian

Pendidikan bercadang untuk mengkaji semula kekesanannya pelaksanaan sisiem itu terutama terhadap perkembangan pendidikan kanak-kanak dan kesan beban terhadap kanak-kanak serta guru yang bertugas.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa menjalankan pengesanan dan penyeliaan ke atas pelaksanaan kurikulum sekolah termasuk KBSR pada peringkat sekolah. Tujuannya ialah untuk mengetahui keberkesanan dan memperbaiki kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum tersebut.

Kementerian Pendidikan juga melaksanakan penilaian secara menyeluruh selepas sesuatu rancangan atau program itu dilaksanakan sepenuhnya. Bagi maksud ini, satu Seminar Kebangsaan Penilaian Pelaksanaan KBSR akan diadakan pada bulan Mei 1990. Semua aspek, termasuk beban terhadap kanak-kanak serta guru yang bertugas akan diteliti, dan syor-syor yang sewajarnya akan dikemukakan untuk memperbaiki mana-mana kekurangan.

GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SABAH—KEKURANGAN

18. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menambah bilangan guru-guru agama Islam yang bertauliah di sekolah-sekolah Menengah dan Rendah Jenis Kebangsaan di seluruh negeri Sabah, memandangkan kekurangan tenaga pengajar di bidang itu di sekolah-sekolah berkenaan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menyedari tentang kekurangan Guru-Guru Pendidikan Islam di Negeri Sabah serta di negeri lain dalam Malaysia. Untuk

mengurangkan masalah itu Kementerian Pendidikan melaksanakan langkah jangka pendek dan jangka panjang.

Untuk jangka pendek, Kementerian Pendidikan menghantar guru sementara yang tidak terlatih mengajar di sekolah-sekolah berkenaan di Negeri Sabah. Guru berkenaan diberikan latihan atau kursus perguruan dalam masa cuti di maktab-maktab perguruan Sabah. Guru-guru yang berjaya dalam kursus tersebut akan dijadikan guru terlatih.

Bagi langkah jangka panjang dalam mengatasi kekurangan guru-guru agama terlatih di Sabah ialah mengambil lebih ramai calon-calon guru agama yang terdiri dari anak negeri Sabah termasuk Sarawak untuk memasuki maktab perguruan dalam bidang Pendidikan Islam di samping menambah bilangan Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Islam.

Setakat ini Bahagian Pendidikan Guru telah melatih guru-guru agama Islam di Maktab-Makub Perguruan Sabah seperti berikut:

Tahun 1987	20 orang
1088	66 orang
1989	93 orang
1990	100 orang (sedang dalam latihan)

MARDI WUJUDKAN PUSAT PENYELIDIKAN DI SARAWAK

19. Tuan Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa lamakah MARDI sudah bertapak dan mewujudkan Pusat Penyelidikannya di Sarawak; dan
- (b) apakah hasil dan kesan daripada pengwujudan cawangan MARDI di Sarawak.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MARDI telah mewujudkan Pusat Penyelidikan di Kuching, Sarawak pada

1hb Ogos 1985. Selepas ujudnya Penyelidikan tersebut beberapa kesan positif telah diperolehi seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan dan menolong memajukan ternakan bebiri dengan kerjasama Jabatan Haiwan. 300 baka induk (10% Dorset X Malin) kind dibiakkan di Miri.
- (ii) Memperkenalkan beberapa jenis padi baru kepada Jabatan Pertanian Sarawak.
- (iii) Menguji dan mengenalpasti klon-klon koko yang sesuai untuk Sarawak. Didapati klon-klon KKM 17, 27, 7, 26 berupaya memberi hasil antara 1400 hingga 1700 kg/ha. Ini berbanding dengan hasil klon-klon koko biasa yang diusahakan oleh Pekebun Kecil di Sarawak sebelum sebanyak 400-600 kg/ha.
- (iv) Memperkenalkan penanaman buah-buahan secara komersial. Antaranya adalah belimbing, jambu, papaya dan limau. Usaha-usaha ini dilaksanakan dengan penglibatan petani-petani.
- (v) Memperkenalkan perusahaan lebah madu di beberapa kawasan Samarahan dan kini giat untuk memberi bimbingan kepada petani-petani yang terminal.
- (vi) Dalam bidang pemerosesan makanan, beberapa khidmat nasihat dan tunjuk ajar telah diberi kepada badan-badan Kerajaan dan swasta mengenai bahan-bahan dari ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran.
- (vii) Kerja-kerja telah pun bermula untuk mengatasi masalah-masalah bersabit dengan tanah kurang subur, seperti gambut dan asid-sulfat. Dijangka kemajuan-kemajuan dalam bidang ini akan membantu meningkatkan lagi produktiviti petani-petani Sarawak.

NELAYAN—KADAR KEMISKINAN

20. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah keberkesanan pihak LKIM di dalam usaha-usaha membasmi kemiskinan nelayan-nelayan dan apakah dengan pelaksanaan Akta Perikanan akan dapat mengurangkan kemiskinan atau sebaliknya lebih menyusahkan lagi para nelayan.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Kadar kemiskinan di kalangan nelayan telah menurun dari 73.1% dalam tahun 1970 kepada 24.5% dalam tahun 1987. Ini menunjukkan keberkesanan tindakan Kementerian Pertanian khususnya LKIM dan BPM dalam usaha untuk membasmi kemiskinan di kalangan nelayan.

Di bawah program pembiayaan LKIM, penekanan diberi ke arah memperingkatkan pendapatan nelayan. Usaha ini dibuat melalui program akuakultur dan program pembangunan perikanan laut. Di bawah program akuakultur projek-projek ekonomi seperti menternak ikan dalam sangkar, projek menternak udang dalam kolam dan projek menternak kupang dan kerang yang dapat mempertingkatkan pendapatan nelayan. Di bawah program pembangunan perikanan laut, aktiviti yang dijalankan meliputi pemprosesan hasil-hasil perikanan, dan bantuan di bawah skim pemilikan dan skim peningkatan bot untuk memperingkatkan pendapatan nelayan.

Di samping itu di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan mereka yang terdiri dari golongan yang berpendapatan kurang daripada \$175.00 sebulan, LKIM telah mengenal-pasti dan melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti pembinaan

unjam-unjam, ternakan bebiri/itik, ternakan kupang dan mempelbagaikan peralatan menangkap ikan.

Akta Perikanan 1985, telah digubal dengan mengambilkira Kementerian kepentingan nelayan-nelayan terutamanya nelayan-nelayan tradisi selain dari pembangunan industri perikanan itu sendiri. Sementara itu pula peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta berkenaan adalah semata-mata bertujuan untuk mengurus sumber perikanan dengan cara yang lebih berkesan dan akan memanfaatkan nelayan-nelayan sendiri. Sumber perikanan adalah milik bersama dan jika sekiranya ia tidak diurus dan dikawal rapi, sumber tersebut boleh terjejas disebabkan oleh eksploitasi yang keterlaluan terutamanya oleh bot-bot yang mengusahakan perkakas komersial seperti Pukat Tunda. Andainya keadaan ini berlarutan tanpa sebarang tindakan seperti mengadakan undang-undang, sudah pasti sumber perikanan yang ada sekarang akan terus terjejas dan pupus langsung dan nelayan-nelayan sendiri yang akan menderita. Oleh sebab itu Kerajaan berpendapat bahawa Akta Perikanan 1985 adalah perlu untuk menjaga kepentingan nelayan-nelayan sendiri dan juga industri perikanan negara kita.

PENJARA-PENYELEWENGAN PEGAWAI

21. Tuan Haji Mohd. Sailan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak 1988 hingga 1989 berapa ramai pegawai-pegawai Jabatan Penjara yang telah diambil tindakan disebabkan beberapa penyelewengan yang berlaku. Nyatakan juga penyelewengan dan kesalahan-kesalahan yang dilakukan dan tindakan-tindakan kerajaan untuk mengatasinya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sejak tahun 1988 hingga 1989 seramai

55 orang pegawai penjara yang telah dikenakan tindakan tatatertib. Butiran lanjut kesalahan-kesalahan yang dilakukan ialah:

Kecuaian hingga menyebabkan kelarian banduan	- 29 orang
Kesalahan jenayah mcmukul banduan	- 1 kes
Pecah amanah dengan melesap mengambil wang banduan	- 1 kes
Terlibat dengan dadah	- 24 kes

Beberapa usaha telah diambil oleh Jabatan Penjara untuk mengatasi penyelewengan pegawai-pegawai penjara antaranya ialah dengan memperingkatkan pemeriksaan terhadap orang awam yang keluar masuk penjara supaya alat-alat dan dadah tidak masuk ke dalam penjara. Jabatan Penjara juga telah mengadakan beberapa kursus dalam perkhidmatan bagi tujuan memperingkatkan disiplin di kalangan kakitangan penjara.

MOGOK PEKERJA LADANG— MENTERI BERCUTI KE LUAR NEGERI

22. Tuan S. S. Subramaniam minia Menteri Buruh menyatakan:

- (a) apakah sebabnya beliau telah mengambil cuti tahunan apabila negara kita sedang menghadapi suatu krisis industri dengan mogok yang telah dilakukan oleh persatuan kebangsaan pekerja-pekerja ladang di negara kita;
- (b) apakah benar Pemangku Menteri Buruh yang telah mempengerusikan perbincangan antara dua-dua pihak yang telah terbabit dalam mogok ini telah mengambil suatu sikap yang lebih menyebelahi kepada pihak tuan-tuan estet; dan
- (c) adakah benar taraf kehidupan di sebahagian ladang-ladang dalam negara kita tidak berubah jika dibandingkan dengan zaman

penjajah dan usaha-usaha yang sedang diambil oleh Kementerianya tidak boleh memenuhi hasrat pekerja-pekerja di estet-estet tersebut. Apakah usaha yang sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk mencadang meminda Rang Undang-undang pekerja untuk menaikkan taraf kehidupan rakyat dalam kawasan-kawasan estet.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Menteri Buruh telah memohon dan diberi kelulusan cuti rehatnya secara rasmi untuk bercuti di seberang laul beberapa hari sebelum timbulnya tindakan mogok oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW). Tindakan mogok ini pada 31hb Januari 1990 hingga 2hb Februari adalah lindakan yang langsung tidak diduga.

Sebenarnya Menteri Buruh telah menemui perwakilan dari Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA) pada jam 10.00 pagi pada 19-1-90 dan perwakilan dari NUPW pada jam 3.30 petang pada hari yang sama untuk membincangkan pertikaian di antara mereka. Tujuan pertemuan dengan kedua-dua pihak itu adalah untuk menyelesaikan pertikaian itu secara rundingan damai. Menteri Buruh juga menegaskan bahawa sekiranya kedua-dua pihak itu gagal menyelesaikan pertikaian itu secara saksama, beliau sentiasa bersedia memberi bantuan penyelesaiannya. Mereka telah membcri kcyakinan kepada Menteri Buruh bahawa mereka akan meminta bantuan beliau sekiranya pertikaian itu tidak dapat diselesaikan.

Notis mogok telah dikeluarkan oleh NUPW kepada MAPA pada

jam 4.00 petang 26-1-90 iaitu dengan izin Chinese New Year Eve (hampir-hampir selepas waktu pejabat). Tetapi NUPW tidak memberitahu Jabatan Perhubungan Perusahaan, Kementerian Buruh mengenai tindakannya itu. Sebenarnya, tindakan mogok itu tidak sepatutnya diambil oleh NUPW kerana masih terdapat jalan-jalan keluar untuk menyelesaikan pertikaian itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya Menteri Buruh diberitahu oleh NUPW tentang tindakan mogoknyapada ketika itu, beliau tentu menanggukuhkan cuti beliau. Beliau hanya berlepas bercuti ke Australia pada malam 27-1-90. Walaupun Menteri Buruh berada di Australia pada masa itu, beliau sentiasa menghubungi Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan untuk mengetahui perkembangan pertikaian itu dan perundingan lanjutan di antara kedua-dua pihak itu. Sebenarnya Menteri Buruh bercadang memendekkan cuti beliau dan pulang mengendalikan pertikaian itu. Oleh kerana Menteri Buruh telah dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan bahawa pertikaian itu adalah di bawah kawalan baik maka tidaklah perlu Menteri Buruh memendekkan cuti beliau.

- (b) Anggapan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar atau patut. Di sebaliknya dengan pengalamannya yang lalu sebagai Menteri Buruh, Pemangku Menteri Buruh telah bertindak secara bijaksana dan dengan sikap terbuka untuk menyelesaikan pertikaian mengenai tuntutan NUPW itu.
- (c) Dalam soal taraf kehidupan pekerja-pekerja di sektor per-

ladangan, undang-undang buruh yang dilaksanakan dewasa ini adalah dalam bidang perumahan, kesihatan dan bekalan air. Jika ditinjau dari segi kemudahan-kemudahan ini, Kementerian Buruh tidak dapat bersetuju dengan kenyataan bahawa taraf kehidupan pekerja-pekerja ladang tidak berubah sejak zaman penjajah. Penghuni-penghuni di sebahagian besar ladang-ladang di negara ini menikmati kemudahan-kemudahan asas yang memuaskan seperti perumahan, bekalan air, bekalan elektrik, kesihatan dan lain-lain. Tidaklah dapat dinafikan masih ada sebilangan ladang-ladang di mana taraf kehidupan pekerja-pekerja boleh dipertingkatkan lagi dan tindakan sedang diambil untuk memperbaiki keadaan kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang ini.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Buruh adalah seperti berikut:

- (i) Akta (Piawai Minima Perumahan) Pekerja 1966 akan dipinda dengan tujuan meningkatkan dan memperbaiki taraf kehidupan dan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik, perubatan dan kesihatan, penjagaan kanak-kanak serta kesukuan supaya pekerja-pekerja di sektor perladangan boleh menikmati taraf kehidupan yang lebih baik dan sempurna.
- (ii) Kementerian Buruh telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan untuk menyelaras dan memudahkan pelaksanaan skim-skim pemilikan

rumah-rumah di sektor perladangan dan pengawalan kemudahan-kemudahan yang lain.

- (iii) Kementerian Buruh akan terus menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan kehendak undang-undang mengenai kemudahan-kemudahan asas di sektor perladangan dipatuhi.

MOGOK PEKERJA— KEHILANGAN HASIL LADANG

23. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) jumlah hasil kutipan yang hilang dalam sektor ladang akibat mogok pekerja Kesatuan Pekerja Ladang (NUPW) baru-baru ini;
- (b) jumlah keuntungan yang diperolehi oleh sektor ladang dalam tahun 1980-89;
- (c) jumlah kos yang akan ditanggung oleh sektor ladang kalau tuntutan gaji bulanan NUPW dibenarkan; dan
- (d) mengapa sektor ladang tidak boleh menanggung kos ini.

Dato' K. Pathmanatban:

- (a) Kementerian Buruh tidak ada maklumat mengenai jumlah kehilangan hasil sektor ladang akibat mogok oleh pekerja-pekerja Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) baru-baru ini.
 - (b) Angka-angka seluas sektor itu tidak disimpan oleh Kementerian Buruh. Akaun syarikat-syarikat ladang bolehlah diperolehi secara biasa.
- (c & d) Soal jumlah kos yang akan ditanggung oleh sektor perladangan bagi menampung

tuntutan gaji oleh NUPW belum dapat ditentukan kerana usaha rundingan damai masih belum diselesaikan.

YANG DI-PERTUA MAJLIS DAERAH GUA MUSANG— SIASATAN POLIS

24. Tuan Haji Ibrahim Ali minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kemajuan penyiasatan kes aduan polis oleh Che Abdullah bin Ahmad terhadap Y.B. Tuan Haji Zakaria Haji Hassan (ADUN) merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Gua Musang, No. Repot Polis ialah 658/89 Rumah Pasong, Gua Musang, Kelantan bertarikh 5-7-1989. Apakah hasil penyiasatan tersebut dan apakah dakwaan akan dibuat terhadap Yang Dipertua Majlis Daerah Gua Musang memandangkan kes ini amat "serius".

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Siasatan Polis ke atas Repot No. 658/89 di Balai Polis Gua Musang telah selesai dijalankan. Y.A. Timbalan Pendakwa Raya setelah meneliti kertas siasatan telah menutup kes itu dan tidak mengambil apa-apa tindakan (NFA).

FERI MALAYSIA—JUALAN

25. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah harga jualan yang dikenakan ke atas "Feri Malaysia" yang dijual baru-baru ini, dan berapakah jumlah kerugian yang dialami sejak pelancarannya empat tahun lalu. Dan apakah punca-punca kerugian tersebut; dan
- (b) sama ada Feri Malaysia telah mencapai matlamatnya dalam menjayakan integrasi nasional. Memandangkan Kerajaan tidak berniat untuk menggantikan Feri Malaysia dengan kapal yang lain, adakah rancangan lain untuk

menjayakan integrasi nasional seperti mengurangkan lambang kapal terbang di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Datuk Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud:

(a) Kapal Feri Malaysia telah dijual kepada sebuah syarikat dari Eropah pada 29 Disember, 1989 dengan harga U.S\$17.0 juta iaitu kira-kira MS\$45.0 juta dan harga ini melebihi harga belian kapal ini pada tahun 1986 sebanyak M\$34.0 juta. Jumlah kerugian terkumpul yang dialami oleh Feri Malaysia sehingga 31 Januari 1989, berjumlah \$7.8 juta. Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kerugian Feri Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah penumpang dan kargo yang menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia adalah kurang daripada yang dijangkakan.
 - (ii) Kos penyelenggaraan yang tinggi.
- (b) Oleh kerana penggunaannya mengalami masa yang singkat maka belum dapat dipastikan bahawa Feri Malaysia mencapai matlamat dalam menjayakan integrasi nasional. Ianya dibatalkan kerana faktor ekonomi, iaitu kerugian semata-mata. Buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan lain bagi menggantikan perkhidmatan Kapal Feri Malaysia yang ditamatkan itu. Berhubung dengan cadangan supaya dikurangkan tambang kapal terbang di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, perkara ini masih dalam pertimbangan Kerajaan. Pada masa sekarang ada tambang integrasi (50% rebate kepada kumpulan 3 orang dan lebih).

Meskipun perkhidmatan Feri Malaysia telah ditamatkan, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk mencapai imegrasi nasional di antara penduduk Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, melalui program-program lain yang sedang dan akan dilaksanakan dari masa kesemasa. Antara program-program yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (1) Program Titian Emas/Anak Angkat;
- (2) Menganjur lawatan pemimpin-pemimpin masyarakat Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya;
- (3) Mengadakan khemah kerja;
- (4) Mengadakan ceramah-ceramah kepada pegawai-pegawai Kerajaan dari Semenanjung Malaysia yang akan bertukar/bertugas ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya. Ini adalah bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pegawai-pegawai Kerajaan berkenaan mengenai bentuk kebudayaan masyarakat tempatan supaya mereka dapat menyesuaikan diri apabila bertugas nanti.

LESEN KEPADA NELAYAN

26. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pertanian menyatakan mengapa nelayan-nelayan tradisional tidak berminat untuk menerima permit-permit yang lama telah diluluskan, khususnya di Negeri Johor dan Terengganu, dan tiada seorang pun datang ke pejabat yang berkenaan untuk menerima permit-permit tersebut.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Adalah tidak benar nelayan di Johor dan Terengganu tidak berminat untuk menerima lesen yang telah diluluskan kepada mereka. Apa yang sebenarnya berlaku ialah nelayan tersebut tidak mengambil lesen kerana mereka belum menjadi Ahli Persatuan Nelayan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan khas lesen untuk nelayan tradisi telah diberi oleh Kementerian pada akhir tahun 1989. Bagi negeri Johor sebanyak 579 lesen diluluskan manakala bagi negeri Terengganu sebanyak 113 lesen diluluskan.

Dari jumlah tersebut, walau bagaimanapun sehingga bulan Januari 1990 sebanyak 161 lesen (21.21) telah dikeluarkan di Johor dan 67 lesen (59.29) telah dikeluarkan di Terengganu.

PANAMA—PENCEROBOHAN AMERIKA SYARIKAT

27. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan Malaysia tidak menyertai negara-negara dunia ketiga khususnya Latin Amerika dalam mengecam penyerangan dan pencerobohan kedaulatan sebuah negara yang merdeka iaitu Panama oleh Amerika Syarikat.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kerajaan Malaysia telah menyuarakan pendiriannya membantah tindakan Amerika Syarikat menceroboh Panama di Mesyuarat Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu New York yang bersidang pada 21 Disember 1989, sehari selepas peristiwa pencerobohan itu. Di dalam kenyataan berkenaan, Wakil Tetap Malaysia di New York menegaskan bahawa Malaysia memandang berat lentang keadaan yang timbul di Panama akibat

campurtangan tentera Amerika. Tindakan ini merupakan satu pencabulan kedaulatan sebuah negara merdeka dan ini adalah bertentangan dengan piagam Bangsa-bangsa Bersatu mengenai tatacara perhubungan antarabangsa. Walaupun Malaysia mengambil maklum penjelasan Amerika Syarikat bahawa tindakan itu adalah disebabkan oleh keganasan yang dilakukan terhadap tentera-tentera Amerika di Panama, ia tidak mewajarkan Amerika menghantar tenteranya menyerang negara itu. Malaysia scterusnya telah menyeru Amerika supaya menghentikan tindakannya ini dan mengundurkannya dari Panama.

PELABURAN ASING DI SARAWAK

28. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah wang yang dilaborkan dari negara-negara asing ke dalam Negeri Sarawak bagi tahun 1988 dan 1989;
- (b) di mana bidangkah telah pelaburan tersebut dibuat;
- (c) apakah langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerianya untuk menarik pelaburan asing bagi lujuan membantu pengembangan industri berasaskan kayu dan industri pembuatan perabot rotan;
- (d) adakah pihak Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk memastikan bahawa pelaburan luar negeri tidak akan menjejaskan kepentingan industri-industri yang sudah ada di Negeri Sarawak, sedangkan buruh serta barang-barang tempatan akan digunakan sepenuhnya dalam industri-industri yang diwujudkan dengan pelaburan asing itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):

- (a) Berdasarkan cadangan pelaburan ekuiti yang diluluskan bagi tahun-tahun 1988 dan 1989, adalah dijangka pelaburan yang akan dibuat di Negeri Sarawak berjumlah \$640.4 juta dan \$457.0 juta bagi tahun-tahun tersebut.
- (b) Pelaburan ini adalah di bidang:
- (i) Kayu dan barang kayu
 - (ii) Kimia dan barang kimia
 - (iti) Barang Logam Asas
 - (iv) Barang Bukan Logam
 - (v) Pengilangan Makanan
- (c) Di antara langkah-langkah yang sedang diambil untuk menggalakkan pelaburan di dalam industri berasaskan kayu dan rotan dan perabot ialah:
- (i) mengiktiraf industri berasaskan kayu sebagai satu industri yang digalakkan supaya ianya layak dipertimbangkan bagi mendapat galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (PIA, 1986);
 - (ii) Projek-projek pembuatan perabot dan komponen perabot dari rotan dan kayu adalah layak diberi lanjutan Taraf Perintis untuk selama 5 tahun tambahan walaupun tidak memenuhi kriteria-kriteria semasa mengenai modal dan tenaga pekerja seperti yang dikenakan kepada industri-industri lain yang mendapatkan lanjutan taraf perintis;
 - (iii) Syarikat-syarikat yang mengeksport 60% daripada

pengeluaran perabot akan diberi galakan di bawah PIA 1986, asalkan 50% ekuiti dipegang oleh rakyat **Malaysia;**

- (iv) Bagi pengilang barang-barang berasaskan rotan dan kayu di Sabah dan Sarawak galakan tambahan seperti berikut disediakan:
- (a) pengilang-pengilang b a r a n g - b a r a n g berasaskan rotan dan kayu, tidak termasuk kayu gergaji dan veneer bagi pasaran dalam negeri juga layak mendapat galakan, di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 yang sehingga ini diberi kepada pengilang-pengilang yang mengeluarkan untuk pasaran eksport sahaja;
 - (b) pengilang-pengilang b a r a n g - b a r a n g berasaskan rotan dan kayu, tidak termasuk kayu gergaji dan veneer bagi pasaran eksport akan mendapat lanjutan taraf perintis selama 5 tahun, tanpa perlu memenuhi kriteria semasa mengenai modal dan tenaga pekerja untuk mendapat lanjutan taraf perintis;
 - (c) pengecualian sepenuhnya duti import dan cukai tokok yang diberi ke atas bahan-bahan mentah, atau komponen yang digunakan oleh pengilang barang-barang berasaskan

rotan dan kayu yang keluar untuk pasaran eksport juga diperluaskan kepada pengilang-bagi pasaran tempatan; dan

- (d) pengilang-pengilang yang mengeksport barangan-bilangan berasaskan rotan dan kayu, kecuali kayu gergaji dan veneer, akan layak mendapai potongan cukai dua kali ke atas kos pengangkutan yang ditanggungnya.

- (d) Dalam menggalakkan pelaburan asing ke negara ini, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa pelaburan-pelaburan ini tidak menjejaskan industri-industri yang sedia wujud. Di mana boleh, Kerajaan akan menggalakkan industri baru yang didirikan ini dibuat secara usahasama supaya rakyat tempatan dapat menceburi diri dalam industri-industri ini. Di samping itu, industri-industri yang dapat memberi faedah-faedah sampingan atau perlaluan kepada industri yang sedia wujud, adalah sangat digalakkan.

PEMILIH BERDAFTAR

29. Tuan Lee Lam Thyeminta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pemilih-pemilih berdaftar sehingga akhir Januari 1990;
- (b) anggaran bilangan penduduk yang layak mengundi tetapi tidak didaftarkan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mendaftarkan mereka kesemuanya;

- (c) bilakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu Rang Undang-undang dalam Parlimen bagi membenarkan Suruhanjaya Pilihanraya mendaftar pemilih-pemilih sepanjang tahun dan adakah beliau sedar bahawa draf Rang Undang-undang telahpun dihantar kepada Pejabat Peguam Negara awal tahun lalu tetapi sehingga ini tidak ada lindakan lanjut yang diambil; dan

- (d) adakah Kerajaan akan menimbang untuk menjadikan hari mengundi untuk pilihanraya umum sebagai satu hari cuti umum bagi memudahkan semua pengundi, jika tidak, mengapa.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Mengikuti daftar pemilih yang disahkan pada 31 Januari 1990 terdapat senarai 7,676,221 pemilih di Malaysia.
- (b) Adalah dianggarkan masih terdapat seramai lebih kurang 450,000 orang warganegara yang layak yang masih belum mendaftarkan diri sebagai pemilih. Untuk mendaftarkan mereka, Suruhanjaya Pilihanraya akan menjalankan satu lagi urusan pendaftaran pemilih pada 1 Mac 1990 dan adalah diharapkan kesemua mereka yang layak akan mengambil peluang untuk mendaftar sebagai pemilih.
- (c) Cadangan untuk mengadakan peraturan bagi membolehkan pendaftaran pemilih dijalankan sepanjang tahun masih dalam perumbangan kerajaan.
- (d) Kerajaan boleh menimbang cadangan untuk menjadikan hari

mengundi ketika pilihanraya umum sebagai hari cuti umum jika didapati benar-benar perlu berbuat demikian.

PROTON SAGA— JUALAN DI LUAR NEGERI

30. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil bagi mempertingkatkan penjualan Proton Saga di luar negeri dan berapa ramaikah agen EON yang telah dilantik selakat akhir tahun 1989.

Datuk Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) PROTON mengambil berbagai langkah untuk meningkatkan pasaran Proton Saga di luar negeri melalui:
- (i) Menyebarkan maklumat serta memperkenalkan PROTON SAGA melalui Pejabat Kedutaan Malaysia dan Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan;
 - (ii) Mendapatkan maklumat mengenai pasaran kereta motor di negara-negara tertentu bagi tujuan menilai kemampuan Proton Saga untuk bersaing di pasaran berkenaan;
 - (iii) Menyertai rombongan perdagangan ke luar negeri seperti yang pernah dibuat di Vancouver dan Dallas;
 - (iv) Menyertai pameran/ekspo kereta motor di peringkat antarabangsa, misalnya Pameran Kereta Motor Antarabangsa di Birmingham, England (1988), Taiwan International Fair (1988), ASEAN Trade Fair di Jakarta (1989), pameran

sempena persidangan CHOGM di Kuala Lumpur (1989) dan Malaysia International Fair di Kuala Lumpur (1989).

- (v) Menjalankan kajian pasaran dan kajian kemungkinan di negara-negara yang menunjukkan minat untuk mengimport kereta nasional serta mengenalpasti wakil penjual yang berminat mengedar Proton Saga di negara berkenaan.
- (b) Sehingga akhir tahun 1989, Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (EON) telah melantik sebanyak 103 agen bagi mengedar/memasarkan kereta Proton Saga. Ini tidak termasuk cawangan-cawangan EON sendiri.

PERTUBUHAN BELIA BERDAFTAR

31. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) jumlah Persatuan/Pertubuhan Belia yang berdaftar di negara ini;
- (b) sejak tahun 1986 berapakah jumlah Persatuan/Pertubuhan yang terbatal pendaftaran tiap-tiap tahun dan nyatakan sebab-sebabnya; dan
- (c) tidakkah ada rancangan Kementerian menambah Pegawai Belia dan Sukan di tiap-tiap daerah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jaafar):

- (a) Jumlah Persatuan/Pertubuhan Belia yang berdaftar sehingga 31 Disember 1989 ialah 6,529. Dari jumlah ini sebanyak 1,978 merupakan persatuan yang berdaftar

melalui Pertubuhan Kebangsaan dan 4,551 telah berdaftar sebagai cawangan. Kedua-dua jenis persatuan/pertubuhan ini telah pun diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

- (b) Sejak tahun 1986 sehingga 31 Disember, jumlah persatuan/pertubuhan yang telah terbatal pendaftarannya ialah 1,184.

Pecahan pembatalan tiap-tiap tahun mengikut pertubuhan dan cawangan adalah seperti berikut:

I. Pertubuhan

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1986	98
1987	112
1988	102
1989	103
	<hr/> 415

II. Cawangan

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1986	136
1987	242
1988	245
1989	146
	<hr/> 769

Sebab-sebab pembatalan persatuan adalah:

- (i) Penyata tahunan tidak dikemukakan sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang.
 - (ii) Melanggar undang-undang Akta Pertubuhan.
 - (iii) Pertubuhan berkenaan tidak dapat dikesan.
- (c) Adalah menjadi hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk menambah Pegawai Belia dan Sukan di tiap-tiap daerah bagi mempertingkatkan kegiatan dan aktiviti belia dan sukan di seluruh negara. Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengkaji keperluan jawatan yang sesuai untuk diwujudkan untuk pertimbangan agensi pusat dari masa ke semasa.

MINYAK SAWIT— PENYELIDIKAN

32. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Perusahaan Utama menyalakan:

- (a) setakat mana hasil penyelidikan kita mengenai minyak sawit telah memanfaatkan Republik Indonesia dari segi peningkatan kualiti minyak sawit pengeluarannya. Ini adalah kerana sejak kebelakangan ini didapati ramai gunatenaga mahir dalam perladangan sawit yang dibawa masuk dari Indonesia telah pulang ke negara asal mereka; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerianya untuk menghadapi persaingan Indonesia yang semakin dalam pengeluaran dan pemasaran minyak sawit.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Di dalam Era Teknologi yang berlaku pada masakini, adalah tidak boleh dinafikan bahawa semua pihak berpeluang untuk menikmati hasil sesuatu kemajuan teknologi. Oleh itu, teknologi yang diperolehi hasil daripada penyelidikan yang dijalankan di Malaysia di bidang kelapa sawit yang boleh dianggap terulung sekali di rantau ini telah mendapat perhatian beberapa negara pengeluar minyak kelapa sawit dunia. Namun demikian adalah agak sukar bagi kita untuk menyukat sejauhmana hasil penyelidikan minyak kelapa sawit Malaysia memanfaatkan Republik Indonesia dari aspek peningkatan kualiti minyak kelapa sawit mereka. Ini adalah kerana Indonesia juga menjalankan penyelidikan seperti Malaysia dan mereka mendapat bantuan kepakaran dalam penyelidikan bio-teknologi kelapa sawit dari institusi penyelidikan antarabangsa seperti IRHO (Institut de La Recherche sar Huiles et Oleagineux), iaitu sebuah institut penyelidikan Perancis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemindahan teknologi dari segi gunatenaga mahir ke Indonesia tidak timbul kerana kebanyakan mereka yang datang bekerja di ladang kelapa sawit di Malaysia hanya bekerja sebagai pemotong, pengangkut buah dan penyelenggara ladang. Oleh itu, kemahiran yang diperolehi oleh mereka adalah tidak begitu ketara dalam meningkatkan kualiti pengeluaran minyak kelapa sawit Indonesia.

Malaysia bukan sahaja menghadapi persaingan dari Indonesia bahkan juga dari negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit yang lain, Ekoran dari ini Malaysia sentiasa mengemaskini strateginya untuk memastikan agar minyak kelapa sawit yang dihasilkan oleh Malaysia adalah yang bermutu tinggi dengan harga yang berpatutan. Di antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan minyak kelapa sawit Malaysia bagi mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan produktiviti supaya harga minyak kelapa sawit negara ini akan lebih kompetitif lagi di pasaran dunia;
- (ii) Menjamin mutu yang baik bagi minyak kelapa sawit Malaysia untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap kelebihan minyak kelapa sawit dari Malaysia.
- (iii) Mengukuhkan pasaran yang sedia ada dan menerokai pasaran-pasaran baru serta berpotensi melalui khidmat nasihat dan misi-misi yang dijalankan dari masa ke semasa. Ini termasuk mengadakan seminar-seminar, pameran-pameran dan persidangan-persidangan antarabangsa dalam usaha menerangkan dengan lebih lanjut ciri-ciri istimewa minyak kelapa sawit.

- (iv) Mengwujudkan kerjasama yang rapat dengan negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit termasuk Indonesia seperti melalui cadangan penubuhan persatuan minyak sawit di peringkat serantau.

IMPORT BUAH-BUAHAN

33. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah import buah-buahan dari Australia bagi tahun 1988 dan tahun 1989 dan apakah sebab-sebabnya kita tidak boleh eksport buah-buahan kita ke negara tersebut.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Bagi tahun 1988 dan 1989 (sehinggabulan November) Malaysia telah mengimport buah-buahan dari Australia bernilai \$53.2 juta dan \$47.5 juta. 90% daripada jumlah import tersebut adalah buah-buahan segar.

Sebenarnya negara kita mengeksport buah-buahan tropika ke Australia tetapi nilainya adalah kecil. Bagi tahun 1988 ia berjumlah \$1.7 juta dan bagi 1989 (sehingga bulan November) ia berjumlah \$1.5 juta. Sebab-sebab negara kita kurang mengeksport buah-buahan ke Australia adalah seperti berikut:

- (a) Misi perdagangan belum pernah diadakan di Australia;
- (b) Australia mengeluarkan bekalan buah-buahan tropika yang mencukupi untuk menampung permintaan penduduk tempatan;
- (c) Buah-buahan tropika yang diimport tidak dapat bersaing dari segi harga dan kualiti;
- (d) Undang-undang kuarantina Australia adalah sangat ketat terutamanya mengenai kemasukan buah-buahan tropika dari negara-negara yang mengalami masalah serangan lalat buah (termasuk Malaysia). Ini bertujuan

untuk menjamin keselamatan industri buah-buahan di negaranya; dan

- (e) Ruang pasaran di Australia adalah terhad dan tidak ekonomik kerana jumlah penduduknya yang kecil.

Mulai 1991 pihak FAMA akan menjalankan aktiviti promosi/galakan pasaran buah-buahan Malaysia di Australia.

JALAN KAMPUNG— MENAIKKAN TARAF

34. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilakah Jabatan Pembangunan Negeri Sabah mengubah cara pelaksanaan projek penaikan taraf jalanraya ke "semigrouting" di mana biasanya pada masa-masa yang lalu, pemberian (awarding of contract) kontrak melaksanakan tugas itu diserahkan kepada Pegawai Daerah untuk menentukannya-tanpa menerusi tawaran biasa. Tapi sejak tahun 1989 Pegawai Daerah tidak lagi berkuasa melainkan Pegawai Pembangunan Negeri sendiri yang menentukannya menerusi sebutan Harga Tertutup; dan
- (b) adakah perubahan dasar ini melibatkan seluruh Negeri dalam Malaysia ataupun hanya untuk Negeri Sabah saja.

Setiasaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):

- (a) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah membuat perubahan dari segi peraturan kewangan untuk pelaksanaan projek naik taraf jalan kampung semenjak tahun 1989.

Peraturan yang lalu iaitu berdasarkan jadual kadar tanpa menerusi tawaran biasa selalunya didapati meningkatkan kos projek sehingga 15%. Dengan demikian akan mengurangkan bilangan jalan yang dapat dinaikkan taraf dengan jumlah peruntukan yang disediakan. Perubahan ini di mana sebuluh harga digunakan diharapkan dapat memberi faedah kepada lebih banyak kampung dan lebih banyak penduduk luar bandar. Di samping pelaksanaan projek dibuat oleh Pejabat Pembangunan Negeri, pembahagian dan keutamaan projek akan lebih menyeluruh berdasarkan keperluan perancangan dan pembangunan di negeri-negeri berkenaan dan prestasi fizikal serta kewangannya juga akan lebih berkesan.

- (b) Perubahan kepada peraturan tersebut adalah melibatkan semua negeri di Malaysia.

MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL— PERBELANJAAN

35. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) jumlah yang dibelanjakan ke atas mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang diadakan tahun lepas mengikut pecahannya; dan
- (b) apakah hasil-hasil yang diperolehi akibat mesyuarat tersebut.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Anggaran belanjawan yang diperuntukkan bagi Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada bulan Oktober 1989 ialah sebanyak \$39,375,500.000. Tetapi hanya sebanyak \$35,273,922.45 yang telah dibelanjakan. Ini bermakna bahawa

sebanyak lebih daripada \$4 (empat) juta ringgit tidak dibelanjakan walaupun telah diperuntukkan.

Ingin juga saya maklumkan bahawa angka-angka di atas adalah hampir tepat. Perbezaan sekiranya ada, amatlah kecil sekali. Ini adalah memandangkan bahawa mungkin ada bil-bil yang kecil yang belum diselesaikan. Angka yang tepat akan diketahui apabila akaun ditutup bulan hadapan.

Berikut adalah perbelanjaan yang dibuat mengikut pecahan-pecahan:

<i>Jawatankuasa-jawatankuasa</i>	<i>Jumlah Perbelanjaan</i>
1. Jawatankuasa Keselamatan	\$9,180,127.96
2. Jawatankuasa Penginapan	\$ 3,742,740.44
3. Jawatankuasa Kemudahan Mesyuarat	\$ 7,236,764.44
4. Jawatankuasa Pengangkutan	\$ 1,696,758.95
5. Jawatankuasa Komunikasi	\$ 726,347.21
6. Jawatankuasa Alam Sekitar	\$ 5,142,812.27
7. Jawatankuasa Perentian (Retreat)	\$777,421.51
8. Jawatankuasa Protokol	\$ 302,276.12
9. Jawatankuasa Program Isteri-isteri	\$ 233,300.82
10. Jawatankuasa Publisiti dan Media	\$ 4,846,847.95
11. Jawatankuasa Komputer	\$108,212.12
12. Pejabat Urusetia CHOGM	\$ 86,234.00
13. Jawatankuasa Sosial dan Keraian	\$ 1,194,078.59
	<hr/>
	\$35,273,922.45

PINJAMAN BANK OLEH NELAYAN

36. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan apakah halangan-halangan dan kerenah-kerenah yang menyebabkan pihak berkuasa LKIM begitu lambat memberikan laporan dan sokongan kepada permohonan nelayan untuk mendapatkan pinjaman membeli bot laut dalam dan segala kelengkapannya; manakala pihak bank lambat meluluskan permohonan. Adakah para nelayan telah diberikan panduan secukupnya mengenai syarat-syarat kelayakan yang perlu mereka perolehi sebelum membuat keputusan untuk mencebur diri dalam bidang perusahaan menangkap ikan laut dalam.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan dan sokongan oleh LKIM kepada permohonan nelayan untuk mendapat pinjaman Bank adalah bergantung kepada maklumat serta butiran yang lengkap di dalam borang permohonan yang dikemukakan. Antara sebab-sebab berlakunya kelambatan dalam pemerosesan pinjaman ialah:

- (i) Permohonan tidak memenuhi syarat asas seperti permohonan pinjaman untuk memiliki bot yang kurang dari 70 GRT di Semenanjung dan pemohon tidak mempunyai pengalaman yang cukup;
- (ii) Permohonan untuk skim pemilikan tidak mempunyai lesen membina bot baru dari Jabatan Perikanan;
- (iii) Kertas kerja dan dokumen tidak lengkap;
- (iv) Tidak mempunyai pinjaman yang mencukupi; dan
- (iv) Keupayaan pemohon diragui oleh pasukan projek.

Bagi pihak Bank pula, bank tidak dapat memproses pinjaman sekiranya dokumen yang dikemukakan tidak lengkap, di mana pihak Bank terpaksa menghubungi pemohon. Keadaan ini memakan masa dan melambatkan proses kelulusan pinjaman. Pada keseluruhannya setiap pinjaman yang lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan akan diluluskan dalam jangka masa 1 hingga 3 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, para nelayan memang diberi panduan secukupnya mengenai syarat-syarat kelayakan yang perlu bagi memudahkan proses permohonan pinjaman dibuat umpamanya:

- (i) Menyediakan Buku Panduan permohonan pinjaman untuk projek-projek LKIM di bawah Skim Pinjaman Khas Pertanian (SPKP)

yang telah diedarkan semenjak tahun 1987;

- (ii) Mengadakan sesi ceramah/penerangan mengenai SRKP; dan
- (iii) Mengadakan penerangan secara individu kepada bakal pemohon sekiranya diminta semasa mengambil borang.

UJIAN PEPERIKSAAN SEKOLAH RENDAH

37. Tuan Haji Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pendidikan menyatakan hasil laporan jawatankuasa Khas, mengkaji punca kemerosotan keputusan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR). Sila nyatakan negeri-negeri yang peratusannya paling merosot sekali.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan merasakan tidak perlu lagi untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk mengkaji punca kemerosotan keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) kerana keputusan UPSR 1989, sebenarnya tidak merosot, malah telah bertambah baik dalam hampir kesemua kemahiran yang diuji. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha dan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam peperiksaan tersebut. Antara usaha-usaha yang dijalankan ialah:

- (a) menggalakkan penubuhan kelas-kelas bimbingan dengan melibatkan PIBG.
- (b) meminta guru-guru memberi lebih banyak latihan kepada pelajar-pelajar yang lemah.
- (c) mengadakan kelas-kelas pemu-
lihan di bawah pimpinan guru-guru yang terlatih.
- (d) menghantar lebih ramai guru yang terlatih dalam KBSR ke

sekolah-sekolah rendah di seluruh negara.

- (e) menubuhkan Pusat-pusat Sumber di peringkat sekolah, daerah dan negeri.

Sebenarnya, tidak timbul isu perbandingan peratusan keputusan UPSR antara negeri kerana analisis keputusan UPSR dibuat dengan tujuan melihat sejauh mana kemahiran-kemahiran tertentu telah dicapai oleh para pelajar dan bukan untuk membanding-banding pencapaian pelajar antara negeri.

TABUNG KEWANGAN ANTARABANGSA—KEAHLIAN

38. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kriteria yang dikehendaki sebelum satu negara dapat menjadi ahli World Bank, International Monetary Fund, Asian Development Bank dan African Development Bank. Adakah Malaysia layak, dan jika ya, adakah kita menjadi ahli badan kewangan antarabangsa ini. Apakah sumbangan kewangan yang diberikan oleh negara kita terhadap badan kewangan ini dan apakah sumbangan dan bantuan yang kita terima daripada badan kewangan tersebut setakat ini. Senarai-kan ahli-ahli badan kewangan tersebut.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Keahlian dalam Tabung Kewangan Antarabangsa atau International Monetary Fund (IMF) adalah terbuka kepada setiap negara yang mempunyai kuasa ke atas hal ehwal luar negerinya dan bersedia melaksanakan tanggungjawab seperti yang terkandung di dalam Artikel-artikel perjanjian IMF. Setelah menganggotai IMF, baharulah, negara berkenaan layak untuk menjadi ahli Bank Dunia (World Bank). Berhubung dengan keahlian dalam Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank) pula ianya adalah khusus bagi negara-negara di Benua Asia. Keahlian juga terbuka kepada negara-negara di luar Asia, iaitu negara-negara maju yang

menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Keahlian dalam Bank Pembangunan Afrika (African Development Bank) hanya khusus kepada negara-negara di Benua Afrika sahaja.

Malaysia adalah layak dan telahpun menjadi ahli IMF, Bank Duniadan Bank Pembangunan Asia tetapi tidak layak menjadi Ahli Bank Pembangunan Afrika.

Malaysia sebagai ahli telah membuat sumbangan kewangan kepada badan-badan kewangan antarabangsa tersebut. Bual masa ini sumbangan Malaysia kepada IMF berjumlah 590.6 juta SDK atau MS2.04 ribu juta manakala sumbangan kita kepada Bank Dunia adalah berjumlah ASS994.5 juta atau MS2.585.7 juta dan kepada Bank Pembangunan Asia berjumlah. ASS648.3 juta atau MS1.685.5 juta. Mengikut formula pernbayaran yang telah ditetapkan, Malaysia hanya perlu membayar sebanyak ASS59.9 juta (MS154.7 juta) kepada Bank Dunia dan ASS77.8 juta (MS202.3 juta) kepada Bank Pembangunan Asia. Selain dari itu, Malaysia juga ada membuat sumbangan kepada dua (2) buah lagi badan kewangan antarabangsa di bawah Bank Dunia iaitu Perbadanan Kewangan Antarabangsa berjumlah ASS7.7 juta (MS20.0 juta) dan Persatuan Pembangunan Antarabangsa berjumlah ASS3.4 juta (MS8.8 juta).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Malaysia telah menerima banyak bantuan pinjaman dan bantuan teknikal dari Badan-badan Kewangan Antarabangsa ini. IMF telah memberi pinjaman berjumlah MS 1,220 juta (SDRs 454.3 juta) kepada Malaysia bagi membantu kita mengatasi masalah imbangan bayaran dan juga membantu membiayai sumbangan kepada perjanjian stok timbal antarabangsa. Kesemua pinjaman ini telahpun dijelaskan. Pinjaman dari Bank Dunia berjumlah ASS2.285.5 juta (MS5.942.3 juta) dan daripada jumlah ini sebanyak

ASS780.2 juta (MS2.082.5 Juta) telahpun dibayar balik, manakala pinjaman dari Bank Pembangunan Asia pula berjumlah ASS1.531.6 juta (MS3.982.2 juta) dan sebanyak ASS187.4 juta (MS487.3 juta) telah dibayar balik.

Berhubung dengan keahlian di dalam IMF/Bank Dunia, sebanyak 152 buah negara telah menjadi ahli, iaitu terdiri dari negara-negara Barat yang maju, negara-negara membangun dan beberapa negara blok komunis seperti Poland, Hungary dan Romania. Sebanyak 47 buah negara pula telah menjadi ahli Bank Pembangunan Asia termasuk beberapa negara maju di luar Benua Asia seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia.

PARTI KOMUNIS MALAYA— MEMUSNAHKAN JERANGKAP SAMAR

39. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan ahli-ahli Parti Komunis Malaya (PKM) yang telah meletakkan senjata dan jumlah senjata-senjata yang telah diserahkan dan kepada siapa;
- (b) bilangan ahli-ahli PKM yang telah memohon untuk kembali ke Malaysia jika ada, dan apakah terimabalas Kerajaan Malaysia terhadap permohonan-permohonan ini; dan
- (c) usaha-usaha sehingga ke hari ini yang dibuat oleh pihak PKM dan pihak Angkatan Tentera Malaysia bagi memusnahkan jerangkap-jerangkap samar yang telah dipasang oleh pihak PKM.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Setakat ini seramai 1,091 orang anggota-anggota PKM telahpun keluar dari pengkalan-pengkalan mereka di hutan semenjak 22 Februari 1990. Kementerian ini juga telah difahamkari bahawa

PKM telahpun memusnahkan lebih daripada 1,120 laras senjati, 80,370 butir peluru, 390 butir bom tangan, 1,650 bahan letupan (landmines) dan 3,860 alat letupan (denonators) di perkarangan empat Perkampungan Aman di Wilayah Yala dan Narathiwat, Selatan Thailand. Pemusnahan tersebut telah disaksikan oleh pegawai-pegawai daripada pihak berkuasa Malaysia dan Thai.

- (b) Setakat ini tidak ada sebarang permohonan yang telah diterima daripada bekas anggota PKM yang memohon untuk kembali ke Malaysia. Sekiranya ada permohonan sedemikian, Kerajaan akan menimbang mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang negara.
- (c) Sehingga kini, tindakan mengesan dan memusnahkan semua jerangkap samar sedang giat diselaraskan di antara pihak berkuasa Malaysia, Thai dan pihak PKM sendiri. Selaras dengan perjanjian, pihak PKM sendiri bertanggungjawab mengesan dan memusnahkan kesemua jerangkap samar dengan disaksikan oleh pihak berkuasa Malaysia dan Thai.

(Soalan No. 40. Sita lihat jawapan No. 52 pada 27.2.90)

KETUA MENTERI SABAH— IKLAN TELEVISYEN

41. **Tuan Joe Ojhi Supiring** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah sebab-sebabnya Kementerian Penerangan tidak membenarkan wajah Y.A.B. Ketua Menteri Sabah, muncul di dalam iklan televisyen yang memperkenalkan negeri Sabah kepada dunia luar, bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jeffrey): Dalam menjawab soalan Y.B. dari Marudu, saya memohon izin menjawab juga pertanyaan Ahli yang Berhormat dari Kota Belud yang dijadualkan dijawab pada 1-3-1990.

Semua iklan yang disiarkan oleh RTM adalah diperlukan mengikut peraturan pengiklanan Kementerian Penerangan 1983 yang ditetapkan seperti berikut:

"Tiada sebarang iklan dibenarkan menggunakan ahli profesional atau sesiapa sahaja dianggap oleh Kementerian Penerangan mempunyai kedudukan untuk mempengaruhi orang awam seperti guru-guru sekolah, profesor-profesor, pensyarah-pensyarah Universiti, doktor-doktor, doktor pergigian, pakar bedah, ahli kimia perubatan, pakar bedah haiwan, ahli-ahli Juru-rawat, hakim-hakim, guru-guru agama termasuk Alim Ulama, Senator-senator, Ahli-ahli Parlimen, orang-orang kenamaan dan pemimpin-pemimpin masyarakat".

Iklan memperkenalkan negeri Sabah tersebut dipulangkan kepada agensi mengeluarkannya selepas beberapa siaran untuk dikemaskinikan supaya ianya tidak melanggar peraturan tersebut. Selepas agensi itu membetulkan iklan tersebut ianya disiarkan semula oleh RTM.

KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN—PENGIKTIRAFAN

42. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada benar bahawa sehingga 31-1-1990, pihak Kolej Tuanku Abdul Rahman masih belum terima tawaran Kerajaan untuk mengiktirafkan dua sijil diploma dan dua sijil kursus kolej tersebut. Jika ya, apakah sebabnya?

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengiktiraf empat

kelayakan daripada Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) iaitu dua di peringkat diploma dan dua lagi di peringkat sijil. Diploma yang telah diiktirafkan ialah Diploma Perdagangan (Perakaunan Kewangan) dan Diploma Perdagangan (Pengurusan Perniagaan), manakala sijil yang telah diiktiraf ialah Certificate in Computing with Accounting dan Certificate in Computer Studies.

Sebenarnya, keputusan Kerajaan mengiktirafkan keempat-empat kelayakan tersebut di atas telahpun dimaklumkan kepada pihak KTAR pada 13hb Februari 1989. Dengan ini, pihak Kementerian berharap KTAR menerima baik pengiktirafan Kerajaan terhadap kelayakan-kelayakan berkenaan.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA—LANGKAH MAS

43. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) memandangkan tahun ini Tahun Melawat Malaysia, apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan bahawa pelancong luar negeri tidak terkandas di negara ini seperti yang berlaku dengan para pelancong Australia baru-baru ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang; dan
- (b) adakah langkah-langkah yang digariskan itu memadai kerana peristiwa seperi sedemikian dan tidak cukup tempat duduk adalah satu perkara yang biasa dengan Sistem Penerbangan MAS.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):

- (a) Penerbangan Malaysia (MAS) telahpun mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa pelancong-pelancong luar negeri tidak terkandas di negara ini seperti berlaku dengan

pelancong-pelancong Australia baru-baru ini di lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Langkah-langkah ini adalah;

- (i) memberitahu agen pengembaraan supaya menearangkan kedudukan sebenar tempahan penumpang. Ini adalah memandangkan terdapat agen-agen yang mengeluarkan tiket kepada penumpang dengan perjalanan yang disahkan (confirmed) walaupun penumpang-penumpang ini masih disenarai menunggu (wait list).
 - (ii) memberitahu penumpang yang singgah di satu-satu destinasi lebih dari 72 jam supaya mengesahkan tempahan mereka kembali. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tempahan mereka dibatalkan; dan
 - (iii) memberitahu penumpang yang mempunyai tiket penerbangan terbuka (open dated) tentang masalah-masalah yang akan timbul sekiranya mereka terkandas.
- (b) Kementerian Pengangkutan yakin bahawa langkah-langkah yang telah diambil ini adalah memadai untuk mengelakkan peristiwa sedemikian berulang lagi. Suka saya memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh MAS telah pun diatasi, dan perkhidmatan-perkhidmatan MAS kini berjalan dengan licin.

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR—INDEKS NILAI

44. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan indeks nilai

BSKL, iaitu modal berbayar (paid-up capital), nilai bersih (net worth), nilai pasaran (market value) berbanding dengan bursa saham asing di Singapura, Tokyo, Hong Kong, United Kingdom dan New York dalam bulan Januari, Jun dan Disember pada tahun-tahun 1982, 1985, 1986, 1987, 1988 dan menjelang akhir Januari 1990.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Unluk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan tidak mempunyai data-data berhubung dengan modal dibayar, nilai bersih ("net worth") dan nilai pasaran bagi saham syarikat yang disenaraikan di bursa-bursa saham asing yang dinyatakan. Kementerian Kewangan hanya mempunyai rekod mengenai modal dibayar dan nilai pasaran bagi saham tiap-tiap syarikat yang disenaraikan di BSKL. Oleh yang demikian, perbandingan seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat tidak dapat dilakukan.

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR—PERUBAHAN HARGA

45. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar bahawa aktiviti pasaran saham di BSKL bertambah-tambah bersifat spekulasi daripada tujuan pelaburan semenjak pemisahan dengan BSS. Jika kerajaan tidak bersetuju dengan penelitian ini, apakah faktor-faktor, khasnya statistik yang boleh dikemukakan oleh pihak berkuasa untuk menyokong pendirian diri sendiri;
- (b) jika sedar, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesan pasaran spekulasi yang berleluasa di BSKL, jika tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan oleh Kerajaan, maka adakah keadaan BSKL dibiarkan sebegitu sahaja berubah menjadi

"kasino" yang besar. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kegiatan spekulasi yang hebat di kalangan pelabur BSKL;

- (c) Salah satu tujuan memisahkan kedua-dua Bursa Saham yang dikemukakan oleh Kerajaan ialah supaya mengelak BSKL daripada dipengaruhi oleh isu-isu sosio-ekonomi dan politik di luar negeri. Sejauh manakah matlamat ini tercapai selepas pemisahan BSKL daripada BSS. Bagaimanakah Kerajaan menentang kejatuhan tingkat harga saham yang hebat sehingga ke bawah "minus territory" pada 25 Januari 1990 ekoran kejatuhan dalam pasaran saham Tokyo akibat khabar angin bahawa Wall Street mungkin mengalami kejatuhan yang besar sekali lagi;
- (d) tujuan lain bagi pemisahan kedua-dua bursa ini ialah ke arah menonjolkan BSKL sebagai badan kewangan utama di dunia. Apakah pencapaian Kerajaan dalam matlamat ini, khasnya di segi profesionalisme di kalangan pekerja bursa;
- (e) bagaimana pula dengan kema-juan dalam menggerakkan dana dengan lebih berkesan selepas pemisahan BSKL daripada BSS.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:

- (a) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, faktor yang menyebabkan perubahan harga saham di mana-mana bursa saham, termasuk Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), ialah penawaran dan permintaan terhadap saham-saham syarikat yang berkenaan. Para pelabur mempunyai harapan ("expectation") yang berbeza ke atas nilai pelaburan masing-masing. Harapan ini dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor, termasuklah

perubahan dalam operasi dan pengurusan sesebuah syarikat, kuasa membeli, ("purchasing power"), kedudukan ekonomi negara, dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan, kadar pertukaran matawang utama dunia dan suasana politik di dalam dan luar negeri. Peningkatan dagangan di BSKL semenjak kebelakangan ini adalah disebabkan, antara lain, oleh faktor-faktor seperti berikut:

- (i) kedudukan ekonomi negara yang bertambah kukuh;
 - (ii) penggunaan komputer oleh BSKL untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapannya; dan
 - (iii) Pemisahan BSKL dan BSS.
- (b) Kerajaan mengamalkan dasar ("free enterprise"), dan dengan ini tidak mencampuri perihal pasaran saham secara langsung. Sebarang perubahan harga saham adalah ditentukan oleh aktiviti perdagangan pelabur-pelabur di BSKL. Para pelabur haruslah membuat keputusan masing-masing berasaskan kepada kekuatan dan keutuhan, ("real fundamentals") sesebuah syarikat berkenaan dan bukannya berdasarkan khabar-khabar angin yang tidak berasas. Sungguhpun begitu, terpulanglah kepada pelabur-pelabur menentukan pilihan pelaburan masing-masing.

Jawatankuasa BSKL dan Pendaftaran Syarikat adalah bertanggungjawab untuk mengawasi perubahan harga yang ketara di samping memastikan suasana pasaran saham yang sihat wujud. Namun demikian, Kerajaan sentiasa mengambil berat dan bertanggungjawab untuk mewujudkan satu pasaran

yang stabil dan bebas dari manipulasi.

- (c) Pemisahan BSKL dan BSS adalah bertujuan antara lain, supaya BSKL tidak bergantung atau dikawal oleh keadaan yang berlaku di Singapura, ("independent"). Sungguhpun begitu, memandangkan Malaysia mengamalkan sistem ekonomi terbuka dan dengan bantuan teknologi moden, maka harga-harga saham di BSKL, sudah tentunya tidak dapat dielakkan dari dipengaruhi oleh keadaan-keadaan yang berlaku bukan sahaja di negara ini tetapi peristiwa-peristiwa yang berlaku di luar negeri. Ini adalah satu kenyataan ("reality") yang terpaksa dihadapi di mana-mana bursa saham.
- (d) Menjadikan BSKL sebagai pasaran utama di rantau ini adalah matlamat jangka panjang pemisahan BSKL dan BSS. Dalam hubungan ini, adalah masih terlalu awal untuk diperkatakan pencapaian matlamat tersebut. Sungguhpun begitu, dari maklumat-maklumat yang diperolehi, pengurus-pengurus tabung asing sudah mula melihat BSKL sebagai bursa saham Malaysia dan bukan bursa saham campuran dengan Singapura. Untuk bersaing dengan berkesan di peringkat antarabangsa broker-broker saham tempatan haruslah meningkatkan tahap profesionalisme masing-masing dan ini terpulanglah kepada mereka yang terlibat untuk memastikannya. Sungguhpun secara amnya saya berpuas hati dengan tahap profesionalisme di kalangan broker-broker saham dan pekerja-pekerja bursa pada masa ini, tetapi masih ada ruang untuk dipertingkatkan lagi.

- (e) Kemajuan dalam menggerakkan dana selepas pemisahan BSKL dan BSS, adalah sangat menggalakkan. Ini dapat dilihat dengan kekerapan dan pelbagaian terbitan-terbitan baru dan lebihan langganan bagi setiap terbitan kebelakangan ini. Ini adalah berikutan dengan keyakinan pelabur-pelabur yang semakin bertambah terhadap pasaran saham di negara ini.

PROTON SAGA—JUALAN

46. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kereta Proton Saga yang dijual di sini dan di negara-negara asing dan sama ada PROTON akan terus mengalami kerugian ke atas setiap buah kereta Proton Saga yang dijual di negara-negara asing terutama sekali di Britain.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Sehingga akhir Disember, 1989, sebanyak 164,633 unit Proton Saga telah dijual. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 151,447 unit atau 92% dijual di pasaran dalam negeri, manakala 13,186 unit atau 8% lagi dieksport. Setiap unit Proton Saga yang dijual di luar negeri adalah menguntungkan kerana harga Proton Saga yang dijual di luar negeri adalah lebih tinggi daripada kosnya, yang meliputi kos pengeluaran dan kos pengangkutan.

JAMBATAN PETAGAS— TAMAN LOK KAWI— PEMBINAAN

47. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian beliau mempunyai rancangan untuk menyambung jalan dua-hala (Dual Carriageway) dari Jambatan Petagas hingga ke Taman Lok Kawi memandangkan pembangunan pesat kawasan perumahan dan perindustrian di sepanjang jalan raya tersebut serta kesesakan lalulintas yang dialami pada masa ini.

Tuan Luhut Wan: Kontrak untuk stesyen di antara Jambatan Petagas sehingga ke bandar Putatan telahpun ditender pada bulan Disember 1989 dan sehingga ini merupakan Jambatan ke dua yang telah ditender. Bagi kontrak jalan raya dua hala dari Jambatan Petagas ke Lok Kawi, penender akan dilantik tidak lama lagi. Pembinaan kedua-ke dua Jambatan dan jalan raya dua hala dari Jambatan Petagas ke Lok Kawi dijangka akan siap pada tahun 1991. Sementara pembinaan jalan raya dua hala bandar Putatan ke Taman Lok Kawi akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan di bawah rancangan Malaysia ke Enam Projek Pelengkap (Complementary Project).

GAJI BULANAN PEKERJA LADANG

48. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) tuntutan gaji bulanan pekerja-pekerja sektor ladang kerakyatan Malaysia ditolak kerana pendatang-pendatang Indonesia boleh mengisikan tempat kerja mereka;
- (b) Y.B. Timbalan Menteri Buruh telah menghabiskan siasatan ke atas ladang-ladang yang masih boleh beroperasi seperti biasa semasa mogok pekerja-pekerja Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) sungguhpun ladang-ladang tersebut mendakwa pekerja-pekerja tempatan tidak mencukupi dan pekerja asing diperlukan, nyatakan tindakan yang diambil; dan
- (c) pihak Kementerian telah menerima aduan bahawa pekerja-pekerja NUPW telah dianiayai oleh majikan mereka dan berikan bilangan kes serta tindakan yang diambil.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Skim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja di sektor perladangan adalah ditetapkan dengan cara perundingan di antara kesatuan dan pihak majikan. Anggapan bahawa tuntutan gaji bulanan pekerja-pekerja sektor ladang itu ditolak kerana pendaatang-pendaatang Indonesia boleh mengisi tempat kerja mereka, adalah tidak berasas.
- (b) Siasatan mengenai kekurangan tenaga pekerja di ladang-ladang adalah satu yang berterusan untuk menentukan keadaan keperluan bekalan pekerja. Beberapa majikan telahpun didakwa di Mahkamah kerana mengajikan pekerja-pekerja asing tanpa izin.
- (c) Buat masa ini tiada sebarang aduan dari pekerja-pekerja NUPW sedemikian diterima oleh Kementerian Buruh.

**PREBET ADAM BIN JAAFAR—
PERBICARAAN**

49. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Prebet Adam yang terlibat dalam peristiwa tembakan di Chow Kit, Kuala Lumpur dalam bulan Oktober-1987 telah dihadapkan ke mahkamah, jika ya, bila, apakah tuduhan terhadap beliau dan mengapa perbicaraannya belum lagi dijalankan; dan di manakah beliau berada sekarang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Prebet Adam bin Jaafar yang terlibat dalam peristiwa tembak menembak di Chow Kit pada Oktober 1987 telahpun dihadapkan di Mahkamah Majistret pada 2-11-1987 dengan tiga tuduhan:

- (i) Sek. 57 (1) A Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960-dengan

tuduhan memiliki senjata api Rifle M16 tanpa alasan yang sah.

- (ii) Sek.57(1)(B) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960-dengan tuduhan memiliki 88 butir peluru 5.56mm tanpa alasan yang sah.
- (iii) Sek. 302 Kanun Keseksaa-dengan tuduhan membunuh.

Mahkamah yang mendengar kes ini telah memindahkan ke Mahkamah Tinggi. Tarikh perbicaraan telah ditetapkan pada 14hb-31hb Mei, 1990. Buat masa ini Prebet Adam ditahan di Penjara Pudu.

**TAHANAN DIBEBASKAN
MELALUI
WRIT OF HABEAS CORPUS**

50. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang tahanan yang telah dibebaskan di dalam negeri berdasarkan keputusan TAN HOON SENG & ANOR V. Minister of Home Affairs & Anor yang diberi oleh Mahkamah Agung pada 14hb November 1989 dan bahawa Menteri Dalam Negeri telah melanggar Peruntukan Seksyen 6 (1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan menyatakan bilangan perintah tahanan yang berkaitan oleh keputusan Mahkamah Agung. Adakah orang tahanan yang telah dibebaskan melalui writ of Habeas Corpus ditangkap balik. Adakah Kerajaan bercadang membayar gantirugi bagi orang tahanan yang telah ditahan menyalahi undang-undang menurut keputusan Mahkamah Agung.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini Mahkamah telah membebaskan 80 orang tahanan semenjak keputusan Mahkamah Agung pada 14 November 1989, dan bilangan Perintah Tahanan yang berkaitan dengan keputusan Mahkamah Agung itu ialah 146. Setakat ini tidak ada tangkapan dilakukan terhadap mereka yang telah

dibebaskan oleh Mahkamah. Mengenai bayaran gantirugi, Kerajaan bersedia menimbangkannya berdasarkan undang-undang yang sedia ada.

BANGUNAN KEMENTERIAN LUAR NEGERI

51. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilakah Kerajaan Malaysia akan mengadakan bangunan Kementerian Luar Negeri yang lain kerana yang sekarang ini sudah tidak sesuai lagi jika dibandingkan dengan negara-negara yang pernah saya lawati.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Izinkan saya merakamkan di Dewan yang mulia ini ucapan terima kasih saya kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyarankan supaya diadakan bangunan Kementerian Luar Negeri yang lain yang lebih sesuai dan setanding dengan Kementerian-Kementerian Luar Negeri di negara-negara yang lain.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Kementerian Luar Negeri sememangnya bercadang untuk mengadakan satu bangunan baru dan bangunan ini akan dibina di dalam kawasan Kementerian Luar Negeri. Cadangan ini akan dikemukakan untuk kelulusan Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan anggaran kos projek pembinaan bangunan ini dijangka menelan belanja sebanyak lebihkurang M\$20 juta. Bangunan yang baru ini adalah perlu untuk membolehkan Kementerian ini mempunyai satu bangunan yang lebih lengkap dan moden bagi menampung keperluan dan perkembangan pesat Kementerian dengan bertambahnya aktiviti-aktiviti Kementerian Luar Negeri. Bangunan yang baru ini juga perlu untuk mengatasi masalah kekurangan ruang pejabat yang dialami oleh Kementerian dewasa ini. Dalam pada itu ingin juga saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa

Kementerian pada masa yang sama telah mengambil daya usaha untuk melengkapkan atau "improvisive" bangunan-bangunan Kementerian Luar Negeri yang ada sekarang misalnya dengan mengadakan satu dewan mesyuarat atau "Treaty Room" yang lebih lengkap dan moden.

LAPORAN JAWATANKUASA ANTARA KERAJAAN 1962— JAMINAN

52. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan syarat-syarat yang dipersetujui sebelum Sabah dan Sarawak menyertai Malaya untuk menubuhkan Malaysia; sila senaraikan syarat-syarat berkenaan yang telahpun ditarik balik dan dimansuhkan; sama ada Kerajaan Persekutuan masih menghormati dan akan mengotakan syarat-syarat tersebut yang dipersetujui sebelum Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Persetujuan Kerajaan Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak menyertai Malaysia adalah terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan 1962 (Report of the Inter-Governmental Committee 1962) (Laporan IGC). Laporan tersebut antara lain meliputi jaminan kepentingan-kepentingan khas Sabah dan Sarawak seperti kebebasan beragama, pendidikan, perwakilan dalam Parlimen Persekutuan, kedudukan kaum-kaum bumiputera, imigresen dan kewarganegaraan.

Kerajaan Persekutuan sentiasa menghormati dan melaksanakan syarat-syarat, yang telah dipersetujui itu. Dengan persetujuan semua pihak juga, Laporan IGC (1962) telah disepak semula (setelah 10 tahun dilaksanakan) pada tahun 1973 dan persetujuan-persetujuan yang telah dicapai itu dilaksanakan dari masa ke semasa sehingga sekarang melalui

kementerian-kementerian dan jabatan berkenaan di peringkat Persekutuan dengan kerjasama pihak Negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

KOLEJ SELATAN-PENUBUHAN

53. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Dato' Kuek Ho Yao telah memberitahu Pejabat Pendaftar Syarikat berkenaan dengan nama-nama penganjur baru Kolej Selatan serta maklumat-maklumat, draf memorandum dan artikel yang perlu, jika ia, apakah perkembangan terbaharu dengan permohonan pendaftaran Kolej ini, jika tidak, adakah peringatan diberikan kepada Dato' Kuek. Jika tidak diberi peringatan, mengapa.

Dato' Kok Wee Kiat: Dato' Kuek Ho Yao telahpun mengemukakan maklumat-maklumat berkenaan, nama-nama penganjur serta maklumat-maklumat lain yang diperlukan pada 26 Januari 1990. Berikutan dengan itu, Kementerian, pada 24hb Februari 1990 telahpun meluluskan permohonan beliau untuk menubuhkan sebuah syarikat dengan nama Kolej Selatan. Oleh itu terpulanglah kepada penganjur-pengajur syarikat ini mengambil langkah yang sewajarnya untuk memperbadankan syarikat ini.

PESARA PASUKAN POLIS

54. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pesara bagi Pasukan Polis yang tidak mempunyai taraf warganegara sehingga akhir bulan Januari 1990 dengan memberi pecahan dari tahun 1980 hingga 1990;
- (b) kenapa kejadian ini berlaku; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk menganugerahkan kewar-

ganegaraan kepada mereka mengikut Perkara 30 (1) Perlembagaan Persekutuan untuk menghargai jasa dan pengorbanan yang diberi oleh para pesara kepada negara, jika tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai maklumat mengenai bilangan pesara Pasukan Polis yang tidak mempunyai taraf warganegara.
- (b) Kejadian ini berlaku disebabkan dasar pengambilan pegawai dan anggota polis yang berkhidmat dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia adalah berbeza sebelum dan selepas merdeka. Sebelum merdeka iaitu semasa pentadbiran Inggeris, calon-calon yang diambil masuk ke dalam Pasukan Polis tidak mengambil kira sama ada mereka warganegara atau tidak. Hanya selepas merdeka syarat pengambilan telah dihadkan kepada mereka yang mempunyai kerakyatan.
- (c) Kerajaan boleh menganugerahkan kewarganegaraan kepada mereka mengikut Perkara 30 (1) Perlembagaan Persekutuan adalah mengikut "merit" tertentu.

PEMBUNUHAN MUSTAKIZAH BINTI JAAFAR—SIASATAN

55. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perkembangan dalam siasatan polis atas kes pembunuhan Cik Mustakizah binti Jaafar pada 14-11-1988 yang mana pihak polis telahpun pada ketika itu mengatakan bahawa pembunuhan itu adalah dilakukan oleh "pembunuh-pembunuh upahan" (hired killers) dan sama ada pihak polis telah menangkap sesiapa yang berkaitan dengan pembunuh, jika ya, siapakah orang itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Siasatan kes pembunuhan Cik Mustakizah binti Jaafar masih diteruskan dan sehingga kini pihak polis belum mengenalpasti pembunuh yang dimaksudkan. Tawaran sebanyak \$50,000.00 kepada orang ramai untuk memberi maklumat kepada pihak polis hingga tertangkapnya penjenayah tersebut masih berkuatkuasa.

SLOGAN "SABAH FOR SABAHAN"

56. Tuan Madatang Morejal minta Perdana Menteri menyatakan pandangan Kerajaan Persekutuan terhadap slogan "Sabah for the Sabahan" yang ditimbulkan oleh Presiden Parti Berjaya. Adakah slogan tersebut mempunyai kesinambungan dengan dasar parti USNO yang menyebabkan parti tersebut disingkirkan daripada Barisan Nasional waktu pemerintahan Parti Berjaya di Negeri Sabah.

Tuan Othman bin Abdul: Slogan sedemikian sepatutnya tidak ditonjolkan demi untuk tidak membantut proses integrasi nasional. Di dalam konsep Persekutuan, negeri-negeri yang maju dan kaya menyumbang kepada negeri-negeri yang mundur dan miskin. Amalan memberi dan menerima dilaksanakan, di mana sebelum merdeka negeri Sabah adalah mundur, tetapi selepas mencapai kemerdekaan melalui penubuhan Malaysia, negeri tersebut telah mengalami tahap kemajuan yang membanggakan.

Kerajaan tidak dapat memastikan bahawa slogan "Sabah for Sabahan" adalah kesinambungan dasar Parti USNO yang menyebabkan parti itu disingkir dari Barisan Nasional.

SKYHAWK-PESAWAT PEJUANG AKAN DIJUAL

57. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pertahanan

menyatakan benarkah pihak kerajaan akan menjual pesawat pejuang A-4 Skyhawk menjelang tahun 1995 dan menggantikannya dengan pesawat pejuang yang baru, kerana jangka hayat pesawat itu akan berakhir pada tarikh yang tersebut. Jika benar berapakah harga yang dibeli dahulu dan berapakah harga yang akan dijual bagi tiap-tiap sebuah. Dan apakah jenis pesawat pejuang yang akan dibeli kelak dan berapakah banyak yang hendak dibeli dan berapakah kos yang dijangkakan.

45. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) harga pembelian satu kapal-terbang A-4 Skyhawk termasuk harga baikpulih;
- (b) berapakah harga pihak Kerajaan berhasrat menjual melalui AIROD 35 buah kapal-terbang A-4 Skyhawk kepunyaan TUDM yang sekarang ini terdampar di Amerika Syarikat dan berapakah kos anggaran baikpulih sebelum kapal-terbang ini boleh dijual; dan
- (c) sama ada terdapat mana-mana pembeli yang telah menunjukkan minat. Jika ya, sebutkan siapa.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bagan yang dijadualkan pada 8 Mac 1990 kerana kedua-dua soalan ini adalah mengenai perkara yang sama.

Memang benar, mengikut perancangan, TUDM memang berhajat untuk "phase-out" pesawat pejuang A-4 Skyhawk menjelang tahun 1995.

Harga pembelian sebuah A-4 Skyhawk termasuk harga baikpulih ialah M\$7.4 juta dan harga untuk dijual tidak dapat dipastikan lagi sekarang. Kerajaan akan cuba mendapatkan harga terbaik bagi penjualan ini. Walau bagaimanapun Kerajaan tidak dapat mengumumkan

harga penjualan ini kerana tidak mahu menjejaskan rundingan yang sedang dijalankan oleh pihak AIROD dengan bakal pembelinya.

Segala pengurusan pemasaran pesawat ini adalah diuruskan oleh AIROD dan saya difahamkan negara Singapura, Argentina dan Chile telah menunjukkan minat mereka.

Mengenai pesawat pejuang yang baru, Kerajaan masih lagi membuat kajian-kajian yang menyeluruh mengenainya.

HARI PAHLAWAN-KUTIPAN DERMA

58. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Pertahanan menyatakan sejarah Kutipan Derma Hari Pahlawan dan tujuannya. Adakah Jawatankuasa ditubuhkan di peringkat Nasional dan Negeri dan siapakah yang berhak menyimpan kutipan derma hari pahlawan ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Kutipan Derma Hari Pahlawan adalah merupakan suatu tradisi yang kita warisi dari zaman penjajah British yang lebih dikenali dengan nama "Poppy Day" sebagai pungutan derma memperingati pahlawan-pahlawan yang gugur di medan perang dan seterusnya membantu bekas-bekas tentera yang cacat, cedera dan keluarga mereka yang menderita akibat daripada peperangan. Di negara kita Malaysia ini kita teruskan tradisi ini melalui jualan pelekat Bunga Raya (Bunga Kebangsaan Kita) sepanjang bulan Julai pada tiap-tiap tahun, dengan panggilan Rayuan Hari Pahlawan.

Tujuannya tidak lain ialah untuk membantu bekas-bekas perajurit kita yang cacat, cedera yang uzur dan hilang daya upaya mengikut kadar yang mampu, bagi meneruskan hidup mereka disamping membantu ahli-ahli keluarga mereka dari segi membantu bayaran persekolahan, biasiswa dan sebagainya.

Memandangkan pungutan derma Sempena Rayuan Hari Pahlawan ini merupakan satu acara tahunan, sebuah Jawatankuasa Pusat Kutipan Derma Hari Pahlawan telah ditubuhkan di Kementerian Pertahanan dan di Pengerusikan oleh Y.B. Timbalan Menteri Pertahanan. Sementara di peringkat negeri pula Jawatankuasa Kutipan Derma Hari Pahlawan dipengerusikan oleh Y.A.B. Menteri Besar/Ketua Menteri atau Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri. Sementara itu pihak yang berhak menyimpannya diperingkat nasional ialah Persatuan Bekas Perajurit Malaysia, dan diperingkat negeri terpulangnya kepada budi bicara antara Kerajaan Negeri dengan Persatuan Perajurit Bahagian Negeri masing-masing.

Izinkan saya membuat seruan di Dewan Yang Mulia ini agar Semua Ahli Dewan menghulurkan derma dengan ikhlas kepada mereka yang telah berjasa menjaga kemakmuran kita apabila tiba ketikanya.

KEMPEN ANTI—MINYAK KELAPA SAWIT

59. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah benar dakwaan yang dibuat oleh seorang wartawan Utusan Malaysia yang bertugas di US di dalam rencananya yang disiarkan pada 30-1-90, bahawa usaha Kerajaan melawan kempen anti kelapa sawit di US tidak berkesan. Jikalau benar, apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh Kementerian.

Dato' Alias bin Md. Ali: Laporan yang dibuat oleh wartawan yang berkenaan bahawa usaha Kerajaan membentasi kempen anti-minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat tidak berkesan adalah tidak benar.

Ini adalah jelas kerana:

- (i) usaha oleh setengah-tengah pihak yang mempunyai kepentingan sendiri (vested interest) di Amerika Syarikat yang menyokong kempen anti-minyak tropika untuk membentangkan Rang Undang-undang Melabel minyak tropika sebagai lemak tepu telah gagal dan terbantut oleh sebab kita telah mendapat sokongan daripada Kerajaan Amerika Syarikat dan ahli-ahli Kongres dan Senat.
- (ii) Pada bulan Julai, tahun yang lepas Persatuan Kacangsoya Amerika Syarikat (ASA) telah menulis kepada pihak industri kita dengan persetujuan memberhentikan kempen anti-minyak tropika.

Walaupun kita mencapai kejayaan di atas, kita masih perlu meneruskan usaha-usaha mengatasi kesan-kesan akibat dari kempen tersebut. Masih terdapat beberapa Rang Undang-undang yang disyorkan di Kongres berkenaan dengan melabel makanan yang boleh menjejaskan penggunaan minyak tropika. Kita mendapati juga pihak industri makanan Amerika Syarikat juga menentang Rang Undang-undang tersebut.

Pentadbiran Amerika Syarikat terus memberi jaminan ia akan menentang sebarang Rang Undang-undang yang mendiskriminasikan minyak-minyak tropika. Sehubungan dengan ini, kita juga mempunyai sokongan daripada negara-negara di ASEAN terutamanya Filipina melalui Jawatankuasa ASEAN di Washington.

Kempen anti-minyak kelapa sawit itu telah meninggalkan sedikit-sebanyak kesan di kalangan para pengguna. Oleh itu, Kerajaan sedar bahawa usaha untuk mendapatkan penerimaan pengguna terhadap minyak kelapa sawit memerlukan maklumat-maklumat saintifik dari kajian-kajian khasiat yang diterima

sebagai sahih diseluruh dunia. Ke arah itu PORIM kini sedang menjalankan beberapa projek penyelidikan pemakanan di Amerika Syarikat dan berbagi bahagian lain di dunia.

Usaha promosi selanjutnya yang diperlukan juga harus berbentuk jangka panjang dan ke arah itu Kementerian saya telahpun mengambil daya utama untuk menubuhkan Tabung Galakan Pasaran Minyak Kelapasawit untuk dikendalikan oleh pihak swasta. Oleh itu, Kerajaan bersama dengan pihak industri yang berkenaan akan terus bergiat untuk memajukan pasaran minyak kelapa sawit bukan sahaja di Amerika Syarikat tetapi lebih lagi di pasaran lain untuk menjamin bahawa minyak kelapa sawit dapat diterima dan digunakan sebagai satu minyak sayuran yang berkhasiat dan kompetitif.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG ZON BEBAS

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan untuk penubuhan Zon-zon Bebas dalam Malaysia untuk menggalakkan kehidupan ekonomi negara dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG [PINDAAN]

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG SERI
PAHLAWAN GAGAH PERKASA
(ELAUN KENANGAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pemberian (elaun kenangan) kepada penerima-penerima Darjah-darjah Kebesaran Gagah Perkasa dan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
KAWALAN BEKALAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Bekalan, 1961; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERTUBUHAN BERITA
NASIONAL MALAYSIA
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat akan datang.

USUL

**UCAPAN TERIMA KASIH
KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M.
SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG SULTAN
AZLAN SHAH**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

Ampun Tuanku,

"Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Ketujuh." (27hb Februari. 1990)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong, sila sambung.

3.40 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, kelmarin sebelum Dewan ini ditangguhkan saya sedang menyentuh atas satu tema bahawa semenjak pilihanraya umum tahun 1986, demokrasi berparlimen telah diancam dengan hebatnya setahun demi setahun atas pencabulan hak-hak asasi prinsip-prinsip dan institusi-institusi yang menjadi asas bagi sesebuah demokrasi berparlimen yang bermakna di mana tanpa ciri-ciri tersebut, demokrasi berparlimen hanya konsep kosong.

Apabila kita menjangkau masuk ke tahun 1990 hak-hak asasi berhubung dengan kebebasan bersuara, berkumpul, bersatu dan kebebasan seseorang; prinsip-prinsip asas keunggulan Parlimen, Badan Kehakiman, kedaulatan undang-undang, doktrin pemisahan kuasa dan institusi-institusi Parlimen, Kehakiman dan akhbar yang bebas telahpun dikongkong, dirampas dan dihamba-abdikan oleh Badan Eksekutif dan khasnya Perdana Menteri sehingga terdapat satu cubaan serius yang seakan-akan meletakkan Peguam Negara di atas Parlimen.

Apabila Malaysia melangkah masuk dekad 1990an kita harus menyuarakan kebimbangan kita terhadap satu lagi institusi demokrasi berparlimen yang penting dan utama yang akan menjadi sasaran bagi ancaman dan taklukan iaitu Suruhanjaya Pilihanraya.

Pada bulan Januari lalu, Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin UMNO (Baru) telah memberi arahan kepada pemimpin-pemimpin cawangan dan bahagian UMNO supaya bersedia untuk melancarkan suatu kempen pendaftaran pengundi secara mendadak dalam satu bulan lagi. Ini adalah kerana UMNO (Baru) sedang dalam ketakutan bahawa ia bukan sahaja akan hilang majoriti dua pertiganya dalam Parlimen tetapi juga akan hilang kuasa pemerintahan sama sekali dalam pilihanraya yang akan datang. (*Tepuk*)

Pada ketika itu, Suruhanjaya Pilihanraya masih bersusah payah untuk menyiapkan Daftar Pemilih yang baru yang merangkumi kempen pendaftaran tahun 1989. Pada 3hb Februari, Ketua Penerangan Pemuda UMNO (Baru), Mohd. Zahid Hamid telah memberitahu pemberita bahawa seramai 300,000 ahli UMNO (Baru) masih belum mendaftar sebagai pengundi. Dan menambah bahawa pemuda UMNO (Baru) masih sedang melakukan satu kempen menyeluruh dan sistematik bagi membantu Suruhanjaya Pilihanraya dalam usaha mendaftar pengundi-pengundi.

Soalan yang berbangkit ialah bagaimana pemuda UMNO (Baru) boleh terus membantu Suruhanjaya Pilihanraya untuk membantu mendaftar pengundi-pengundi apabila kempen pendaftaran tahun 1989 telah dilaksanakan mulai 21hb Mei hingga 2hb Julai, 1989 dan Daftar Pemilih yang dipinda itu telah dipamirkan dari 17hb hingga 30hb November. Sehingga ini Suruhanjaya Pilihanraya masih belum dapat mengemukakan Daftar Pemilih bagi tahun 1989 yang muktamad. Bagaimanakah UMNO (Baru) dan

Pemuda UMNO (Baru) dapat membantu Suruhanjaya Pilihanraya untuk mendaftar pengundi-pengundi khususnya 300,000 ahli-ahli UMNO yang masih belum mendaftar diri sebagai pengundi apabila tidak terdapat apa-apa kempen pendaftaran selepas 2hb Julai, 1989? Adakah terdapat satu kempen pendaftaran sulit bagi UMNO (Baru) sahaja yang disembunyikan dari pengetahuan umum? Adakah UMNO (Baru) dan Pemuda UMNO (Baru) terlibat dalam satu komplot tidak berperlembagaan untuk mencabuli kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan pilihanraya yang adil dan bebas dari sebarang pencabulan dan arahan dari mana-mana parti politik, sama ada dari partai pemerintah atau pembangkang atau dari Kerajaan?

Adalah satu rekod awam bahawa dalam satu bulan kebelakangan ini, saya berkali-kali telahpun meminta Suruhanjaya Pilihanraya membuat satu kenyataan yang jelas mengenai pemberitahuan pemimpin-pemimpin UMNO (Baru) kepada ketua-ketua mereka bahawa Suruhanjaya Pilihanraya yang pada ketika itu sedang menyediakan Daftar Pemilih tahun lalu, juga sedang bersedia untuk melancarkan satu kempen pendaftaran pengundi mengejut mulai 1hb Mac. Untuk tujuan catatan, sepanjang satu bulan ini Suruhanjaya Pilihanraya telah berdiam diri dan tidak memberi apa-apa kenyataan. Cuma beberapa hari yang lalu barulah Suruhanjaya Pilihanraya mengumumkan bahawa kempen pendaftaran pengundi mengejut selama 27 hari ini akan bermula pada besok. Jadi, ini mengesahkan apa yang diarahkan oleh Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin UMNO (Baru) kepada ahli-ahli mereka sejak bulan Januari tahun ini.

Kelmarin, Tuan Yang di-Pertua tidak membenarkan saya membawa satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membahar arahan sulit yang dikemukakan oleh UMNO (Baru) untuk melancarkan kempen pendaftaran

pengundi mengejut selama 27 hari, khasnya untuk mendaftarkan seramai 300,000 ahli-ahli UMNO (Baru) yang belum mendaftar dan membuat satu keputusan bahawa kelakuan dan sifat ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya hanya boleh dipersoalkan dalam satu usul persendirian. Meskipun saya mahu membawa usul bersendirian yang memerlukan memberitahu 14 hari, rekod Parlimen pihak Kerajaan adalah ternyata dan memang boleh didugakan bahawa saya tidak akan diberikan masa membawa usul bersendirian itu untuk dibahaskan. Walaupun saya tidak bersetuju dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua, namun saya terima keputusan kelmarin.

Pada hakikatnya saya tidak pernah berniat untuk menyoalkan kelakuan dan sifat ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya kerana saya percaya mereka adalah terdiri dari rakyat Malaysia yang jujur dan patriotik yang juga menyahut seruan Baginda dalam Titah Di-Raja pada Isnin lalu supaya semua rakyat Malaysia mempertahankan sistem demokrasi berparlimen. Tetapi saya tuduh UMNO (Baru) dan Kerajaan Barisan Nasional kerana cuba mencabuli kebebasan dan integriti Suruhanjaya Pilihanraya kerana UMNO (Baru) mahu mendaftar 300,000 ahli sebagai pengundi sebelum pilihanraya umum akan datang kerana takut hilang majoriti dua pertiga, mungkin hilang kuasa pun! (*Tepuk*) Saya tuduh UMNO (Baru) dan Kerajaan Barisan Nasional berhasrat untuk mencabuli kebebasan dan integriti Suruhanjaya Pilihanraya kerana mahu mendaftarkan ahli-ahli UMNO (Baru) yang di bawah umur 21 tahun sebagai pengundi. (*Tepuk*) dan demi mencapai matlamat ini telah cuba mengarahkan Suruhanjaya Pilihanraya melantik pekerja-pekerja UMNO (Baru) yang menyamar identiti mereka sebagai pegawai KEMAS dan lain-lain badan berkanun Kerajaan bertugas sebagai pegawai-pegawai pendafatar pengundi. (*Tepuk*)

Saya tuduh UMNO (Baru) dan Kerajaan Barisan Nasional cuba mencabuli kebebasan dan integriti Suruhanjaya Pilihanraya dengan mengeluarkan arahan sulit kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk melancarkan kempen pendaftaran pengundi mengejut selama 27 hari mulai 1hb Mac, walaupun Suruhanjaya Pilihanraya tidak bersedia dan masih belum sempurnakan daftar pemilih 1990. Saya tuduh UMNO (Baru) dan Kerajaan Barisan Nasional kerana cuba mencabuli kebebasan dan integriti Suruhanjaya Pilihanraya supaya syarat-syarat dan peraturan-peraturan pilihanraya dapat dipinda bagi menguntungkan mereka, (*Tepuk*) seperti pindaan kepada sistem pengiraan undi dari pengiraan di satu pusat bagi satu kawasan pilihanraya Parlimen kepada sistem pengiraan di setiap pusat membuang undi.

Saya tuduh UMNO (Baru) dan Kerajaan Barisan Nasional kerana cuba mencabuli kebebasan dan integriti Suruhanjaya Pilihanraya kerana mahu Suruhanjaya mematuhi arahan dan keinginan sahaja dan bukan sebaliknya dengan memanggil semua parti-parti politik, sama ada parti pemerintah atau pembangkang, untuk bermesyuarat untuk mendapat pandangan dan konsensus apabila apa-apa cadangan untuk meminda syarat dan peraturan pilihanraya ataupun mengenai kempen pendaftaran pengundi dicadangkan.

Inilah kenapa penubuhan sebuah badan mengesan pilihanraya enam orang Election Watch di bawah pimpinan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Suffian dan dianggotai oleh rakyat Malaysia yang terhormat seperti Tan Sri Ahmad Nordin, Raja Aziz Addrus, Dr. Chandra Muzaffar, Dato Param Cumaraswamy dan Encik Chooi Mun Sow adalah satu langkah penting dan tepat pada masanya.

Dalam kenyataan pertamanya, Election Watch merujuk kepada tuduhan-tuduhan tentang wujudnya penyelewengan dalam beberapa bulan

kebelakangan ini yang telah menimbulkan syak-wasangka terhadap seluruh proses pilihanraya. Election Watch dengan betul menganggap bahawa Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai kewajipan untuk menyasiat dengan mendalamnya tuduhan-tuduhan ini dan menghapuskan segala syak-wasangka yang wujud dalam pemikiran orang ramai. Rakyat mesti diyakini dengan sepenuhnya tanpa sebarang keraguan bahawa pilihanraya akan dijalankan dengan adil. Integriti dan kejujuran Suruhanjaya Pilihanraya tidak harus dipersoalkan.

Sepertimana dinyatakan oleh Election Watch, "Suruhanjaya Pilihanraya sedar bahawa mereka tidak harus memberi kesetiaan mereka kepada Badan Eksekutif atau individu yang memegang kuasa. Kesetiaan mereka adalah kepada Perlembagaan dan hanya Perlembagaannya sahaja".

Kita boleh melihat beberapa penyelewengan dalam proses pilihanraya kita dalam contoh-contoh berikut:

Sebanyak 400,000 pengundi didaftarkan melebihi satu kali atau mempunyai nombor kad pengenalan yang serupa dengan pengundi lain;

Pemindahan sekurang-kurangnya 10,000 pengundi dari satu kawasan pilihanraya ke kawasan yang lain tanpa pengetahuan pengundi yang terlibat.

Apa yang telah menjadikan segala perjalanan pilihanraya ini diragui lagi adalah mock election exercise selama dua minggu yang dilaksanakan oleh UMNO Baru di seluruh negara. Adakah mock election ini yang mungkin melibatkan kegunaan peti-peti undi, kertas undi, pusat pengiraan undi dan lain-lain alat perkakas pilihanraya dibenarkan oleh undang-undang pilihanraya dalam negara ini? Sudahkah Suruhanjaya Pilihanraya meminta UMNO Baru memberi penjelasan tentang kempen

mock election sama ada ia satu persiapan untuk melakukan penipuan atau rigging pilihanraya yang akan datang? (*Tepuk*)

Kita harus tegaskan bahawa demi memelihara kebebasan berperlembagaan dan keyakinan awam, Suruhanjaya Pilihanraya harus bekerja bersama-sama parti-parti politik sama ada parti-parti pemerintah atau parti-parti pembangkang, kerana Suruhanjaya itu tidak akan dapat melakukan dengan adil dan bebas atau dilihat sebagai badan yang adil dan bebas sekiranya ia meminda syarat dan peraturan pilihanraya serta pelaksanaan perjalanan pendaftaran pengundi tanpa sebarang perundingan langsung dengan parti-parti pembangkang, apabila semua orang tahu ia mempunyai perhubungan istimewa dengan parti-parti pemerintah dan Kerajaan walaupun perhubungan ini tidak betul dan tidak mengikut Perlembagaan.

DAP sedia bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihanraya pada bila-bila masa. Soalannya ialah sama ada Suruhanjaya Pilihanraya sedia bekerjasama dengan parti-parti pembangkang?

Apabila rekod hak-hak asasi manusia pihak Kerajaan memalukan, demokrasi berparlimen berada di peringkat merbahaya. Mengapakah pihak Kerajaan sehingga kini enggan membenarkan pendaftaran Pertubuhan Hak-hak Asasi Manusia yang menerima sokongan penuh dari dua orang bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn? Atau mengapakah pihak Kementerian Dalam Negeri takut mengeluarkan satu permit cetak untuk keluaran bulanan Bahasa Malaysia kepada ALIRAN. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, jika kita pandang kembali pemerintahan Kerajaan ini dalam dekad yang lalu, dan khususnya penghakisan sistematis kebebasan-kebebasan demokratik dan hak-hak asasi manusia sejak Pilihanraya Umum 1986, mahu tak mahu kita dapat

menimbulkan bahawa ancaman terbesar kepada demokrasi berparlimen adalah pemusatan berlebihan kuasa politik dalam tangan eksekutif, khususnya dalam tangan Perdana Menteri, kerana parti yang memerintah mempunyai majoriti dua pertiga dalam Parlimen.

Oleh kerana ini ia mempunyai dari dua pertiga majoriti dalam Parlimen, Kerajaan tidak mempunyai keber-tanggungjawapan dan tidak ber-tanggungjawab sepertimana nyata dilihat dengan wujudnya skandal-skandal kewangan dan kini skandal moral, pencabulan hak-hak asasi dan penyalahgunaan kuasa yang amat sekali yang tidak terbilang.

Ironiknya, ancaman terbesar terhadap demokrasi berparlimen di Malaysia datang dari Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, (*Tepuk*) oleh kerana majoriti dua pertiganya yang telah membenarkan pemusnahan secara sistematik terhadap hak-hak asasi dan institusi-institusi penting yang wajib sebagai checks and balances dalam sebuah demokrasi ber-parlimen yang bermakna.

Jalan ke arah pemulihan demokrasi berparlimen yang bermakna bermula dengan menarik-balik majoriti dua pertiga di Parlimen. Pada hakikatnya, cuma dengan penghapusan ini, barulah skandal-skandal yang tidak berputus-putus, ketidak akauntabiliti, pencabulan hak-hak asasi manusia dan penyalahgunaan kuasa di Malaysia dapat ditamatkan.

Perpaduan kebangsaan juga diancam dengan hebatnya oleh pemusatan kuasa kerana majoriti dua pertiga ini, di mana Kerajaan kini tidak lagi peka kepada hak-hak dan aspirasi sah rakyat Malaysia tidak kira kaum, agama, bahasa dan budaya.

Inilah kenapa Majlis Perundingan Agama-agama Buddhist, Kristian, Hindu dan Sikh (MCCBCHS) telah melancarkan satu kempen di seluruh

negara untuk meminta Kerajaan menolak sebarang penguatkuasaan undang-undang Islam terhadap rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam.

Kempen kebangsaan Majlis Perundingan Agama-agama itu mempunyai matlamat pertama iaitu melancarkan kempen tandatangan bagi meminta Kerajaan untuk memastikan bahawa Undang-undang Syariah tidak dikenakan atas rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam, dan matlamat keduanya ialah mengadakan sesi berdoa selama tiga hari dari 9hb Februari hingga 11hb Februari bagi:

- (1) kebebasan untuk menganut dan mengamal agama seseorang;
- (2) kebebasan dari penguatkuasaan Undang-undang Syariah ke atas rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam;
- (3) keamanan dan persefahaman antara rakyat dan kepercayaan yang berlainan.

Saya komen kepada semua Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen memorandum yang disediakan oleh Majlis Perundingan Agama-agama ini yang bertajuk, dengan izin, "Why Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism rejects the application of the Syariah on non-Muslims" yang menjelaskan sebab untuk mengadakan kempen kebangsaan ini.

Beberapa contoh yang digunakan oleh MCCBCHS untuk menyuarakan perhatian mereka terhadap cubaan untuk menguatkuasakan undang-undang Islam secara beransur-ansur di Malaysia adalah seperti:

Matapelajaran Tamaddun Islam telah menjadi wajib bagi semua pelajar universiti di Malaysia. MCCBCHS telah merayu buat banyak kali kepada Kerajaan untuk membenarkan pengajaran agama-agama pelajar sendiri di dalam sekolah, tetapi telah gagal.

Dalam kebanyakan Pelan Struktur Bandar, sama ada Kuala Lumpur, Ipoh, Kelang atau Johor Bahru, terdapat pembahagian yang tidak seimbang bagi pembinaan masjid-masjid, kuil-kuil dan gereja-gereja.

Juga dalam pelan-pelan struktur ini, terdapat diskriminasi tanah bagi kubur-kubur ataupun tidak langsung ada peruntukan bagi orang-orang bukan Islam. Sungguh susah dan ada banyak rintangan bagi mendapat kelulusan untuk membina tokong atau gereja.

Salib atau palang Kristian telah diturunkan dari sekolah-sekolah Kristian.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masa semalam oleh kerana ada gangguan dan hari ini saya tidak mahu mengambil masa panjang oleh kerana ada Ahli-ahli Parlimen yang lain termasuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang mahu berucap dan mereka boleh berucap nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Di radio dan televisyen, rancangan-rancangan bagi bukan Islam tidak diberi layanan yang adil. Tulisan sesat mengenai agama bukan Islam dibenarkan di dalam buku-buku sekolah.

Kanak-kanak bukan Islam yang belum dewasa dibenarkan memeluk agama Islam tanpa kebenaran ibubapa mereka.

Orang bukan Islam tidak dibenarkan menggunakan perkataan Bahasa Malaysia yang berasaskan bahasa Arab.

Halangan dan sekatan atas pegawai-pegawai agama dari negara asing, seperti paderi dan pemuzik kuil bagi agama bukan Islam. Penedaran bebas pita kaset dan bahan-bahan anti-Kristian.

Tuan Yang di-Pertua, sekian lama ini perasaan bimbang kaum bukan Islam ini tidak dapat menerima perhatian sewajarnya dan serius dari pihak Kerajaan, kerana Kerajaan merasa ia boleh ketepikan mereka kerana mempunyai majoriti lebih dua pertiga di Parlimen.

Salah satu dari seruan awal yang dibuat oleh Nelson Mandela sebaik sahaja beliau dibebaskan dari penjara 27 tahun, ialah untuk menamatkan pemerintahan darurat di Afrika Selatan.

Saya tidak syaki bahawa seruan ini oleh Nelson Mandela dapat sokongan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Tetapi, kita mesti jangan lupa bahawa di Malaysia kita tidak ada bukan satu tetapi empat Perisytiharan Darurat yang masih berkuatkuasa. (*Tepuk*)

Marilah kita menyahut seruan Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa rakyat Malaysia harus mengekalkan semangat patriotik supaya melindungi dan membela sistem demokrasi berparlimen. Inilah kenapa pemimpin-pemimpin DAP sedia dan rela ditahan di Kamunting kerana kami mencintai Malaysia (*Tepuk*) dan kami bersemangat patriotik dan kami rela berkorban untuk membela demokrasi berparlimen di Malaysia.

Ahli-ahli Parlimen harus menimbang bagaimana Malaysia boleh kembali ke pangkal jalan ke arah demokrasi berparlimen selepas pencabulan dan hakisan dalam hak-hak asasi manusia dan kebebasan demokratik di Malaysia yang begitu berleluasa. Saya cadangkan langkah-langkah berikut yang harus diambil dengan segera jika kita mahu

menyahut seruan Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan seriusnya:

- (i) Pemansuhan empat Perisytiharan Darurat;
- (ii) Menarik balik pengharaman atas rapat umum;
- (iii) Pemulihan kebebasan badan Kehakiman;
- (iv) Pemulihan kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya;
- (v) Penubuhan sebuah Suruhanjaya Diraja bagi menghapuskan semua undang-undang yang tidak demokratik, seperti Akta Keselamatan Dalam Negri, Akta Rahsia Rasmi, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Polis dan Akta Pertubuhan.

Ada satu perkara lagi yang saya mahu kemukakan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang cadangan struktur baru perkhidmatan pentadbiran di dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan akibat cadangan menyatukan Perkhidmatan Tadbir Am atau PTA dan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik atau PTD yang tidak berlaku adil dan berdiskriminasi terhadap pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir Am atau PTA. Ini adalah kerana hasil daripada penyatuan tersebut yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), pegawai-pegawai PTA akan mengalami kerugian yang berat seperti berikut:-

- (a) Kehilangan kekananan dan kelayakan untuk kenaikan pangkat;
- (b) Pegawai PTA, contohnya ialah pegawai PTA Tingkatan Tertinggi G A10, akan kehilangan perkhidmatan 4 ke 6 tahun dalam Tingkatan Tertinggi G dan juga kelayakan untuk naik pangkat. Contoh kedua, pegawai PTA Tingkatan Kanan A12 akan kehilangan perkhidmatan di antara 2

ke 14 tahun dan juga kelayakan untuk kenaikan pangkat ke Tingkatan Tertinggi G.

Contoh ketiga, pegawai PTA Tingkatan Biasa A22 akan kehilangan bagi tempoh perkhidmatan di antara 5 ke 12 tahun dan akibat yang kedua ialah kerugian penurunan pangkat. Pegawai PTA Tingkatan Kanan A12 akan diturunkan 7 tangga gaji ke bawah dan meletakkan dari promotional grade A12 kepada jawatan PTD Tingkatan Biasa A19. Penurunan pangkat ini bercanggah dengan Perkara 135D, Perlembagaan Persekutuan.

- (c) Comot dalam perkhidmatan. Pegawai PTA yang enggan menerima tawaran JPA menyerap masuk kepada PTD akan dikekalkan dalam jawatan mereka sehingga mereka bersara. Ini bermakna mereka telah dicomotkan dalam perkhidmatan atau dinafikan peluang naik pangkat. Justeru itu adalah tidak mustahil PERTAM menganggap syarat-syarat ini sebagai menekan dan keterlaluan.

Saya bersetuju bahawa tawaran JPA ini tidak bermakna dan merupakan satu paksaan yang merugikan pegawai JPA tanpa memberikan mereka satu pilihan yang adil. Sikap penyatuan tersebut juga menganggap perkhidmatan PTA sebagai subordinate kepada PTD walhal ini bukan keadaan yang sebenar. Saya harap bahawa JPA bolehlah menimbang semula syarat-syarat menekan ini untuk mengelakkan pegawai-pegawai PTA daripada dianaktirikan atau dianiayai. Natural Justice, Tuan Yang di-Pertua, mewajibkan bahawa pandangan PERTAM dilayani dan dibenarkan mengambil bahagian dalam pertimbangan syarat-syarat ini dan bukan sahaja ditentukan oleh pegawai PTD sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mahu merujuk kepada laporan

akhbar pagi ini dan saya sangat disappointed, Yang Berhormat Menteri Pendidikan sudah lari. (*Tepuk*) Mengenai laporan akhbar hari ini berkenaan prosiding Parlimen semalam khasnya mengenai tuduhannya bahawa saya kemukakan perkara Yang Berhormat dari Kapar untuk publisiti dan mempunyai niat jahat ialah immoral dan diberi tajuk yang besar. Inilah satu mentality Barisan Nasional yang sangat typical dan nampaknya Yang Berhormat Menteri Pendidikan kalau dia ada dengar di luar boleh masuk sekarang (*Tepuk*). satu mentality Barisan Nasional yang typical, yang nampaknya Yang Berhormat Menteri Pendidikan sudah menjadi master. Dalam mentality ini seorang yang corrupt bukan penjenayah, seorang yang membongkar corruption penjenayah! (*Tepuk*) Dalam mentality ini seorang yang terlibat dalam perkara skandal-skandal lucah tidak immoral, tetapi seorang yang kritik perkara ini lebih immoral (*Tepuk*) atau orang yang mengkritikkan kedudukan political morality Kerajaan dalam perkara ini.

Saya rasa kesal bahawa Yang Berhormat Menteri yang menganggap beliau sebagai satu custodian, sebagai satu guardian morality Barisan Nasional, tidak boleh membezakan isu-isu political morality dan Shakespeare ada kata, kalau boleh menggunakan perkataan Shakespeare, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, he protests too much. (*Tepuk*) He protests too much dan mahu memberikan satu gambaran bahawa beliau tidak menyokong sesiapa yang membuat kesalahan tetapi oleh kerana beliaulah yang menjadi Menteri yang utama yang menyokong Yang Berhormat dari Kapar, yang pada masa itu adalah Deputy Speaker untuk menghalau Yang Berhormat dari Jelutong daripada Dewan yang mulia ini. (*Tepuk*) Itulah sebab sekarang dia mahu tunjuk dia ialah juara moral (moral champion).

Akhirnya, saya mahu menegaskan di sini bahawa isu ini bukan isu seorang, bukan isu Ahli dari Kapar, isu ialah

kedudukan pendirian Kabinet dalam kes ini termasuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas pemusnahan video tapes itu. Apa pendirian Menteri-menteri, Kabinet dan Kerajaan? Adakah mereka menganggap ini patut, baik, betul atau salah, tidak patut, keterlaluan dan berjenayah? Apa pendirian? Saya harap sungguhpun Yang Berhormat Menteri Pendidikan sudah lari, dia boleh menjawab apa pendiriannya atas pemusnahan oleh Peguam Negara video-video tape, gambar-gambar dan negatif-negatif? What is his stand?

Kedua, kenapa Kabinet termasuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan begitu takut untuk mendapat maklumat daripada pihak polis atau pihak Peguam Negara mengenai apa isi kandungan dalam tape-tape itu? Kenapa begitu takut? Adakah oleh kerana mereka ada sebab diberitahu jangan tanya oleh kerana kalau tanya dan diberi maklumat oleh pihak polis dan Peguam Negara, tentulah itu tidak menimbulkan satu hakikat yang baik? Adakah mereka takut kalau tanya jawapan daripada pihak polis, jawapan dari Peguam Negara ialah betul, video tapes itu lucah, betul, ada Yang Berhormat dari Kapar. Adakah itu sebab? (*Tepuk*) Nombor tiga ialah bolehkah Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan semua anggota Kabinet membuat satu kenyataan atau sumpah bahawa mereka tidak tahu langsung. Semua tidak tahu langsung, directly or indirectly apa isi kandungan dalam video tape itu; everyone swear on oath tidak tahu, tidak tahu langsung, never told by anybody . . .

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: I think you are very busy with your "makan jagung". (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud) Yang Berhormat boleh . . .

Datuk Seri Sanusi bin Junid: You need a lot of jagung for intelligence. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: That is your intelligence. (*Ketawa*)

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bagi pihak Kabinet, saya sendiri tidak tahu langsung. (*Disampuk*)

Tun Lim Kit Siang: Yang Berhormat kata dia sendiri tidak tahu. Kalau you sendiri tidak tahu, kenapa boleh kata bagi pihak Kabinet you sendiri tidak tahu? Kalau you sendiri tidak tahu, cakap bagi pihak sendiri.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Kabinet tidak tahu.

Tuan Lim Kit Siang: Kabinet tidak tahu. You mana tahu Kabinet tidak tahu? (*Disampuk*) You bukan Perdana Menteri! Yang Berhormat Menteri Pertanian bukanlah Perdana Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri Pertanian tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak tahu, bahawa Peguam Negara tidak melaporkan kepada Perdana Menteri, bahawa polis tidak melaporkan kepada Perdana Menteri dan Perdana Menteri ada melaporkan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian?

Nampaknya belum jadi Perdana Menteri sudah mahu ada kuasa Perdana Menteri. (*Ketawa*) (*Tepuk*)

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Terima kasih banyak. Saya sudah kenal Yang Berhormat daripada tahun 1974 dan saya fikir cukuplah kalau saya katakan Kabinet tidak tahu, cuma yang tengok tape ini biasanya Pembangkang. (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Itu too low—a low and cheap "short" (*Ketawa*) (*Tepuk*) yang boleh keluar daripada orang yang low dan cheap sahaja (*Tepuk*). Yang

Berhormat Menteri Pertanian kata bahawa Kabinet tidak tahu, kalau Kabinet tidak tahu kenapa Yang Berhormat Menteri Perumahan tahu bahawa tidak ada logo Barisan Nasional dalam video tape (*Ketawa*). Yang Berhormat Menteri Perumahan (Deputy President of the MCA) kata tidak ada logo-logo Barisan Nasional dalam video tapes, kenapa tidak tahu! (*Ketawa*) (*Tepuk*)

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Kabinet tidak tahu fasal logo. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, Kabinet tidak tahu, tetapi Yang Berhormat Menteri Perumahan tahu, tidak ada logo Barisan Nasional dalam video tape, dia tahu, dia sudah buat satu kenyataan, dia tahu, you tidak tahu, tetapi dia dalam Kabinet, kalau dia tahu Kabinet pun tahu. (*Tepuk*)

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Yang tahu semua fasal video ini Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Dan soalan keempat pendirian moral. Adakah moral dan adakah wajar untuk seorang yang menganggap dirinya sendiri sebagai moral champion ialah Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri Pertanian pun mahu berlagak sebagai moral champion. Adakah ini moral atau semalam ada mendakwa bahawa kita hypocrite oleh kerana membawa perkara ini? Adakah ini wajar apabila beliau kata perkara ini terserah kepada mahkamah untuk putuskan walhal bukti-bukti video tapes, gambar-gambar itu sudah dimusnahkan oleh Peguam Negara, oleh Kerajaan? Adakah ini moral stand ataupun itu moral hypocrisy? (*Tepuk*) Kata serahkan kepada mahkamah, tetapi sudah dimusnahkan itu bukti, mana morality Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu? Saya rasa kesal bahawa seorang yang bertanggungjawab atas pelajaran, pendidikan moral generasi yang akan datang yang membuat satu teladan yang begitu immoral, tidak tahu

membeza daripada apa yang betul, apa yang salah dan sehingga boleh menyokong Usul Yang Berhormat dari Kapar untuk menghalau Yang Berhormat dari Jelutong. Mungkin dalam pandangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan semua orang immoral, dia sendiri bermoral. Lagi seorang bermoral Yang Berhormat dari Kapar—dua orang sahaja bermoral. (*Tepuk*)

Akhirnya, kalau saya immoral oleh kerana saya bangkit hal ini semalam, kalau saya immoral oleh kerana saya menyoalkan political morality, kedudukan, pendirian Kerajaan, sebenarnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan bukan sahaja buat satu tuduhan yang serius terhadap saya, beliau sebenarnya pun menuduh Tuan Yang di-Pertua sebagai immoral oleh kerana membenarkan saya berucap semalam (*Tepuk*). Dan itulah saya rasa mustahak. Saya harap janganlah Yang Berhormat Menteri Pendidikan datang lagi untuk berlagak-lagak (action) sahaja mahu tunjuk dia moral champion apabila menunjuk semalam utter moral hypocrisy. Terima kasih (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat dari Kluang.

4.15 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda semasa Baginda membuka sesi Parlimen Keempat, Penggal Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya negara kita sedang mengalami satu, dengan izin, "boom" dalam ekonomi, ini semata-mata kerana kestabilan ekonomi yang kita nikmati masa kini. Kerajaan telah melaksanakan polisi-polisi yang memanfaatkan semua rakyat. Polisi-polisi seperti penswastan dan skim

FELDA, penggalakan masuk pelaburan asing ke dalam negara telah banyak mendatangkan hasil. Kini kita sedang menikmati satu pertambahan pesat pelaburan asing dalam negara. Untuk tujuan ini saya mesti mengucapkan tahniah kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya datang dari satu kawasan yang mempunyai banyak skim-skim FELDA. Tidak dapat dinafikan bahawa skim FELDA merupakan satu skim pembangunan tanah yang sungguh teratur, ia lelah membolehkan bilangan yang besar rakyat menyertai dalam pembangunan perindustrian kelapa sawit.

Pada hah ini FELDA merupakan ladang kelapa sawit yang terbesar di negara ini. Dalam tempoh sebagai Wakil Rakyat, saya telah membuat lawatan ke banyak skim FELDA. Pada amnya berkenaan dengan hakmilik sama ada dari segi pengeluaran surathakmilik atau saham dalam sesuatu Perbadanan telahpun diselesaikan. Namun demikian, masih terdapat banyak masalah yang sedang dihadapi oleh para peneroka FELDA.

Pertama, para peneroka tinggal dalam pekan-pekan yang dikelilingi oleh kawasan perladangan mereka. Sehingga hari ini masih terdapat ramai yang tidak menikmati kemudahan-kemudahan asas moden seperti bekalan air paip, elektrik dan jalanraya-jalanraya bertar yang baik.

Keduanya, ramai anak-anak para peneroka yang kini telah dewasa menganggur di pekan-pekan yang mereka diam.

Ketiganya, kekurangan kemudahan hiburan yang asas di pekan-pekan ini menyebabkan gologan belia berhijrah ke kawasan-kawasan bandar yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya menyeru pihak Kerajaan mengatasi masalah-masalah ini secepat mungkin.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji):
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat Pasir Pinji hendak apa?

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, ..

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat dari Kluang nanti!

Tuan Lau Dak Kee: Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Pasir Pinji hendak apa?

Tuan Lau Dak Kee: Saya hendak minta penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, yang mulanya-mulanya Yang Berhormat dari Kluang kata ekonomi Malaysia ini perlulah "umph" dan kalau "umph" adakah "umph" ini "boom". "Boomkah" atau "umph"? Kalau hendak "boom", mungkin saya salah sedikit, kalau hendak "umph" nampaknya apabila saya meneliti ucapannya perlulah kawasan-nya betul-betul memerlukan "umphnya", sebab tidak "umphnya" tidak dapat "boomnya". Oleh kerana itu saya minta adakah Yang Berhormat mengaku kawasan-kawasan Yang Berhormat itu telah diketepikan ataupun telah dilupakan ataupun tidak dapat memasuki perkembangan ekonomi selaras dengan keadaan sekarang ini?

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat dari

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Pasir Pinji.

Puan Ling Chooi Sieng: . . . Pasir Pinji ada masalah mendengar (*Ketawa*) di Dewan yang mulia ini, kerana saya kata, dengan izin, "boom", itulah.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, bukan masalah, saya hendak jelas di sini ya, bukan masalah untuk mendengar untuk memperkatakan perkataan-perkataan itu tidak begitu tepat, oleh kerana itu, saya dapat salah tafsir dan saya minta penjelasan.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan, Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah jelaskan perkataan itu. Soalan yang kedua, saya fikir FELDA-FELDA adalah kawasan yang terbesar yang saya katakan tadi dan keadaan di kawasan-kawasan itu tidak boleh dibaiki dengan secara segera dan saya di sini ingatkan Kerajaan untuk mengambil tindakan supaya peneroka-peneroka di kawasan itu akan menikmati kemudahan-kemudahan yang Kerajaan mesti memberi mereka sewajarnya.

Tuan Lau Dak Kee: (Bangun)

Puan Ling Chooi Sieng: Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, sudah cukuplah Yang Berhormat dari Pasir Pinji bagi tanya soalnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Itulah, dia tidak beri Yang Berhormat. Dia tidak beri, sudah, teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Tidak Beri?

Puan Ling Chooi Sieng: Tidak beri.

Tuan Lau Dak Kee: Telah diabaikan kawasan itu, saya mengaku.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Teruskan.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Kerajaan memberi insentif cukai kepada mereka

yang sanggup dan bersedia menubuhkan industri-industri di pekan-pekan dalam skim FELDA supaya mereka digalakkan masuk ke skim-skim FELDA. Industri-industri ini akan dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada isteri dan anak-anak peneroka yang mungkin lebih senang bekerja dalam industri-industri yang ditubuhkan berdekatan dengan rumah-rumah mereka.

Anak-anak para peneroka mungkin digalakkan terus tinggal dan membantu dalam skim-skim tanah FELDA. Demi menggalakkan industri-industri ditubuhkan dalam skim FELDA, Kerajaan perlu memperbaiki bekalan-bekalan air dan elektrik serta semua infrastruktur yang berkaitan. Apabila LLN diswastakan, saya berharap salah satu syarat dan peraturan yang dikenakan kepada mereka yang ingin mengambilalih LLN adalah membekalkan elektrik kepada semua skim FELDA dalam negara.

Dari segi hiburan di skim-skim FELDA pula, Kerajaan seharusnya, melalui Kementerian Belia dan Sukan, mengkaji kemungkinan membina Dewan serbaguna untuk sukan, aktiviti sosial, kompleks hiburan yang mengandungi pusat-pusat VRC, panggung kecil atau mini cinema, dengan izin, supaya golongan belia tidak digalakkan berhijrah keluar dari skim-skim FELDA ini ke kawasan bandar di mana mereka berkemungkinan besar menjadi selingan bandar.

Para peneroka FELDA juga menghadapi dua lagi kesukaran. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa harga kelapa sawit turun naik. Pendapatan para peneroka ini juga turun naik bersamaan dengan turun-naiknya harga kelapa sawit. Harga baja pula semakin naik menyebabkan kos pengeluaran juga naik. Akan tetapi, ansuran yang terpaksa dibayar oleh para peneroka pula tetap. Bayaran ansuran yang ketat lagi tidak flexible, kadang-kadang menyebabkan inflasi berlaku dalam pendapatan di mana apabila harga kelapa sawit naik ke

paras yang tinggi, permintaan terhadap barangan melampau penawaran. Iajuga mengakibatkan kesukaran sekiranya harga kelapa sawit turun hampir ke paras kos pengeluaran.

Dalam keadaan sedemikian, para peneroka tidak mampu mengekalkan tarafhidup yang memuaskan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan bahawa Kerajaan menghubungkan bayaran ansuran dengan harga kelapa sawit. Ini akan dapat mengatasi kesukaran yang dihadapi oleh para peneroka apabila harga kelapa sawit turun. Kerajaan pula akan dapai bayaran dengan lebih cepat apabila harga kelapa sawit naik.

Satu lagi kesukaran yang dihadapi oleh mereka ialah apabila seorang peneroka disabit kesalahan dalam satu jenayah seperti menggunakan dadah, dia akan diharamkan dari pulang ke skim tersebut. Mengharamkan penggunaan dadah dalam skim FELDA merupakan satu polisi yang baik, akan tetapi jika penagih tersebut telah diperiksa oleh doktor dan didapati sihat dan pulih, saya berpendapat bahawa menyisihkannya selama-lama adalah tidak berperikemanusiaan. Apa yang diperlukan olehnya ialah jagaan dan kasih sayang keluarganya supaya dia boleh kembali kepada masyarakat sebagai manusia yang berguna.

Saya berharap Kerajaan akan menubuhkan satu panel khas untuk membuat kajian atas dasar kes satu per-satu ke atas penagih dadah sebelum dia diharamkan dari pulang ke skim FELDA selama-lamanya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan Kerajaan bahawa sementara kita menikmati "boom"—bukan "umph" , Tuan Yang di-Pertua—dalam ekonomi negara, marilah kita jangan lupa akan mereka yang membuka tanah di skim-skim FELDA. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mobamed Amin bin Haji Daud): Jelebu.

4.28 ptg.

Dato' Rais Yatim (Jelebu): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas keizinan yang diberi bagi saya mengambil bahagian membahaskan usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di sidang Dewan Rakyat bagi kali ini.

Inilah kali pertama semenjak menaiki takhta Yang di-Pertuan Agong, Baginda menyampaikan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini. Tidak syak lagi, titah ucapan itu merupakan satu-satunya dokumen penting yang harus mendapat reaksi setimpal dari rakyat jelata serta wakil mereka di Parlimen. Walaupun teksnya disediakan mengikut kehendak Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan, namun ini adalah Titah Legislative Diraja yang memerlukan penelitian dan perbincangan. Semoga apa yang diperkatakan dalam hujah dan penyampaian di sini akan sekurang-kurangnya membawa kita setapak lagi ke arah demokrasi dan keadilan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, buat pertama kali dalam sejarah negara ini, Dewan Rakyat kehilangan Timbalan Speaker-nya akibat perletakan jawatan susulan dari peranan dan adegan video yang dikatakan lucu. Saya berharap dengan perletakan jawatan itu, Tuan Speaker tidaklah begitu terbeban, maklumlah sekarang sudah kekurangan seorang Timbalan. Bagi seseorang yang kehilangan timbalan dalam mana-mana institusi, ianya harus mendapat simpati.

Adakah dengan perletakan jawatan itu semua persoalan berkaitan dengan perkara ini sudah selesai? Tidak, ianya berkaitan sampai kepada kewibawaan Kerajaan dan para pemimpinnya. Umum mengetahui bahawa bidang undang-undang, bukti dan prosedur adalah

terlibat. Rakyat juga mengetahui bahawa tuntutan supaya Timbalan Speaker Dewan Rakyat dipecat sudah dipenuhi oleh tuan empunya diri sendiri setelah disedarinya bahawa skandal berkenaan hampir-hampir melemaskan pimpinan MIC dan Barisan Nasional.

Tentu pemimpin-pemimpin Kerajaan pada masa ini mahu mengalakan bahawa oleh kerana perkara ini sudah berakhir dengan perletakan jawatan Ahli dari Kapar, selaku Timbalan Speaker, maka apa-apa persoalan tambahan atau susulan mengenainya harus tidak perlu dibahaskan lagi.

Tuan Speaker, tentu tidak semudah itu, kerana nama baik Dewan ini sudah tercabul melalui adegan-adegan 'shooting'nya sendiri, dengan izin. Bekas Timbalan Speaker itu pernah memaklumkan bahawa beliau bercuti panjang dan keluar negeri adalah untuk mengumpulkan kembali tenaganya "to regain my strength" katanya. Apa yang dibuatnya hingga terpaksa berbuat sedemikian. Jelas bahawa tenaga yang dikatakannya sudah hilang itu tidak kunjung kembali lagi. Tinggallah Dewan Rakyat dengan namanya yang agak tercemar yang mahu tidak mahu harus dihakimkan oleh rakyat sendiri di negara ini. Teringat saya kepada skandal sex Christine Keeler dengan John Profumor, bekas Menteri Perang di Britain dalam tahun 60an dahulu. Hampir-hampir runtuh Kabinet Kerajaan British semasa itu. Mujurlah tidak ada apa-apa rahsia penting yang bocor akibat selesainya adegan-adegan video lucu ala-Malaysia. Walau bagaimana besar pun berlakunya sesuatu skandal itu di kalangan pemimpin dan pihak berkuasa, perbualan meletakkan jawatan tidak pernah berlaku atau dilakukan. Dalam ingatan saya inilah kali pertama ianya berlaku, walaupun agak lewat dari yang dijangka.

Tuan Speaker, dalam tempoh 3 tahun kebelakangan ini banyak hal berlaku dalam Kerajaan yang bertentangan

dengan peraturan dan undang-undang. Banyak hal dan perkara yang bertentangan dengan keadilan dan amalan demokratik. Walaupun demokrasi yang dikatakan ala-Malaysia, di negara kita terlalu banyak amalan "double standard". Cuba fikirkan kembali. Satu, kes jenayah pembunuhan yang melibatkan anak dan menantu Boon Siew di Pulau Pinang yang mendapat liputan akhbar dan publisiti yang meluas, tetapi kes pembunuhan Mustakizah nampaknya padam dan diam sahaja, selain daripada jaminan \$50,000 "reward" yang akan diberi kepada pihak-pihak yang memberi maklumat.

Kedua, kes UMNO Malaysia yang saya bawa ke muka pengadilan dengan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sudah lebih dua tahun menunggu tarikh perbicaraan. Sebaliknya kes membangkrapkan beberapa orang pemimpin yang menentang pimpinan Kerajaan lekas-lekas dibawa dan dibicarakan.

Ketiga, seorang rakyat di Kelumpang mengamok kerana hilang sabar menunggu permohonan tanah punca rezkinya yang berkali-kali ditolak. Pihak berkuasa mengatakan orang itu mereng.

Keempat, Kementerian Kewangan mengadakan peraturan bahawa orang-orang yang aktif dalam politik tidak boleh memegang sebarang jawatan penting di dalam mana-mana institusi pelaburan dan kewangan, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dibenarkan pula menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Modal atau CIC, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, empat perkara yang sempat saya nyatakan ini hanya meliputi satu kumpulan kecil dari hal layanan kepada rakyat serta hak-hak yang berbeza yang tidak berlandas kepada amalan yang saksama dari segi pentadbiran, undang-undang, nilai-nilai demokrasi yang kita semua laungkan tetapi tidak amalkan. Perbezaan layanan

yang lain banyak lagi yang dialami oleh rakyat. Banyak yang disimpan di dalam rintihan mereka. Kita sudah semacam lupa akan Perlembagaan negara dan undang-undang hak asasi manusia yang terpapar di Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. Demokrasi bukan bererti hanya setakat mengadakan pilihanraya. Demokrasi bukan bererti bahawa yang memerintah sentiasa benar dan adil. Demokrasi bukan bererti boleh menggugat, menggertak, mempermainkan peraluran dan undang-undang atau mengagap musuh terhadap mereka yang mengkritik dan bertentangan pendapat. Tidak ada gunanya Perdana Menteri ke Lusaka dan Timbalannya ke Chile, kalau bila pulang nanti parti-parti pembangkang terus dianggap sampah-sarap dan para pemimpin mereka dianggap sebagai gerombolan pengkhianat, sampah di muara, perosak bangsa dan sebagainya.

Biar kita hadapi kenyataan. Soat hak-hak asasi manusia di negara ini masih terlalu jauh ketinggalan. Justeru amalan demokrasi yang berasas kepada keadilan, hak individu dan kumpulan seperti yang tertera di Perkara 5 dan Perkara 10 Perlembagaan negara masih belum tertunai kerana tumpuan bukan dibuat terhadap bagaimana hendak menghormati dan menyempurnakan hak-hak yang terkandung di dalamnya, tetapi bagaimana kuasa itu perlu digunakan untuk menyekat kebebasan orang lain, bagaimana kuasa Menteri, misalnya, digunakan bagi memperkayakan golongan dan kumpulan sendiri.

Semangat 46 faham benar akan apa itu pergelutan politik, tetapi parti kami juga sudah insaf bahawa sebahagian besar derita yang dirasakan oleh rakyat pada hari ini adalah terbitan dari tindakan kuasa yang tiada batas. Dalam erti perbandingan, saya telah cuba mendapatkan maklumat dari hal Syarikat Hati Budi, kepunyaan UMNO asal dari Pendaftar Syarikat sebanyak 5 kali, 3 bulan yang lalu, bukan sahaja carian rasmi itu tidak berjaya, fail syarikat itu pun entah

di mana disorokkan. Apabila ditanya pegawai berkenaan, jawabnya ialah "No comment Dato". Begitu juga halnya dengan carian rasmi yang dibuat terhadap Syarikat Fleet Group dan United Engineers (Malaysia) Bhd. Mujurlah sementara itu sebuah buku yang dikarang oleh seorang penyelidik tempatan telah siap dan di dalamnya ada terkandung beberapa fakta dari hal syarikat-syarikat politik berkenaan yang amat menggemparkan. Malangnya pada masa ini tidak ada banyak hal lagi yang bertenaga menggemparkan rakyat, seakan-akan mereka sudah lali dengan masalah "double standard", salah guna kuasa dan sebagainya. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir rakyat sebenarnya sudah lali dengan keadaan yang menyelubungi mereka sekarang. Walaupun ada pihak-pihak yang berpendapat bahawa rakyat sudah lupa akan peristiwa-peristiwa pahit seperti pembunuhan UMNO asal, pemecatan Tun Saleh Abas, Bekas Ketua Hakim Negara, pembelian peralatan perang berbilion ringgit, skandal demi skandal ekonomi dan sebagainya, senario sebenarnya ialah bahawa perkara-perkara ini dan ratusan peristiwa malang yang lain adalah tetap segar dan bermain dalam kepala rakyat jelata. (*Tepuk*)

Semangat 46 insaf bahawa setiap langkah dan perbuatan para pemimpin yang menentang pimpinan Kerajaan hari ini diintip dan disusuli dengan berbagai cara dan peralatan. Sebagai golongan pimpinan mereka memang merasai serik. Serik yang pertama mereka alami ialah hak rakyat sudah dijadikan hak pemimpin dalam Kerajaan. Dengan wang siapa sesebuah balai rakyat atau Dewan Besar daerah dibina? Tentu dengan wang rakyat, bukan dengan wang Menteri yang berkuasa pada hari ini, tetapi hanya pemimpin dalam Barisan Nasional yang diberi hak menggunakannya dengan mesej bahawa kebenaran itu terletak hanya pada Kerajaan dan para pemimpin mereka dan tidak pada pihak-

pihak lain. Agama, simbol agama, lambang Allah, nyanyi dan lagu, berita dan berita rencana di putar dan dibelit supaya rakyat cenderung ke arah menyokong Perdana Menteri dan kawannya.

Ini semua boleh difahami dalam erti kata yang sederhana, tetapi apabila ia dilakukan secara keterlaluan, maka bangkitlah perasaan meluat. Hendakkan wangi lalu jadi hangit—ini peribahasa. Radio dan TV dibayar lesen \$24.00 setahun oleh setiap rakyat yang memilikinya dengan harapan keadilan berlaku dalam penyajian makluman yang tidak berat sebelah dan memecahbelahkan rakyat. Pada hari ini Radio dan TV itu seolah-olah media rasmi peribadi kepada pemegang kuasa politik. Kereta Jabatan Penerangan sendiri dijadikan alat UMNO Baru dalam menyampaikan propaganda parti.

Ini tidak termasuk Eksekutif Jet yang digunakan semasa merasmikan Bangunan UMNO (*Tepuk*) atau UMNO Baru di merata pelusuk Semenanjung. Seolah-olah terdengar orang-orang tertentu mendengus, "Ah! dahulu pun macam itu, apa salahnya kita buat sekarang." Perkara ini salah dari segi amalan Demokrasi Berparlimen. Satu-satunya tajuk yang disaran dan diujarkan oleh Kebawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Di sinilah letaknya salah guna kuasa. Tuanku Yang di-Pertuan Agong menitahkan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan hendaklah diteruskan. Penerusan ini mesti atas asas yang benar dan adil. Bukan atas asas yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di mukasurat 6 Titah Ucapan Di Raja mengandungi harapan Tuanku Yang di-Pertuan Agong semoga perkhidmatan awam di negara ini dapat memastikan kecekapan, keberkesanan dan produktiviti. Semua rakyat berharap begini tetapi bila unsur politik disemaikan ke dalam perkhidmatan mereka, bagaimana harapan ini akan menjadi kenyataan. Umum

mengetahui kini bahawa Sistem Kadar di dalam perkhidmatan awam sudah menular. Biro Tata Negara, KEMAS dan pegawai-pegawai penerangan khas tidak lagi menjalankan tugas asal tetapi iclah diasuh sedemikian rupa supaya mengenal pasti mereka di kalangan petugas awam yang menyokong Kerajaan dan yang menyokong parti-parti Pembangkang. Semangat 46, PAS, DAP dan lain-lain setelah dikenal pasti mereka ini gerakan mendera mereka dilakukan. Mana yang mengaku akan bersama UMNO Baru dilepaskan dari cengkaman kuasa politik dan pentadbiran. Mana yang degil dengan pendirian mereka, sedialah menghadapi hukuman. Hukuman pertama mereka ditukarkan. Seorang Penghulu bernama Penghulu Pandak di Pulau, Johor Bahru, baru sahaja ditukarkan ke satu kawasan pendalaman, Hulu Sedeli, hanya semata-mata hamba Allah itu Ketua Bahagian Semangat 46, Bahagian Pulau di mana Menteri Penerangan bertakhta. Seorang lagi Penghulu di Jelebu, tempat saya diberi amaran, jika tidak masuk UMNO Baru, kenaikan gajinya akan tergendat. Seorang pegawai FELDA di Gugusan Pasoh di Negeri Sembilan, diberi amaran, jika hendak lama berkhidmat hentikan memberi simpati kepada Semangat 46.

Dr. Abdul Hadi bin Derani:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar hendak apa?

Dr. Abdul Hadi bin Derani: Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh beri?

Dato' Rais Yatim: Boleh.

Dr. Abdul Hadi bin Derani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang

Berhormat dari Jelebu mengatakan seorang Penghulu daripada Pulau ditukarkan semata-mata kerana beliau menjadi Ketua Bahagian Semangat 46. Soalannya, adakah ahli-ahli Semangat 46 ataupun Ketua Bahagian 46 yang bekerja dengan Kerajaan tidak boleh ditukarkan ke mana-mana?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada itu tentulah jelas—semua pegawai boleh ditukar, Menteri pun boleh ditukar tetapi inti daripada apa yang saya katakan ialah oleh kerana beliau ini extra, dengan izin, kegiatannya, maka tindakan telah diambil.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi saya sambung, mungkin penjelasan itu dibantu lagi dengan huraian berikutnya. Senarai ini panjang dan jika Ketua Setiausaha Negara yang baru naik pangkat mahukannya, saya sanggup beri kepada beliau, tetapi janji pada saya dahulu bahawa keadilan akan dituntut.

Apa erti ini semua dalam konteks harapan Di Raja itu? Dan apa erti ini semua dalam konteks pembangunan negara? Erti dan significantnya besar, erti pertama ialah perkhidmatan awam negara secara-sedar atau tidak sudah mula bertindak pilih bulu dan menjadikan pegangan politik sebagai lunas bertindak secara survival tactics, dengan izin, bagi tuan-tuan politik mereka. Ini tidak termasuk lagi latihan politik yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan, Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain. Kita tidak menghalang latihan untuk pegawai dan kita tidak bertentangan dengan apa-apa ajaran yang dikemukakan oleh ketua-ketua jabatan. Kursus-kursus dan latihan yang diberi atas nama insan kamil dan pimpinan waja melibatkan ribuan pegawai yang dicuci kepala mereka secara politik, Dan kemudian digesa supaya membenci para pemimpin dari parti-parti Pembangkang, terutama Semangat 46 dengan semata-mata untuk menyematkan mesej bahawa orang-orang ini

adalah perosak dan jangan sekali-kali diberi pertolongan atau bantuan, kononnya mereka gila kuasa dan penjual maruah bangsa.

Soalnya kini ialah, percayalah yang gila kuasa ialah mereka yang berkuasa. Mereka yang tidak berkuasa tidak ada kegilaan itu di dalam kepalanya (*Tepuk*). Apa yang dijual dan siapa yang membeli apa. Apa yang Semangat 46 perjuangkan, semuanya telah diketahui, dari hendak menghidupkan semula UMNO asal hinggalah menyatukan semua parti Melayu Islamiah di bawah satu ikatan perjuangan. Untuk ini dicocok kumpulan Islah dari Kelantan dan diabui mata kumpulan yang bernama PAS 51 supaya menentang Angkatan Perpaduan Ummah yang pendaftarannya masih terabai di meja Pendaftar Pertubuhan. Angkatan sudah hampir dua tahun menunggu pendaftaran tetapi AKAR di Sabah didaftar dalam tempoh satu minggu (*Tepuk*). Malang kalah di tangan PBDS, kasih bertompok-tompok, benci merata-rata. Saya sering berkata sebegini, oleh kerana halnya memang sedemikian. Sama ada kena atau tidak peribahasa ini kepada kes ini tidaklah diketahui, cubalah Ahli-ahli Yang Berhormat menimbangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan dalam perjuangan tidak dicari, kemudian dicaci persahabatan pula antara Semangat 46 dengan DAP di negerinegeri pantai barat. Dikatakan bahawa Semangat 46 dan DAP telah mengagih-agihkan kuasa dan tempat. Kita tidak menyalahkan barang siapa, yang mengagihkan kuasa dan siapa akan mendapat apa selama ini bukanlah dari segi Semangat 46 atau DAP tetapi telah pun diagih dan telah pun dirasai oleh Barisan Nasional itu sendiri. (*Tepuk*)

Ini kata pemimpin UMNO Baru adalah khianat yang besar dan menjual maruah. Dalam hidup semua orang berubah. Cuma ada yang berubah dari baik kepada buruk dan ada yang berubah dari buruk kepada baik. Dalam buku The

Malay Dilemma, penulisnya berpendapat bahawa Perdana Menteri ketika itu kononnya hanya mementingkan kumpulan dan kuasanya dan tidak mementingkan soal kesejahteraan. Penilaian harus dibuat terhadap penulis itu sekarang kerana perubahan yang telah berlaku semenjak tahun 1970 hingga kini amat nyata, sama ada pada dirinya atau pada pemerintahan negara di bawah pimpinan beliau. Siapa yang mencerca erti dan istilah bumiputera dan orang Melayu pada bulan Oktober, 1987. Pemimpin DAP atau MCA, jawapan bagi soalan ini tercatat dalam sejarah, buka dan bacalah bab yang berkenaan tetapi jangan cerca kami dan siapa kami hendak jadikan kawan. Oleh kerana kami tidak pernah mencerca orang sebelah sana, sahabat mana yang dicari waktu malam atau *siang*. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, tidak harus bagi pemimpin Kerajaan sekarang mencurigai bahawa orang-orang UMNO asal, ramai yang bersama Semangat 46. Kalau UMNO Baru ada MCA dan MIC, pada perhitungan besarnya, apa yang ditakutkan sangat kepada 46 dengan Angkatan dan persahabatan 46 dengan DAP. (*Tepuk*)

Dalam sesebuah negara mesti ada keseimbangan dan pendapat yang kontra. Kalau semua mengikut kata Perdana Menteri, tentulah kita macam itek pulang petang (*Tepuk*), mesti ada sekurang-kurangnya dua sistem parti atau, dengan izin, two party system (*Tepuk*) supaya satu pihak boleh mengkritik pihak lain, dan kalau benar, terima kritik itu. Kalau tidak, hujahkan kembali supaya apa yang benar dapat dipaparkan. Yang penting ialah bagi semua pihak menghormati hak masing-masing dan jangan main kasar atau curi ayam.

Prinsip dan luno perjuangan untuk kita bersama-sama memperjuangkan kepentingan negara ini ialah demokrasi, ianya luas; kalau dibentang seluas alam, kalau dilipat sekecil kuku, kata orang

tua-tua. Ayoh, kita berjuang bersama-sama—Barisan Nasional dengan UMNO Barunya menegakkan kebenaran jenis mereka, demokrasi jenis mereka. Semangat 46 dengan rakan-rakan sahabat di sebelah sini mencari pula lunas-lunas yang boleh membina negara. Selebihnya kita serahkan kepada rakyat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

Tuan Yang di-Pertua, unluk penjelasan dari Yang Berhormat dari Jelebu. Tadi Yang Berhormat pernah menyentuh mengenai pegawai-pegawai Kerajaan diasah, diberi panduan. Baru-baru ini saya diberitahu oleh orang di kawasan saya bahawa dua orang pegawai Kerajaan pergi ke kawasan saya di waktu malam membawa borang PBB disebar-kan kepada orang yang nadir di kawasan itu sebagai penguam. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Jelebu, adakah ini boleh dikatakan bahawa pegawai itu terlibat dalam politik ataupun tidak ataupun ada sesuatu yang menggambarkan kedouble-standaran (*Ketawa*) yang berluasa di negara kita ini. Terima kasih.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kalau benarlah pegawai itu membawa borang dan menyuruh orang menandatangani masuk parti yang dinyatakan itu, ini bukan sahaja sudah mandi, tetapi sudah kuyup. (*Ketawa*) Dalam perhitungan saya yang cetek tentulah pegawai itu harus merasa bahawa kerja-kerja yang dibuatnya waktu malam itu antara yang sama dengan musang tanglong ialah sama dengan menaikkan apa yang politik peribadinya usulkan, harus kita susul pegawai-pegawai seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, siapa yang lebih menjual bangsa? Pernimpin yang beli peralatan perang \$4.5 billion termasuk dalal atau komisyen atau Semangat 46 yang hanya berkawan dengan orang-orang bukan Melayu? Dari segi agama pun harus kita berkawan dengan mereka, jika tidak, bagaimana asam-garam

dakwah hendak masuk ke injap kalbu mereka? Bagaimana persahabatan dan juga keharmonian masyarakat Malaysia untuk diwujudkan? Lesen berkawan dengan bukan Melayu bukan hanya khas bagi UMNO Baru. Kita dalam Semangat 46 pun ada hak, oleh kerana tuan-tuan di sebelah sana ada MCA dan MIC. Kita pun ada kawan seperti itu di kalangan di sebelah sini. Apa yang kami jual, sebenarnya kami adalah mengasaskan landasan muhibah dan melayarkan bahtera integrasi nasional terutama dan lebih-lebih lagi bila Feri Malaysia sudah rugi hampir \$10 juta dan kini gulung tikar. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, Semangat 46 bukan komunis. DAP dan PAS juga bukan komunis. Yang komunis ialah Chin Peng yang sudah jadi orang tua tanggal gigi. Yang komunis ialah Rashid Mydin, Shamsiah Fakeh, Abdullah C.D. dan kunci-kunci mereka. Ada beberapa orang yang menjadi simpati komunis sekarang sudah jadi sebahagian daripada kita di dalam Dewan ini. Kenapa kami yang ingin memperjuangkan sistem demokrasi berparlimen dilayan seolah-olah jadi orang buruan, dihentak dan dipulas hingga ramai di kalangan rakyat yang menyertai perjuangan kami merasai bahawa mereka hidup dalam negara kawalan polis. Kalau Kerajaan Malaysia boleh dan sanggup memeterai perjanjian letak senjata dengan komunis di Haadyai pada 2hb Disember lalu, kenapa pula tidak sanggup menganggap kami di barisan Pembangkang sekarang sebagai pencinta dan pejuang demokrasi? Soalan-soalan ini perlu diberi jawapan. Jangan jadi limau masam sebelah. Tak tahulah kalau di bawah kepakaran Kementerian Pertanian sekarang ada limau yang masam sebelah dan manis sebelah (*Ketawa*). Kalau ada, memang sudah dekat hari kiamat, Tuan Yang di-Pertua.

Apa erti perjanjian Kerajaan dengan PKM itu? Ertinya ialah kita telah memberi pengiktirafan bahawa komunis kini boleh bebas sebagai rakyat biasa dan

boleh menjalankan hidup seperti orang biasa. Chin Peng berkata PKM tidak serah diri, tetapi hanya letak senjata dan mengenakan penanya kepada perjanjian. Matikah fahaman komunisnya? Akan meresapkah pelatih-pelatih komunis di bandar, kampung baru, rancangan tanah, kesatuan sekerja dan puluhan sektor lain? Jawabnya mungkin, mungkin dan mungkin. Dahulu tidak, Pasukan Keselamatan kita boleh buru mereka. Ketumbukan mereka di Pahang, Utara Perak dan kawasan sempadan Malaysia-Thai mereka boleh diintip, dikesan dan dikawal dengan berkesan. Masa depan komunis itu mungkin senyum di belakang meja eksekutif atau swasta tidak berapa lama lagi. Jangan lupa 'sekali komunis, selama hidup komunis'. Takkanlah kata-kata Lenin ini sudah kita lupai? Apajadi kepada ribuan putera kita yang sudah dibunuh di medan pertempuran? Lupakan sajakah sebab-sebab yang telah kita ketahui? Boleh jadi mereka itu berselindung dalam kata-kata: Lain dahulu lain sekarang, lain hulu lain parang.

Kira-kira 3 tahun yang lalu Teng Siow Peng, pemimpin nombor satu China ada membuat penentuan dasar, iaitu beliau mengarahkan semua pasukan komunis di Asia supaya menukar taktik, yakni daripada menggunakan senjata kepada menggunakan taktik perjuangan "group dynamics", dengan izin, di kalangan masyarakat yang melingkungi mereka. Nampaknya rancangan Teng Siow Peng itu mendapat tempat di rantau ini.

Saya menyeru rakyat Malaysia berjaga-jagalah mulai kini. Menurut anak Chin Peng yang kini seorang peguam, beliau sendiri tidak ada hajat hendak bertemu dengan bapanya, Chin Peng. Itu antara anak dengan bapa, barangkali si anak itu tidak mengiktiraf bapanya dalam beberapa segi, tetapi pimpinan Kerajaan sudah iktiraf PKM dengan adanya perjanjian itu. Tidak perlu dihebohkan sangat tentang berapa rifle, berapa bom tangan dan berapa periok api yang telah dimusnahkan bagi mengisi

kehendak perjanjian itu. Sebenarnya kita pun tidak tahu berapa sebenarnya bilangan senjata-senjata itu. Mungkin Chin Peng sudah lupa di mana ditaruhnya senjata sulitnya. Takkan dia hendak beri khabar kepada kita. Bila terpijak nanti, barulah kita tahu. Periuk api dalam hutan mungkin tidak meletup lagi, tetapi yang di bandar dan di kampung halaman kita mungkin meletup besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku Yang di-Perluan Agong memberi sanjungan tinggi kepada Pasukan Keselamatan kita di muka 6, Titah Ucapan Baginda. Semangal 46 pun demikian juga. Kami di dalam parti ini memberi setinggi-tinggi penghargaan di atas segala khidmat yang telah dicurahkan, di atas khidmat cemerlang Pasukan Keselamatan kita, kila hidup dalam keamanan. Cuma kenaikan pangkat para General dan pegawainya agak merunsingkan kita. Ada yang sudah dekal-dekat mencapai tahap, lalu dibersarakan. Ada General diberi tokoh tambah tempoh khidmatnya. Ada pula yang tiba-tiba tidak dapat layanan yang sama. Ada yang meninggal dunia sebelum sampai hajat ke pangkat. Nampaknya anda orang siapa merupakan soalan yang tetap timbul dan ditimbulkan dalam menentukan sambungan khidmat atau kenaikan pangkat.

Dalam Perkhidmatan Awam begitu juga. Ada pegawai diberi peluang melompat katak hingga empat atau lima kali atas orang-orang yang lain yang lebih senior dan cekap daripada pihak-pihak tertentu. Bila dipersoalkan, jawapan yang diterima ialah Kerajaan sentiasa mementingkan kecekapan dan produktiviti. Sebenarnya, kecekapan serta produktiviti kini sudah lain benar ertinya. Ia berkaitan rapat dengan sikap atau pendirian politik seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, dua orang Pegawai Daerah di Negeri Sembilan telah ditempatkan misalnya, di daerah yang sama hampir lapan tahun. Seorang darinya pernah masuk lokap hasil

siasatan dan tindakan BPR. Bila dicampurtangan oleh orang besar-besar lalu lepas dan lantas menganggotai UMNO (Baru) dan hadir di perhimpunan agung tahunan. Mengikut lazimnya pegawai ini jugalah nanti akan menjadi pegawai pengurus pilihanraya tempatan Tuan Speaker, bayangkanlah bagaimanakah kedudukan bias atau non bias, dengan izin, pegawai ini nanti dalam pilihanraya selaku pengurus.

Setiausaha Kerajaan tahu hal ini, apatah lagi rakyat di kawasan tempatan. Setiap tindak tanduknya semasa melayani rakyat berasaskan kepada soalan "Awak parti apa?" atau "Awak orang siapa?" Rosaklah negara kita kalau ramai lagi pegawai yang sebegini. Barangkali antara perkara malang ini berlaku di daerah saya sendiri, mungkin ianya akan ditolak ke tepi sahaja. Tambahan lagi Timbalan Perdana Menteri telah menjadikan Jelebu itu sebagai anak angkatnya. Entah apa yang diangkatnya, saya pun tidak tahu. (*Ketawa*) Tetapi setakat ini lebih dari \$12 juta telah dibelanjakan di kawasan tersebut. Apa halnya dengan 140 daerah yang lain? Atau adakah yang \$12 juta ini digunakan untuk membunuh si Rais Yatim? Ini lucu bunyinya, tetapi cuba timbangkan. Dan berapa banyak pula wang yang dicurahkan kepada kawasan Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang? Jumlahnya amat besar. Hal-hal ini tidak merundingkan sesiapa pun, cuma saya menghujahkan ini bagi kita untuk berfikir sebab generasi Malaysia masih panjang umur dan usianya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Yang Berhormat, ini bukan pakat, saya berminat sangat dengan perkara yang telah dihujahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelebu. Adakah menurut angka yang diberi tadi \$12 juta telah dibelanjakan? Sebenarnya ini pernah berlaku di masa lepas juga semenjak Yang Berhormat menjadi Pembangkang dan kawasan Yang Berhormat dari Gua

Musang pun begitu juga. Dan kemungkinan saya belum lagi jumlahkan wang yang dibelanjakan di kawasan saya semenjak saya ini dalam keadaan begini. (*Ketawa*) Nampaknya banyak daripada biasa, kerana tahun 1987 semasa saya menjadi pembangkang kepada kepimpinan negeri, jumlah projek yang diluluskan masa pilihanraya ialah \$3.8 juta. Tahun 1988 tidak ada pilihanraya hanya \$700,000. Jadi, adakah ini memberi inspirasi kepada Yang Berhormat dari Jelebu dan seterusnya untuk terus menjadi pembangkang yang kuat untuk dapal mengail wang daripada Kerajaan supaya kawasan itu lebih maju daripada biasa dan supaya wang yang diperuntukkan dapat memberi nikmat kepada rakyat? Adakah Yang Berhormat bercadang hendak menasihatkan saya supaya teruskan keadaan saya macam ini? (*Ketawa*)

Dato' Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya mengujarkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Simunjan bukan sahaja teruskan, masuk 46 lagi baik. (*Ketawa*) Selama kita menjadi anggota pembangkang, inilah perubahan yang paling besar kita terima. Entah berapa milion atau berapa juta agaknya perbelanjaan negara dicurahkan dalam kawasan-kawasan kami termasuk dari Simunjan—syukur, alhamdulillah. Ahli dari Gua Musang, misalnya, dari Kuala Nerus, Simunjan dan kawan-kawan di sebelah sini perhebatkanlah perjuangan menegakkan demokrasi seperti apa yang kita fahami.

Walaupun sedemikian, ingatan saya kepada Timbalan Perdana Menteri yang sekarang berada di Chile mungkin bermain golf dengan bekas Timbalan Perdana Menteri dahulu ialah apabila memberi peruntukan di daerah-daerah itu, tolonglah ingatkan jumlahnya, sebab ada ketika apabila orang bertanya, Timbalan Perdana Menteri sudah lupa berapa dia telah janjikan kepada rakyat. (*Ketawa*) Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, apakah mereka ini masih boleh dianggap neutral, yakni pegawai seperti yang saya

sebutkan tadi kita tidak berkepentingan dalam menguruskan pilihanraya di kawasan masing-masing. Tidakkah unsur berat sebelah dalam tindakan mereka dipersoalkan—terserah. Bila rakyat membuat keputusan nanti, mungkin banyak hal sudah terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks inilah sebagai penutup saya mohon menyentuh tentang mauduk demokrasi berparlimen yang diujarkan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong dua hari yang lalu. Pihak berkuasa yang ditugaskan menyelia, mengurus dan menadbir pilihanraya mengikut pengertian am ialah Suruhanjaya Pilihanraya atau ringkasnya SPR, yang ditubuhkan di bawah Perkara 114 perlembagaan. SPR adalah sebuah badan bebas dan berkecuali dalam menunaikan tanggungjawabnya di bawah undang-undang pilihanraya di negara ini. Malangnya, di akhir-akhir ini kedengaran banyak suara yang meluahkan tidak puas hati berkaitan dengan beberapa aspek perjalanan sesuatu pilihanraya itu. Kebanyakan suara, pandangan dan teguran itu tertumpu kepada daftar pengundi, tindakan dan tindaklaku di kawasan pengundian, aduan-aduan di tempat membuang undi yang kurang mendapat perhatian daripada pengurus-pengurus dan sebagainya. Di Ampang Jaya, Parit Raja, Teluk Pasu, Bentong dan Tambatan, semuanya ada pengalaman dan peristiwa yang dilaporkan mirip kepada salah satu aspek permasalahan ini,

Semangat 46 telah sempat menemui SPR dan meminta mereka mengambil tindakan terutama dari hal nombor-nombor kad pengenalan yang didapati sama antara sekian ramai pemilih yang berdaftar. Nama-nama orang yang telah meninggal dunia masih tertera di dalam senarai pemilih walaupun si mati telah meninggal dunia 10 tahun yang lampau. Mengikut kenyataan Suruhanjaya, terdapat lebih kurang 400,000 nama yang berkaitan dengan nombor kad pengenalan yang sama, sementara 50,000

orang yang telah meninggal dunia nama-nama mereka ini masih terdapat di dalam senarai pemilih. Mujurlah kerana kesilapan ini diumumkan sendiri oleh SPR justeru proses mengemaskini daftar pemilih itu, dapatlah diduga akan berjalan.

Persoalan yang bangkit ialah dengan pengakuan SPR yang sedemikian rupa, jelaslah bahawa data pemilih seluruh negara tidak boleh dianggap tepat dan kemas. Bermakna jika di kawasan Parlimen A terdapat 750 nama orang yang telah meninggal dunia masih tercatat sebagai pemilih, maka dari segi sebenar pemilih di kawasan tersebut hanya $x-750$. Jadi, apabila SPR mengira peratus yang keluar mengundi bagi kawasan itu nanti, mereka anggarkan atau angka yang dikeluarkannya adalah berasaskan kepada angka 750 itu, sedangkan pemilih berkenaan sudah tiada lagi. Sudah barang tentu asas ini adalah salah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pengawasan pula, SPR terpaksa mengharapkan khidmat dari Jabatan-jabatan Kerajaan lain yang tarafnya tidak seperti sebuah suruhanjaya, justeru tertakluk kepada arahan Kemenerian-kementerian berkenaan. Misalnya, sekatan jalanraya tiba-tiba dibuat apabila tong-tong undi dibawa oleh kenderaan yang diawasi oleh SPR ke pusat pengiraan undi. Dalam keadaan begini, ramai pihak dari kumpulan polling agent yang teralar perjalanannya kerana soal siasat yang dibuat tiba-tiba, pada masa itu kenderaan peti undi tadi sudah berlepas dahulu.

Sementara itu pula Setiausaha Pilihanraya telah mendedahkan adanya pcrbuatan menukarkan tempat atau daerah mengundi tanpa pengetahuan dan persetujuan tuan punya diri. Ada pula kes di mana orang yang dilaporkan telah meninggal dunia, kononnya meminta supaya lokaliti mengundinya ditukar ke tempat lain. Di sinilah kes di mana orang mati minta pindah. Ini kerja menipu dan

tindakan tegas mesti diambil walaupun terkena pada batang hidung sendiri. Dalam pada itu, SPR mengakui bahawa mereka perlukan peruntukan sekitar \$70 juta bagi kerja-kerja mengemaskini daftar pemilih ini.

Pada pandangan saya dan juga bagi pihak Semangat 46, wajarlah Yang Berhormat Menteri Kewangan menanggung pembelian dua buah Tornado dan gunakan wang itu bagi mengisi keperluan SPR itu. (*Tepuk*) Kita tidak menyalahkan mana-mana pihak dalam hal ini. Kita hanya ingin bersuara dan menyuarakan bahawa setelah pertikaian dan masalah ini timbul, penyelesaiannya harus dicari secepat mungkin. Jika masalah-masalah ini tidak diatasi menjelang pilihanraya akan datang, rakyat akan menganggap bahawa perjalanan pilihanraya itu sendiri tidak bebas dari spekulasi penyelewengan dan salah laku. Jadi, kenyataan pembilangan undi di peti undi yang dibuat baru-baru ini oleh Perdana Menteri mungkin juga dipersoalkan. Jika, jadi kenyataan apa yang telah disyorkan itu, keadaannya mungkin akan lebih kecoh kerana skop bagi menipu oleh pihak-pihak tertentu akan muncul dengan mudah. Pemilih akan lebih mudah digertak. Pihak berkuasa akan dapat tahu siapa mengundi siapa dalam pilihanraya. Di peringkat itu pilihanraya tidak bererti lagi. Kita tidak mahu melihat SPR kehilangan reputasi atau nama baiknya semata-mata di atas permasalahan ini. Oleh yang demikian, Semangat 46 menyokong penuh sebarang tindakan yang bakal diambil oleh SPR ke arah menyelesaikan beberapa situasi buruk yang diuraikan tadi. Jangan sampai kepada keadaan di mana rakyat sendiri nanti menyuarakan supaya diadakan badan antarabangsa untuk mengawas perjalanan pilihanraya di negara ini lantaran tidak percaya lagi kepada sistem dan pengawasan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, Semangat 46 tidak kecil hati apabila Tuanku Yang di-Pertuan Agong menyampaikan tahniah kepada Kerajaan, sebab Kerajaan itu

adalah sambung bersambung dan di dalamnya jua ada peranan Semangat 46 di masa yang silam. Walaupun sebegitu, jika situasi yang adil tidak wujud, jika gara-gara hendak menipu dari segi pengundian akan berlaku, kami di dalam Parti Semangat 46 percaya suara rakyat Malaysia akan membelah benua (*Tepuk*). Wang yang banyak dikumpul untuk menyogok atau jet eksekutif yang laju untuk lari tidak bererti lagi ketika itu. Terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kota Belud.

5.14ptg.

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya bangun untuk turut menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah di atas Titah Ucapan Baginda di perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Keempai Majlis Parlimen Ketujuh pada tanggal 26hb Pebruari yang lalu di Dewan yang mulia ini. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan di atas kesempatan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat kawasan Kota Belud dan Parti Bersatu Sabah, pada keseluruhannya ingin mengambil kesempatan keemasan ini untuk merakamkan rasa penghargaan yang tidak ternilai dan ucapan terima kasih tidak terhingga yang kekal abadi di atas Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana pada keseluruhannya telah menyentuh beberapa aspek yang amat mustahak dalam konteks kehidupan harian rakyatnya ke arah kesempurnaan dan kesejahteraan serta kestabilan dan keamanan negara kita Malaysia yang tercinta ini.

Bagi saya tidak siapa yang dapat menyangkal betapa jujur dan kesungguhan Kerajaan Baginda memberi perhatian kepada kepentingan rakyatnya. Semoga Baginda dilanjutkan usia dan dicucuri rahmat kebahagiaan dan kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Baginda yang begitu indah dan mengharukan itu adalah sesuatu yang mulia dan menjadi junjungan tinggi oleh setiap lapisan masyarakat negara ini. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan setiap masyarakat terutama sekali pihak berkuasa yang berkenaan untuk memastikan agar segala aspek yang telah disentuh di dalam Titah Baginda tersebut akan dapat dicapai. Kerana saya percaya, kejayaan sepenuhnya beberapa aspek yang merupakan hasrat Baginda itu adalah bergantung kepada cara perlaksanaannya. Justeru itu, dalam hal ini saya ingin memberi beberapa pandangan ke atas aspek-aspek yang telah disentuh di dalam Titah Baginda tersebut, seperti berikut ini dalam segi bagaimanakah cara perlaksanaannya harus dibuat semoga apa yang dimaksudkan itu akan tercapai dan dapat dinikmati oleh seluruh lapisan rakyat di negara ini dalam erti-kata yang sebenar-benarnya.

Pertama, keselamatan negara. Keselamatan dalam negara ini adalah sesuatu perkara pokok. Ianya adalah merupakan asas kepada segala-galanya. Tanpa keselamatan dalam negara, rakyatnya akan berada dalam keadaan yang tidak selesa. Kebahagiaan dan kesejahteraan hidup tidak mungkin akan dapat dinikmati. Justeru itu, kita seharusnya merasa bersyukur kepada Kerajaan kerana kini ancaman bersenjata komunis di Semenanjung Malaysia telah pun berakhir. Tepatlah apa yang dititahkan oleh Baginda bahawa pada keseluruhannya keadaan keselamatan dalam negara kini terus bertambah baik dan terkawal. Syabas dan tahniah kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun seperti yang disentuh oleh Baginda

bahawa Kerajaan harus juga berwaspada dengan lain-lain ancaman yang boleh menjejaskan kestabilan negara. Ini tepat sekali bila perkara ini kita rujuk kepada keadaan negeri Sabah iaitu salah satu negeri dalam Persekutuan Malaysia. Saya menyatakan demikian, kerana sebagaimana yang mungkin diketahui umum bahawa meskipun sejak selama ini Sabah tidaklah begitu terdedah secara langsung kepada bahaya bersenjata komunis tetapi ianya begitu terdedah dengan teruknya kepada masalah dalaman akibat kegiatan jenayah oleh warganegara asing yang datang ke Sabah tanpa izin atau pun dengan lain perkataan pendatang haram di negeri Sabah.

Saya rasa tidak perlu memberi bukti di sini kerana adalah dipercayai pihak Kerajaan sendiri pun telah mengakui hakikat ini yang dibuktikan menerusi kenyataan Yang Berhormat Dato' Megat Jonid bin Megat Ayob, Timbalan Menteri Dalam Negeri di muka depan akhbar Sabah Times keluaran 17hb Ogos, 1988 yang berbunyi seperti berikut: Dengan izin:

Megat: Most crimes involved outsiders.

"Crimes committed in Sabah are more serious than those in Peninsular Malaysia and have given rise to a crime shocks in the State," Deputy Home Minister, Dato Megat Junid Megat Ayob said.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun perkara ini sudah berkali-kali ditimbulkan di Dewan yang mulia ini dan pihak Kerajaan pun telah berkali-kali memberikan jawapan yang positif bagi menyelesaikan masalah itu, tetapi nampaknya sehingga kini, masalah tersebut masih lagi berlarutan. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan adalah diminta menumpukan perhatian sepenuhnya dalam usaha untuk menyelesaikan masalah kehadiran pendatang haram di negeri itu dengan menghantar mereka balik ke negara asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah tajuk ini juga saya ingin memperkatakan sesuatu tentang kedudukan kawasan latihan askar di Kem Paradise, Kota Belud, Sabah mengenai kawasan sasaran atau target area, dengan izin. Kawasan sasaran ini adalah satu kawasan sasaran menembak bagi para askar yang menjalankan latihan. Kawasan ini adalah kawasan larangan. Ianya bertanda merah di dalam peta tetapi meskipun kawasan larangan itu sudah menjadi pengetahuan umum, rakyat Sabah termasuk terutama sekali penduduk yang tinggal di persekitaran kawasan itu, namun oleh sebab kawasan sasaran itu tidak berpagar, maka kanak-kanak yang berumur 15 tahun ke bawah tentunya masih belum mengerti apa dia bahayanya kawasan larangan itu, meskipun terdapat bendera merah dan sign board menandakan kawasan larangan itu. Kanak-kanak dalam lingkungan umur itu tentu sahaja tidak mengerti itu semua bila terlihat ada sesuatu benda dalam kawasan itu.

Tentulah mereka tidak dapat menahan dorongan hati untuk mengambilnya. Demikianlah apa yang terjadi kepada dua orang adik-beradik yang bernama Suhaidi Halim dan Sinson Halim daripada Kampung Gunok, Kota Belud yang masing-masing berumur 14 dan 12 tahun yang dikatakan telah melintasi kawasan itu pada tanggal 6hb Januari 1990. Bila mereka ternampak benda dalam kawasan itu, lalu mengambilnya dan tanpa mengetahui bahawa benda itu ialah peluru hidup. Maka mereka cuba membukanya lalu meletup dan akibatnya salah satu daripada mereka telah kehilangan sebelah kaki dan yang satu lagi mendapat luka parah di bahagian perut. Itulah akibatnya kawasan yang begitu merbahaya dibiarkan tidak berpagar.

Dengan itu di sini saya merayu agar pihak berkuasa askar memagar kawasan itu dan memandangkan ianya adalah di kelilingi oleh perkampungan di mana anak-anak mereka memangnya selalu melewati kawasan tersebut untuk

menziarahi sama ada saudara-mara atau kawan-kawan mereka yang tinggal di kampung lain di persekitaran itu juga. Dalam kejadian ini saya juga ingin bertanya kepada Kerajaan sama ada boleh memberikan ganti rugi kepada kedua-dua kanak-kanak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan. Baginda Yang di-Pertuan Agong telah juga memberi penekanan kepada indusiri pelancongan sebagai industri yang penting di negara ini. Baginda juga menyatakan bahawa pembangunan indusiri pelancongan bukan sahaja menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri tetapi juga pihak penguasa tempatan. Syarikat-syarikat swasta, persatuan-persatuan dan orang-orang awam justeru itulah maka Kerajaan Negeri Sabah telah turut sama dan melibatkan usahanya secara langsung mewujudkan industri pelancongan di negeri itu. Satah satu daripada usaha yang telah dibuatnya ialah pembuatan iklan yang bertajuk "Hand in hand, we welcome you", dengan izin, yang merangkumi unsur-unsur seperti land, dance and nature. Penggambaran iklan itu telah dikendalikan oleh sebuah syarikat yang bernama Innoprise. Ianya telahpun dikemukakan kepada Lembaga Penapis Pilem Negara dan telahpun mendapat Sijil Penapisan Pilem bagi Land, Dance and Nature yang masing-masing berbil. No. AV/B/90/0038 dan AV/B/90/0037 dan AV/B/90/0039 yang semuanya bertarikh pada 25hb Januari, 1990.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang amat menyedihkan ialah tiba-tiba pula TV Malaysia memberhentikan penayangan iklan itu dan begitu juga dengan TV3 pun telah diarah untuk memberhentikan tayangannya. Ini jelas terbukti kerana iklan itu tidak pernah lagi kelihatan sama ada di RTM mahupun di TV3 sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan

kenapakah iklan tersebut dilayan sedemikian rupa. Pada mulanya dilulus untuk tayangan dan sudahpun ditayangkan oleh RTM dan TV3. Kini tiba-tiba pula ia dibatal kembali, padahal iklan itu bukanlah secara percuma berbanding dengan Sarawak, Terengganu dan Kedah. Kalaupun ada unsur-unsur yang terdapat diiklan itu yang tidak memadai untuk tayangan maka berilah tahu pihak pengeluar iklan itu dan beri peluang untuk mengubahnya demi untuk memenuhi kriterianya. Janganlah terus dibatalkan begitu sahaja seolah-olah negeri Sabah tidak perlu melibatkan dalam industri pelancongan seperti yang dimaksudkan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong itu.

Perlulah diketahui bahawa negeri Sabah juga ingin melibatkan dalam apa juga kegiatan yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat kerana rakyatnya juga tidak ketinggalan untuk membayar cukai kepada Kerajaan Pusat seperti rakyat Malaysia yang lain di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan keemasan ini saya mohon merayu kepada Kerajaan, khasnya kepada Menteri Penerangan Malaysia agar mempertimbang kembali untuk meneruskan tayangan iklan tersebut di RTM dan TV3. Kesanggupan dan kesudiannya untuk mengembalikan penayangan iklan itu, saya dahului dengan ucapan terima kasih tidak terhingga yang kekal abadi.

Ketiga, projek-projek infrastruktur. Dalam perkara ini saya bagi pihak rakyat Sabah ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Baginda kerana kejujurannya untuk memberi keutamaan kepada Sabah dan Sarawak untuk pelaksanaan projek-projek infrastruktur seperti pembinaan jalan-jalanraya baru dan peningkatan mutu jalanraya yang sedia ada. Ini adalah satu-satunya bukti yang jelas bahawa Kerajaan Baginda berkesungguhan untuk membangunkan setiap negeri dalam negara ini untuk kepentingan rakyatnya tanpa mengira

suku kaum, agama, kebudayaan dan sebagainya. Saya rasa ini memang senang dibuktikan memandangkan terdapatnya peruntukan yang diluluskan bagi negeri Sabah yang disalur menerusi Jabatan Pembangunan Negeri, Bahagian Penyelarasan. Malangnya, tahap pencapaiannya tidak seindah yang diharapkan. Saya menyatakan demikian kerana memandangkan kebanyakan projek-projek yang ditaksanakan oleh Jabatan tersebut termasuklah menaikkan taraf jalanraya ke semi-grouting tahun lalu tidak dapal disiapkan sehingga penutupan kira-kira semasa tahun itu. Ini saya perhatikan kedudukan projek-projek itu di kawasan saya tahun lalu di mana banyak projek-projek yang diluluskan di kawasan itu tidak dapat dimulakan dan ada pula terbengkalai. Meskipun saya difahamkan bahawa wang peruntukan boleh diperolehi kembali untuk menyambung semula pelaksanaan projek itu pada tahun ini tetapi di segi kadar perolehan peruntukan tahunan rakyat akan rugi. Dalam masalah ini saya telah membuat kajian sendiri dan ternyata sebab musababnya ialah kelulusan atau waran peruntukannya terlalu lewat diberikan oleh jabatan berkenaan iaitu hanya pada bulan November sahaja. Baik masa kalau ianya musim kemarau, kalau musim hujan seperti di hujung tahun 1988 tentu sekali ianya menjadi satu masalah, terutama sekali pihak rakyat yang dahagakan pembangunan,

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, **saya di sini ingin mengambil** kesempatan ini untuk merayu kepada pihak berkenaan agar mengeluarkan kelulusan atau waran peruntukan untuk pelaksanaan satu-satu projek yang harus diluluskan itu dapat diberikan dengan lebih awal sedikit iaitu selewat-lewatnya butan Jun pada setiap tahun.

Bercakap mengenai projek kemandahan asas seperti bekalan tenaga elektrik luar bandar, bekalan air dan telekomunikasi, saya menaruh harapan yang begitu tinggi dan merayu agar permohonan-permohonan daripada

kawasan saya Kota Belud yang telahpun dikemukakan dan amnya di seluruh Sabah akan dapat diberi pertimbangan positif ke arah kelulusan dan perlaksanaannya dalam masa yang tidak begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, hanya setakat itu sahaja yang saya dapat sampaikan dan saya merayu kepada jasa baik Kerajaan agar dapat memberi pertimbangan di atas beberapa pandangan yang saya telah kemukakan dan untuk itu sekali lagi saya mendahulunya dengan ucapan terima kasih tidak terhingga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul junjungan terima kasih yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Setar.

5.28 ptg.

Dr. Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Saya sangat tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang telah bercakap bahawa seolah-olah terlalu banyak manusia di dunia ini tidak mempunyai moral atau maruah. Hujjahnya menggambarkan kononnya pihak DAP sahaja yang mempunyai moral atau maruah yang tinggi. Ini adalah sama seperti orang masuk bakul angkat sendiri. Mungkin Ketua Pembangkang harus mengkaji atas moral dan maruah setiap wakil DAP di Dewan yang mulia ini. Saya bimbang jika satu kajian yang teliti dibuat terhadap mereka, kemungkinan terdapat aktiviti yang tidak begitu bermoral atau bermaruah.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang telah juga menjemput semua pihak untuk menyokong satu badan

Pengesan Pilihanraya atau Election Watch yang dianggotai oleh penyokong-penyokong pihak Pembangkang termasuk DAP. Nama-nama seperti Tun Suffian, Chandra Muzaffar, Tan Sri Ahmad Noordin dan Datuk Param Cumaraswamy bukanlah nama yang asing daripada kalangan DAP. Mereka selama ini telah menjadi golongan pendesak yang cukup disukai oleh DAP dan rakan-rakan mereka dari parti Pembangkang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Apakah maksud sebenar penubuhan Badan Pengesan Pilihanraya melainkan kerana pihak DAP ingin mempertahankan sesuatu yang sangat dicintai oleh mereka

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Abdul Hadi bin Derani: Silakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat hendak mempersoalkan kewibawaan dan maruah Tun Suffian? Adakah Yang Berhormat sanggup menyokong apa yang didakwa sebagai perbuatan moral yang tidak begitu sihat untuk pita video lucah itu? Adakah Yang Berhormat sanggup menyokong perbuatan seperti itu?

Dr. Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya tujukan kepada Ketua Pembangkang. Mungkin Yang Berhormat dari Kepong juga menganggap dirinya sebagai Ketua Pembangkang, tetapi tidak apalah, saya rasa kalau begitu, kita angkatlah dia sebagai Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempersoalkan maruah seseorang tetapi

saya mempersoalkan maruah DAP sendiri dan untuk mendapatkan penjelasan lanjut, saya mintalah Yang Berhormat dari Kepong mendengar ucapan saya sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung ucapan saya. Apakah mustahak sebenarnya penubuhan Badan Pengesanan Pilihanraya melainkan kerana pihak DAP ingin mempertahankan sesuatu yang sangat dicintai oleh mereka iaitu pengguguran beberapa puluh ribu nama pengundi yang menyokong Barisan Nasional, khususnya ahli-ahli UMNO. Untuk makluman Ketua Pembangkang, Daftar Pemilih 1989 yang dipamerkan baru-baru ini menunjukkan beberapa kelemahan. Umpamanya, ramai nama pengundi-pengundi yang nama mereka terdapat dalam Daftar Pemilih 1988 dan tahun-tahun sebelumnya telah digugurkan dengan satu cara yang mysterious.

Di banyak kawasan didapati senarai nama-nama pemilih yang pernah mengundi sejak tahun 1955 tetapi sekarang ini telah hilang nama mereka sebagai pengundi. Ini sangat mengejutkan pihak orang ramai terutamanya di kalangan ahli-ahli Barisan Nasional di mana nama penyokong-penyokongnya telah hilang secara tidak semena-mena. Kemungkinan ada beberapa pihak yang tidak bertanggung-jawab telah memanipulasikan senarai Daftar Pemilih tersebut untuk kepentingan kumpulan mereka sendiri. Saya khuatir bahawa pihak parti Pembangkang telah memainkan peranan untuk menggugurkan nama-nama pengundi Barisan Nasional untuk keuntungan mereka. Mungkin sebab itulah mereka tidak protes kali ini terhadap Daftar Pemilih yang berbeza dengan tahun-tahun yang lalu

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Kepong bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Dr. Abdul Hadi bin Derani: Tak payahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah, sila teruskan.

Dr. Abdul Hadi bin Derani: tahun-tahun yang lalu di mana pihak DAP dan PAS sentiasa membantah senarai Daftar Pemilih yang disediakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Soalnya, adakah pada kali ini pihak DAP bersetuju dengan Daftar Pemilih yang telah menggugurkan beribu-ribu nama pengundi tanpa apa-apa sebab? Ataupun adakah pihak Pembangkang telah berjaya untuk mensabotajkan senarai penyokong-penyokong Barisan Nasional, khususnya ahli-ahli UMNO daripada Daftar Pemilih 1989? Adakah ini yang didakwakan sebagai demokratik? Maka apakah sebabnya kali ini DAP sangat-sangat hendak mempertahankan senarai Daftar Pemilih 1989 hingga melantik satu Election Watch? Mungkin ada udang di sebalik batu.

Tuan Yang di-Pertua, hujah-hujah Ketua Pembangkang yang sangat-sangat menyokong penubuhan Election Watch juga dengan secara langsung menunjukkan bahawa beliau tidak sama sekali menaruh kepercayaan kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Ini bermakna beliau sangsi di atas perjalanan atau proses pilihanraya yang telah diselenggarakan oleh Suruhanjaya tersebut selama ini. Saya ingin bertanya, kalaulah Ketua Pembangkang begitu tidak yakin kepada Suruhanjaya Pilihanraya, kenapa pula beliau tidak pernah protes keputusan-keputusan Suruhanjaya Pilihanraya di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh calon-calon DAP atau rakan-rakan mereka dalam parti-parti Pembangkang.

Tidakkah lebih baik kemenangan DAP di kawasan berkenaan dipertikalkan ataupun adakah DAP menganggap dirinya terlalu kuat hingga tidak dapat menerima kemenangan pihak calon-calon Barisan Nasional di kawasan-kawasan lain? Saya amat curiga atas niat

sebenarnya pihak DAP. Adakah ianya lebih percaya kepada pihak yang tidak bertauliah di dalam urusan pilihanraya untuk mengawasi proses pemilihan wakil-wakil rakyat di negara ini ataupun adakah ianya betul-betul menghormati keputusan Suruhanjaya Pilihanraya? Sebaliknya adakah pihak Ketua Pembangkang bercadang mempunyai Suruhanjaya Pilihanrayanya sendiri sebagai ganti kepada jentera yang sedia ada ataupun adakah pula pihak Pembangkang sentiasa mengamalkan dua ukuran (double standard) dalam menilai sesuatu keadaan, yang mana menguntungkannya diisytiharkan sebagai excellent dan yang tidak menguntungkannya dicap sebagai tidak boleh diharap.

Tuan Yang di-Pertua, di antara isu-isu yang dibincangkan oleh rakyat di negara ini pada masa kini ialah berkenaan perletakan senjata Parti Komunis Malaya (PKM). Walaupun perjanjian telah pun ditandatangani oleh PKM dengan Kerajaan Malaysia dan Thailand pada 2hb Disember tahun lalu, masih banyak tandatanya berkenaan dengan hasrat pemimpin-pemimpin serta anggota-anggota parti tersebut yang telah mengancam kestabilan negara sejak tahun 1948. Soalnya ialah sama ada mereka benar-benar akan menolok doktrin perjuangan senjata untuk mencapai kuasa politik dan, jika benar, apakah matlamat mereka selepas itu? Saya agak khuatir bahawa penamatan perjuangan bersenjata PKM hanya merupakan perubahan cara iaitu perjuangan bersenjata diubah kepada cara perjuangan subversif tanpa menggunakan senjata. Sekiranya ini berlaku, maka ancaman dari PKM akan terus wujud walaupun berubah corak.

Yang kita sangsikan ialah kestabilan negara ini boleh diancam oleh aktiviti-aktiviti bawah tanah seperti hasutan-hasutan yang boleh menyebabkan tunjuk perasaan-tunjuk perasaan, protes ataupun rusuhan. Perkara-perkara seperti ini pernah dialami oleh negara

kita selepas perang dunia kedua iaitu sebelum PKM melancarkan keganasan senjata pada tahun 1948 dan juga di dalam tahun-tahun yang berikutnya untuk menyokong perjuangan bersenjata. Gerakan-gerakan subversif ini telah menimbulkan keresahan di kalangan rakyat dan mengancam kestabilan negara.

Oleh yang demikian, kita tidak mahu melihat perkara ini berulang lagi. Pihak Kerajaan haruslah mengambil langkah-langkah tertentu bagi menghindarkan gerakan-gerakan subversif dari pihak PKM. Sehubungan dengan hal ini, saya rasa agak wajar pihak Kerajaan menentukan bahawa kesemua senjata dan alat perang anggota-anggota PKM dimusnahkan kesemuanya sama sekali. Kita tidak mahu melihat sebahagian daripada senjata dan alat perang mereka disembunyikan di tempat-tempat tertentu untuk digunakan pada satu masa nanti.

Peristiwa yang sama telah berlaku sewaktu PKM keluar dari hutan pada tahun 1945 setelah tentera Jepun dikalahkan oleh tentera Negara-negara Bersekutu. Apabila PKM tidak dapat bersetuju dengan pemerintahan British pada masa itu maka senjata-senjata yang disembunyikan telah dikeluarkan semula untuk menentang pihak yang berkuasa. Oleh itu pengawasan terhadap pemusnahan senjata dan alat perang PKM hendaklah diberi perhatian yang sepenuh-penuhnya. Jaminan-jaminan mestilah juga diperolehi daripada pemimpin-pemimpin PKM bahawa tidak ada senjata atau alat perang kepunyaan pertubuhan itu yang masih tersembunyi selepas ini. Di samping itu, kesemua anggota PKM hendaklah berundur dari pengkalan-pengkalan mereka di hutan belantara negara ini. Pihak tentera dan pasukan keselamatan kita pula harus dibenar memeriksa semua kubu-kubu PKM dan jika perlu memusnahkan mereka dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kebangkitan semula sesebuah parti komunis selepas kekalahan bukanlah satu perkara luar biasa. Parti Komunis Indonesia (PKI) umpamanya telah bangkit semula untuk merampas kuasa pada 30hb September, 1965 setelah tenggelam beberapa dekad akibat kekalahan mereka di Madiun. Begitu juga di Kampuchea di mana Pertubuhan Khmer Rouge yang hanya tinggal 800 anggota di waktu pemerimahan Norodom Sihanouk sebelum Mac 1971 telah bangkit semula dengan berpuluh ribu anggota serta senjata yang lengkap untuk menentang Regim Lon Nol dan mengambilalih kuasa di Phnom Penh pada bulan April 1975. Peristiwa-peristiwa seperti ini harus diambil perhatian oleh pihak Kerajaan supaya perkara yang sama tidak akan terjadi di negara kita.

Tuan Yarig di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah dapat memulihkan ekonomi negara dengan jangka masa yang agak singkat. Pemulihan ini memberi kesempatan kepada rakyat jelata untuk mencebur diri di dalam berbagai bidang sama ada di dalam sektor tradisional seperti pertanian ataupun sektor perusahaan atau perkilangan yang merupakan sumber yang kian aktif dalam mempertingkatkan kekukuhan ekonomi. Saya harap pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan ini akan dapat berterusan untuk menjamin mutu hidup rakyat keseluruhannya.

Tahniah juga kepada Kerajaan oleh kerana telah dapat menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia sejak beberapa tahun ini. Saya percaya dengan penambahan pelaburan dan peningkatan segala faktor ekonomi termasuk penguasaan, kemahiran pekerja, pemasaran dan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru akan memperkukuhkan lagi ekonomi negara yang mungkin akan

menjadi setanding dengan negara-negara seperti Jepun, Korea, Taiwan dan lain-lain tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di antara ukuran perkembangan ekonomi yang biasa digunakan oleh orang ramai termasuk golongan media ialah kedudukan Bursa Saham sesebuah negara yang berkenaan. Jika perniagaan di Bursa Saham berkenaan menunjukkan tahap yang tinggi, maka secara ringkas ekonomi negara tersebut dianggap sihat. Sebaliknya, jika saham-saham merosot secara menyeluruh maka ekonomi dianggap sebagai lembab. Sama ada seseorang itu bersetuju atau tidak dengan ukuran ringkas ini bukanlah satu perkara yang patut dibahaskan tetapi apa yang penting ialah sama ada Bursa Saham negara kita mendapat sambutan yang baik daripada orang ramai, khususnya yang minat melabur di pasaran saham. Untuk menarik lebih minat pelabur, suasana yang lebih sihat harus diwujudkan mengikut keperluan.

Dalam hal ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah membuat keputusan yang berani untuk memisahkan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) daripada Bursa Saham Singapura (SES). Dengan pemisahan ini yang berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1990, kaunter-kaunter syarikat yang dilubuhkan di Malaysia tidak boleh disenaraikan di Bursa Saham Singapura. Begitu pula kaunter-kaunter syarikat yang ditubuhkan di Singapura tidak boleh disenaraikan-di BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang menganggap bahawa pemisahan BSKL dari SES akan memberi kesan buruk di sektor industri saham Malaysia tetapi apa yang berlaku selepas pemisahan tersebut adalah di sebaliknya. Kaunter-kaunter saham di BSKL menerima sambutan yang hangat. Nilai-nilai kaunter saham bukan sahaja stabil malahan telah meningkat naik dan Bursa Saham kita telah mengalami transaksi yang berlipat kali ganda tingginya.

Kalau sebelum Januari 1990, nilai saham yang diniagakan di BSKL adalah dalam lingkungan \$30 juta sehari, maka perniagaan di bulan Januari dan Februari 1990 telah melebihi daripada \$100 juta sehari. Keadaan ini sangatlah menggalakkan dan memberi keyakinan yang lebih tinggi kepada para pelabur. Ia juga mewujudkan suasana yang lebih menarik kepada syarikat-syarikat baru untuk disenaraikan di dalam Bursa Saham dan memberi peluang kepada rakyat jelata untuk melabur.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan Bursa Saham kita akan menjadi lebih subur jika langkah-langkah tertentu diambil bagi mengelakkan halangan-halangan dan sabotaj daripada pihak yang tidak bertanggungjawab. Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian Kerajaan terhadap penubuhan CLOB International iaitu satu Bursa Saham yang berdaftar di Singapura tetapi berurusan kaunter-kaunter saham syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL. Dengan kata lain, CLOB International yang berpusat di Singapura menjadi penghalang atau bersaing kepada urusan saham BSKL. Walaupun pihak BSKL mengatakan bahawa saham-saham yang diniagakan oleh CLOB International itu tidak diiktiraf, tetapi perniagaan yang agak rancak oleh CLOB International hanya menunjukkan bahawa Bursa Saham kita boleh disabotaj oleh pihak lain mengikut sesuka hati mereka. Saya khuatir jika perkara ini tidak diperbetulkan maka besar kemungkinan bahawa ekonomi Malaysia, khususnya BSKL boleh dimanipulasikan oleh mereka yang mempunyai kepentingan.

Oleh itu, saya ingin menyarankan supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah positif supaya CLOB International tidak boleh menghalang perniagaan saham negara ini. Kalau perlu tindakan-tindakan undang-undang diambil terhadap CLOB International serta

ejen-ejen mereka yang berniaga sebagai broker-broker saham tanpa kebenaran atau lesen daripada BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa Kerajaan sentiasa menggalakkan pertumbuhan perniagaan saham di negara ini tetapi nampaknya kemudahan-kemudahan yang wujud sekarang agak ketinggalan daripada keadaan semasa. Umpamanya, banyak broker-broker saham menyatakan bahawa kemudahan-kemudahan kewangan daripada institusi-institusi kewangan tidak mencukupi. Kemudahan-kemudahan yang wujud adalah sekadar untuk membiayai volume sebelum 1hb Januari, 1990 iaitu hanya 20% atau 30% daripada tahap pembiayaan yang diperlukan pada masa sekarang.

Oleh yang demikian, adalah wajar bagi pihak Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan mengarahkan supaya institusi-institusi kewangan ataupun bank-bank memberi lebih banyak facility bukan sahaja kepada broker-broker saham tetapi jugapelabur-pelabur yang berminat. Di samping itu, langkah-langkah juga perlu diambil supaya BSKL mempunyai cukup kakitangan dan keupayaan untuk mengurus perniagaan saham setiap hari. Lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana volume perniagaan telah bertambah berlipat ganda. Kalau tidak, perniagaan saham akan sentiasa tergendala kerana pihak BSKL tidak dapat menyelesaikan transaksi sijil-sijil saham yang terkumpul setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita sering mendengar kemalangan pesawat-pesawat Tentera Udara Di-Raja Malaysia (TUDM). Kemalangan-kemalangan tersebut telah mengorbankan banyak nyawa anggota-anggota Angkatan Tentera kita, termasuk dua orang Jeneral.

Saya ingin bertanya di Dewan yang mulia ini, apakah sebab sebenarnya

pesawat-pesawat TUDM selalu menghadapi masalah hingga menyebabkan banyak kemalangan. Adakah kemalangan-kemalangan ini disebabkan oleh kekurangan kemahiran anggota-anggota TUDM ataupun adakah ianya disebabkan oleh alat-alat yang tidak sesuai ataupun adakah ianya disebabkan oleh kedua-dua faktor?

Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Pertahanan menyasat perkara-perkara ini dengan lebih teliti. Apa-apa sahaja tindakan wajar untuk membetulkan keadaan ini mestilah dibuat secepat mungkin sebelum hal ini berlanjutan dan meragut lebih banyak lagi nyawa anggota-anggota tentera kita. Kita tidak mahu menyaksikan tentera-tentera kita terkorban sewaktu menaiki pesawat-pesawat diwaktu aman. Kalau diwaktu aman, banyak yang gugur maka saya khuatir di dalam keadaan peperangan lebih ramai lagi yang akan terkorban disebabkan kemalangan yang boleh dielakkan. Ini akan menjejaskan kewibawaan anggota-anggota Angkatan Tentera kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita percaya pihak Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan sedang dalam proses permodenan Angkatan Tentera disegala peringkat sama ada Tentera Darat, Tentera Udara ataupun Tentera Laut. Kita harap di dalam permodenan dan pembekalan senjata dan peralatan tersebut, pegawai-pegawai tinggi tentera kita hendaklah berhati-hati supaya senjata dan peralatan yang dipesankan itu berkualiti dan sesuai dengan harga. Kita tidak mahu lagi mendengar peralatan-peralatan palsu atau yang tidak sesuai bagi kegunaan Angkatan Tentera kita. Kalau tidak masih banyak kemalangan akan berlaku sama ada di udara ataupun di laut. Pihak TUDM sewajarnya dibekalkan dengan pesawat-pesawat serta alat yang disahkan mutunya. Pihak TLDM pula harus dibekal dengan kelengkapan yang boleh menjamin keselamatan anggota-anggotanya apabila menjalankan operasi

di Laut China Selatan ataupun di Selat Melaka. Kita tidak mahu melihat kapal-kapal perang kita tenggelam di laut oleh kerana kelengkapan atau alat ganti yang menjejaskan pelayaran dan operasi kapal. Kita tidak sama sekali inginkan melihat TLDM lidak berkeupayaan mempertahankan negara ini dari ancaman musuh semata-mata atas kelengkapan yang tidak baik atau alat-alat peperangan yang dibeli bukan untuk mempertingkatkan kewibawaan ketenteraan, tetapi kerana hendak memberi sedikit keuntungan pada pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Pengkalan Chepa.

5.55 *ptg.*

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun petang ini untuk membahar sama dan untuk merakamkan Ucapan Menjunjung Kasih saya kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan oleh Baginda pada 26hb Pebruari kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sepanjang penelitian dan semakan saya ke alas Titah Ucapan Baginda kelmarin amatlah menarik perhatian saya, kerana Baginda telah menyentuh dalam berbagai-bagai aspek kehidupan rakyat dan pembangunan negara. Baginda telah meletakkan harapan begitu tinggi kepada Kerajaan moga-moga segala apa yang dicita-cita dan disarankan itu akan beroleh kejayaan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke IX, yang baru sahaja dilantik menduduki takhtanya, tentulah ingin melihat zaman pemerintahan Baginda

ini disinari dengan cahaya-cahaya keadilan, kemakmuran, keamanan dan sebagainya, apa lagi Baginda adalah merupakan seorang intelek dalam bidang ilmu dan bidang perundangan negara dan pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira patut kita sama-sama memberi perhatian khusus kepada Titah Ucapan itu dan Kerajaan sebagai sasaran utama dalam ucapan itu harus merasa amat peka dan sensitif dengan seliap kalimah yang dilafazkan oleh Baginda, kerana Kerajaan yang ada yang lemah sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak akan mampu dan berupaya untuk mengisikikan segala kehendak Titah Ucapan itu. Segala kejayaan akan berlaku dan segala hasrat akan terbukti bilamana sesebuah Kerajaan berianggungjawab, mengenal amanah dan bersedia memihak kepada keadilan.

Kerajaan Barisan Nasional hari ini gagal menegakkan keadilan dan pemimpin-pemimpinnya banyak terlibat dengan berbagai-bagai penyelewengan dan kemungkaran. Gejala inilah yang telah meruntuh harapan rakyat dan telah menimbulkan penentangan terbuka oleh mereka yang sedar dan insaf terhadap keburukan yang berlaku dalam negara.

Petang ini saya mengambil peluang, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyentuh beberapa masalah yang ditimbulkan oleh Baginda dalam Titah Ucapannya.

Tuan Yang di-Pertua, muka surat pertama, perenggan kedua Baginda menyebut:

Tahun 1989 merupakan tahun bersejarah dan gemilang bagi Malaysia kerana banyak kemajuan dan kejayaan telah dicapai dalam berbagai bidang".

Sepinlas lalu kita boleh terima dan senang hati menerimanya Titah Ucapan itu, tetapi bila direnung secara mendalam dan diteliti pula dari satu perenggan

kepada perenggan lain, maka kita akan ternampak apa yang disebaliknya.

Pertama, Kerajaan tidak ada dasar, dan tidak ada matlamat untuk membangunkan negara, dan kita tidak tahu ke manakah Kerajaan akan bawa rakyat dalam usaha pembangunan ini. Apakah dengan projek-projek pembangunan lahiriah dan kejayaan-kejayaan yang dapat dilihat dengan pancaindera kasar ini rakyat akan terjamin selamat, dan negara sudah membangun atau pemimpin-pemimpin sudah boleh bangga dan mengakui berjaya. Adakah Kerajaan sedar, Tuan Yang di-Pertua, dalam melihat apa yang dikatakan berjaya dan banyak kemajuan tercapai, moral rakyat dan akhlak masyarakat bertambah runtuh, maksiat dan kejahatan bertambah pesat berlaku. Bcranikah Kerajaan mengaku kalau saya kalakan usaha-usaha yang telah dilakukan, sedang dilaku dan akan dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional hari ini akan berakhir ke "jamban", dan inilah matlamat Kerajaan untuk membawa rakyat, kerana seluruh pembangunan lahiriah ini pengkalannya ialah "jamban", dikecualikan ada usaha-usaha dalaman untuk jangka panjang melalui garis-garis panduan yang jelas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perenggan empat muka surat pertama juga Baginda menyebut "Demokrasi dan Raja Berpelembagaan". Perkataan "Demokrasi dan Raja Berperlembagaan" sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah slogan kempen, dan gincu bibir politik UMNO dan Barisan Nasional, pada hal ini tidak wujud dan tidak berlaku pada amalan pemimpin-pemimpin Kerajaan, sedang kita tahu demokrasi di Barat walaupun slogan "Kepimpinan Melalui Teladan", "Bersih, Cekap dan Amanah", "Tradisi Membela Rakyat" dan "Penerapan Nilai-nilai Islam" tidak ditonjol di sana, tetapi amalan pada keseluruhan pemimpin-pemimpinnya yang ada dan hidup bukan demokrasi yang ditulis dalam Perlembagaan dan

dilaung-laungkan oleh pemimpin-pemimpin seperti di Malaysia bahkan pemimpinnya bersedia menghayati demokrasi itu, Malaysia undang-undang sahaja demokrasi, pemimpinnya diktator dan ala diktator.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini sendiri tidak wujud sepenuhnya demokrasi dan tidak hidup subur kerana budak-budak UMNO selalu mengacau dan mengganggu orang bercakap dan pucuk pimpinan tidak berani menegur, bahkan itulah barangkali demokrasi tulen ala Kerajaan BN.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengisytiharkan perletakan senjata....

Tuan Hashim Bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Ahli bangun di belakang.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Atas dasar demokrasi boleh minta penjelasan atau tidak?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bolehlah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa penjelasan itu?

Tuan Hashira bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diistilahkan dengan budak-budak UMNO itu dan boleh jelaskan apa yang diistilahkan budak-budak UMNO oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa tadi dan apakah kriteria yang dikatakan budak-budak itu?

Tuan Yang di-Pertua: Pasal apa dipanggil mereka budak-budak? Mereka semua sudah tua

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dia orang muda, ingatan kuat, tetapi tidak sampai setahun, dia sudah lupa apa yang saya cakap. Dahulu saya sudah cakap pasal budak-budak UMNO kerana saya tidak nampak sifat orang tua (*Ketawa*). Saya nampak kelakuan lebih daripada budak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat tidak bercakap yang itu, mereka tidak kacau. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Baru-baru ini Kerajaan telah mengisytiharkan perletakan senjata dengan komunis yang diketuai oleh Chin Peng, setelah berlaku 40 tahun lebih yang menyebabkan banyak perempuan-perempuan jadi janda, anak-anak jadi yatim dan harta-benda hilang berjuta-juta ringgit akibat ancaman komunis.

Sepatutnya dengan diisytiharkan tamatnya darurat, Kerajaan akan menarik balik segera Akta Darurat dan parti-parti politik boleh mengadakan rapat-rapat umum secara terbuka, tetapi malang, jangankan Kerajaan hendak menarik Akta Darurat itu, bahkan ceramah-ceramah politik pun tidak boleh bebas. Inikah demokrasi tulen, ataupun demokrasi tuli dan pekak?

Tuan Yang di-Pertua, bila ini kita tekankan, maka selalu jawapan yang diberikan, terutama sekali Timbalan Perdana Menteri selalu menjawab, kalau tidak ada demokrasi, takkan ada pilihanraya dan takkan parti-parti Pembangkang boleh masuk bertanding. Inikah jawapan Tuan Yang di-Pertua?

Apakah dengan adanya pilihanraya dan bolehnya parti-parti Pembangkang masuk bertanding, maka itulah demokrasi yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan, sedangkan dalam pilihanraya ku sendiri berlaku seribu satu macam

penyelewengan, penipuan, hasutan, ugutan, rasuah politik dan bermacam-macam tekanan terhadap pengundi serta pujuk rayu dengan berbagai-bagai umpan memancing undi untuk mengekalkan kuasa Kerajaan zalim dan mungkar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pemimpin-pemimpin Kerajaan demokrasi dan amalan demokrasi hidup subur, tentulah cerita Timbalan Speaker, Yang Berhormat dari Kapar tidak berlarutan dan heboh ke seluruh dunia. Beliau mengambil sikap lebih awal meletak jawatan demi untuk menjaga maruah, menjaga imej Kerajaan dan menjaga kehormatan Dewan yang mulia ini, tetapi hari ini baru beliau meletak jawatan setelah hingar-bingar dan tidak ada hujah lagi untuk mempertahankan diri.

Yang anihnya, Menteri Pendidikan yang dikenali sebagai penegak kebenaran, tetapi dialah orang pertama mempertahankan Yang Berhormat dari Kapar di dalam Dewan ini sehingga wakil dari Jelutong terpaksa dihalau keluar Dewan .

Anih, Tuan Yang di-Pertua, orang salah bebas, orang tidak salah kena hukum. Apa salah Yang Berhormat dari Jelutong sehingga beliau dihalau kluar? Ini demokrasi ala BN. Kemudian, orang kedua pula membuat pembelaan iaitu Peguam Negara sendiri yang menjadi pelindung jenayah terhadap golongan-golongan yang teraniaya, tetapi beliau awal-awal lagi perintah musnahkan 11 pila video yang menjadi barang kes kepada kes Yang Berhormat dari Kapar.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Bukan salah mengacau, untuk penjelasan atas dasar demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tidak memahami ataupun suka memutar belitkan seperti perangai Yang Berhormat semasa kempen PAS sejak dahulu sampai sekarang dalam soal ini? Apakah Yang Berhormat tidak memahami perjalanan di peringkat Parlimen dan tindakan-tindakan seperti, telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam soal ini?

Apakah perangai Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini suka memutarbelitkan perkara-perkara ini dan tidak pernah mahu menerima penjelasan yang telah diterangkan mengikut peraturan-peraturan tertentu, ataupun memang perangai Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini suka membuat fitnah? Terima kasih.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fahamkah atau dia tidak faham? (*Ketawa*) Saya putar belitkah, dia putarbelit?

Saya tidak pernah memutarbelit dan saya tidak bercakap apa yang saya tidak faham.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Cukuplah, jangan ganggu saya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun pula Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan sedikit sahaja. Macam ini tidak bolehlah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak payahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak benarkan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Inilah saya kata budak UMNOnya. (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Safin: Orang tua lapuk PAS ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.. Yang Berhormat...

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak dengar daripada orang tua lapuk PAS ini yang putar-belitkan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk ya!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Inilah yang tidak faham.

Tuan Hashim bin Safin: Putarbelit PAS.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tetapi beliau awal-awal lagi perintah musnahkan 11 pita video yang menjadi barang kes kepada kes Yang Berhormat dari Kapar. Apakah ini semua, Tuan Yang di-Pertua? Tidakkah ini anih bin ajaib? Dan Utusan Melayu keluaran 25 Februari lepas, Yang Berhormat dari Kapar sendiri mengaitkan nama Tuan Speaker, nama Presiden MIC dan nama Perdana Menteri dengan mengatakan walaupun Perdana Menteri, Presiden MIC dan Tan Sri Dato' Mohamed Zahir mempertahankan saya untuk terus memegang jawatan itu sehingga saya dibuktikan bersalah oleh undang-undang—lihat Utusan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, akibat lindakan Peguam Negara di luar batas undang-undang, maka sekarang telah timbul berbagai-bagai reaksi di kalangan masyarakat dan menjejaskan kedudukan Peguam Negara itu sendiri serta mereka mempertikaikan kejujuran beliau dari sudut keadilan undang-undang dan kalau

sistem demokrasi hendak dihayati dalam negara ini sebagaimana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kelmarin, patutlah Peguam Negara mengundur diri dan meletak jawatan secara terhormat, bahkan kalaulah pemimpin-pemimpin negara ini sedar tanggungjawab dan benar-benar ingin melihat demokrasi hidup subur dalam negara dan sanggup menghayatinya, maka ramai pemimpin-pemimpin dan Menteri-menteri Kerajaan terpaksa meletak jawatan masing-masing, terulama sekali Perdana Menteri kerana terlibat dengan berbagai-bagai skandal dan sebahagian besar pengikut-pengikutnya hilang kepercayaan. Krisis keyakinan telah berlaku bertahun-tahun dan semakin bertambah hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa minggu sudah, akhbar, terutama sekali akhbar Cina telah menyiarkan bahawa seorang guru telah merogol muridnya yang berumur 17 lahun, tetapi seorang Exco Kerajaan telah menemui keluarga dan minta supaya perkara ini jangan dihebahkan dan diam begitu sahaja. Ini amat terbukti dan nyata bahawa demokrasi tidak wujud dan penyelewengan adalah menjadi amalan kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan. Sepatutnya seorang Yang Berhormat, lebih-lebih lagi Anggota Exco, dialah mengambil peranan utama untuk membela gadis yang teraniaya, tetapi dia pula memihak kepada orang salah dan cuba hendak menutup kes seperti itu. Ini terbukti dan amal nyata,

Tuan Yang di-Pertua, untuk menghadapi pilihanraya umum akan datang, pihak UMNO Baru telah melakukan berbagai taktik penipuan melontar pengundi-pengundi ke tempat yang jauh dan memadamkan nama-nama pengundi yang ada dalam buku daftar pengundi. Kemudian membawa masuk pengundi-pengundi UMNO masuk ke dalam kawasan-kawasan PAS yang tertentu dengan jumlah yang begitu besar untuk mengalahkan pihak Pembangkang. Hal ini berlaku di negeri-negeri Pantai Timur

termasuk Terengganu, Kelantan dan Kedah di mana negeri-negeri ini kedudukan Pembangkangnya tidak boleh dicabar dan baru-baru ini berlaku pertukaran dan menggugurkan. DO dalam senarai bertugas pilihanraya, khususnya di Kelantan seperti laporan yang termuat dalam akhbar Harakah keluaran Jumaat, 23 Februari lepas dan di kampung-kampung sekarang pesat berlaku pembahagian subsidi dengan berbagai bentuk dan jenis yang diperlukan oleh pengundi-pengundi tempatan masing-masing,

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, berlaku pula gerakan pendaftaran pengundi lebih awal iaitu pada 1 Mac akan datang ini dalam tempoh 27 hari, bukan 47 hari, bukan 42 hari seperti

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bolehlah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ini "kawé" (*Ketawa*) dan kalau "kawé" dari Simunjan dia boleh beri peluang. Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Pengkalan Cepa. Tadi Yang Berhormat menyentuh mengenai video lucah yang dikatakan melibatkan Timbalan Speaker yang sudah pun meletak jawatan. Bagaimana perkara ini tersebar luas walaupun semuanya sudah dimusnahkan oleh pihak AG (Peguam Negara), namun orang sekarang nampaknya mendapat bukti yang nyata bahawa perkara ini memang berlaku, memang ada di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu *sub judice*. Tidak boleh diucapkan begitu kerana perkara ini adalah perkara Mahkamah. Sama ada benda itu ada atau tidak, kiia tidak tahu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Agaknya Yang Berhormat dapat beri penjelasan bagaimana agaknya perkara ini menjadi satu kehebohan sekarang.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh beri jawapan panjang, cuma perkara ini sudah jadi titik hitam dan tidak akan padam dengan begitu. Hanya terpulanglah kepada sejauh mana kejujuran Kerajaan untuk menegak keadilan. Kita tunggulah, tengok keupayaan pemerintah yang ada pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada bangun seorang lagi. Yang Berhormat dari Jerai....

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
"Kawé" (*Ketawa*).

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Berilah.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menyatakan daftar pemilih ini dipadamkan oleh anggota UMNO Baru. Saya hairan di mana buktinya yang mengatakan ahli-ahli UMNO Baru itu menanggalkan semua nama pengundi dalam senarai yang terbaharu ini. Itu saya minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Untuk minta bukti, sila pergi ke Kelantanlah, saya tunjuk. Sebab saya mendaftar di Kelantan dan gerak kerja saya di Kelantan. Kalau hendak tahu, sila ke Kelantan. Sebab saya cerita pun apa yang berlaku di Kelantan, di tempat lain saya tidak cerita. Sila ke Kelantan,

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerai bangun pula. Hendak berijalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ulang balik. Sekarang berlaku pula gerakan pendaftaran pengundi lebih awal iaitu pada 1hb Mac akan datang ini dalam tempoh 27 hari, bukan 42 hari seperti biasa. Dan berlaku juga pilihanraya olok-olok dalam negara ini. Kesemua ini berlaku luar biasa dan tidak pernah terjadi di masa lampau. Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, apakah matlamat perkara seperti ini berlaku dan boleh dilakukan oleh pihak tertentu.

Di Kelantan—jangan salah faham, ini saya cerita di Kelantan—di Kelantan, ada usaha telah menubuhkan brigade setia untuk mengambil peranan dalam gerakan daftar pengundi. Ini semua gejala-gejala yang buruk, gejala-gejala yang boleh mengelirukan pandangan umum dan akan menimbulkan fitnah yang lebih besar. Apakah kalau kita percaya kepada Suruhanjaya, kita serah tugas itu dan kita telah rekod dengan undang-undang bahawa SPR ini bebas, adakah kita tidak beri kebebasan sepenuhnya, kita masih lagi mengesan di belakang dan masih lagi cuba menunjukkan kelakuan yang tidak baik yang menyebabkan seluruh parti Pembangkang keliru dan rakyat umumnya tidak senang hati. Tetapi bila kita kemukakan penyelewengan, banyaklah jawapannya, menimbulkan berbagai-bagai, kita itu dan kita ini (*Disampuk*). Tuan Yang di-Pertua, cukuplah,

Begitulah juga Tuan Yang di-Pertua, masalah Raja Berperlembagaan. Kalau amalan demokrasi berlaku mengikut kehendak yang telah dititah oleh Duli

Tuanku, tentulah krisis pemimpin-pemimpin negara tidak akan berlaku dalam negara kita seperti krisis Perdana Menteri sendiri dengan Raja-raja pada satu ketika dahulu. Krisis Menteri Besar Kelantan tidak berlaku dengan Sultan Kelantan dan krisis Menteri Besar Selangor pun tidak berlaku dengan Sultan Selangor sehingga mencemarkan nama baik Tuanku dan sehingga melanggar Akta dan Undang-undang yang dicadangkan dan diluluskan oleh Menteri Besar itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan oleh kerana terpengaruh dengan kuasa oleh pihak Barisan Nasional ataupun UMNO Baru hari ini, Sultan Kelantan sampai dicabar supaya meletak jawatan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam Peraturan Mesyuarat tidak boleh menyebut nama-nama Baginda Sultan untuk apa-apa atau sesuatu perkara yang berkenaan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuanku tidak apa?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, Yang Berhormat. Sebenarnya tidak patut dikeluarkan perkara-perkara begitu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya cerita ini benda yang sebenar berlaku, sebab saya hendak buktikan apa yang diminta oleh Ucapan Titah Tuanku kelmarin bahawa Raja Berperlembagaan. Kita faham lah apa ertinya dan kalau itulah

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Rantau Panjang bangun di belakang. Hendak beri jalan kepada dia?

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Berilah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak beri.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Beri, beri, beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri, sila teruskan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tidak beri? Ini budak-budak UMNO ini, berilah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau hendak jadi budak, saya berilah.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Saya jadi budak UMNO. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada wakil Pengkalan Chepa. Dia ini wakil dari Parti Islam. Dia selalu mencabar, mengkritik dan memfitnahkan orang terutama sekali mencabar Sultan-sultan, berdasarkan kepada ayat Quran yang mana dan Hadis yang mana? Saya minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bila saya mencabar dan apa perlu kepada hujjah. Saya menceritakan apa yang berlaku, apakah tidak boleh cerita benda yang berlaku. Kalau tidak boleh cerita benda yang berlaku, suratkhbar tidak boleh dibaca dan ceramah tidak boleh dilakukan. Macam mana fahaman budak ini!

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi soalan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, minta kebenaran dahulu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Cukuplah. Saya tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tidak apalah, asalkan boleh tanya cukuplah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dia boleh cakap, boleh tunjuk dia budak, cukuplah. Tuan Yang di-Pertua, maaflah. Biar sayaberitahu, oleh kerana begitu tinggi semangat dan nafsu pemimpin UMNO, kalau saya sebut Tuanku, marah pula.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak membenarkan, mengikut Peraturan Mesyuarat, bukan kehendak diri saya sendiri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: UMNO mencabar supaya masuk pilihanraya bertanding. Sampai begitu. Begitulah juga peristiwa di Selangor ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak hendak sebut Raja, saya hendak sebut Menteri Besar.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak sebut pun termaklum.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Menteri Besar boleh sebut. Saya faham.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, tetapi jangan berkait dengan Raja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak sebut Raja, saya sebut Menteri Besar.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Menteri Besar Selangor telah membentangkan Undang-undang, dan dia telah meluluskan Undang-undang di mana dengan kelulusan undang-undang

itu si suami tidak boleh kahwin lebih dari satu sebelum mendapat kebenaran daripada isteri pertama. Kalau berlaku juga, maka hukuman boleh disabit dengan \$1,000, tetapi apa yang berlaku kepada Menteri Besar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tahukah dia tidak dapat kebenaran daripada isteri pertama?

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, jangan biarkan orang tua ini menyanyok begini, tidak patut dia merepek begini. Ini menyentuh hal Sultan dan Sultan sudah beri keampunan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, jaga mulut dia.

Tuan Hashim bin Safin: Di bawah Berperlembagaan tidak benarkan orang tua ini menyentuh soal Sultan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah, sila duduk!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dia yang meluluskan undang-undang dan akta.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baru bangun, hendak beri jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Maaflah, saya teruskan ucapan saya dahulu.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kita kawe.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Lepas ini bolehlah. Insya Allah, bolehlah.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya minta penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya teruskan ucapan saya. Akta yang sudah diluluskan dan dengan kelulusan Akta itu kalau sisuami itu melanggar peraturan boleh dihukum \$1,000, tetapi dia sendiri melanggar ...

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Grik bangun, hendak beri jalan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya beri kepada Kulim.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kulim?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Grik. Dia beri Yang Berhormat dari Kulim dahulu.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Jika Ahli dari Pengkalan Chepa tidak mahu diganggu, jangan sebut nama orang yang tidak ada dalam Dewan, kerana kalau sebut nama orang yang tidak ada dalam Dewan, kami terpaksa mempertahankan bagi pihak orang yang tidak ada dalam Dewan. Kalau hendak ucapan tidak diganggu, jangan sebut nama orang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormatdari Kulim.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Speaker, saya ingin minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat, sebagai seorang Wakil Parlimen daripada sebuah parti Islam. Kita semua tahu bahawa masalah rumahtangga Menteri Besar Selangor itu sudahpun selesai iaitu dengan ampun maaf daripada Tuanku Sultan dan sebagainya. Jadi, adakah elok sebagai seorang Islam, timbulkan cerita-cerita yang akan memporak-perandakan lagi keluarga seseorang Islam yang lain? (*Tepuk*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, Al-Quran yang dibaca sekarang, Al-Quran yang turun 1,000 tahun dahulu. Bukan turun hari ini, kerana turun 1,000 tahun boleh kita baca hari ini. Begitu juga saya bangkit cerita yang berlaku. Apa hendak tutup, inilah saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan. Yang Berhormat jangan kata tidak faham, tidak faham macam itu. Nanti orang lain bangunlah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang kedua, saya hendak jawab ini, dia kata tidak boleh sebut orang yang tidak ada dalam Dewan ini. Dari kelmarin lagi, kita sudah sebut Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri. Di mana ada dalam Dewan ini? *(Ketawa)* Allahu Akbar, ini Timbalan Menteri ini. Timbalan Menteri ini, kepala macam itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudahlah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, dia kena faham dahulu apa yang saya maksudkan. Kalau hendak sebut nama orang mesti benarkan orang lain bangun untuk mencelah, tetapi kalau berucap dengan tidak menyebut perkara-perkara yang tidak betul, orang lain tidak akan mencelah. Itu maksud saya, bukan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, maksud orang lain itu, orang yang terlibatkah atau orang yang hendak membela?

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, jangan tengok di situ, tengok saya. *(Ketawa)* Dia panjang-panjangkan dan perbalahan pula.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak teruskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, beralih pula kepada masalah perpaduan. Saya telah berkali-kali menegur dan membuat saranan kepada Kerajaan dalam Dewan yang mulia ini supaya cita-cita perpaduan ini dapat terlaksana dan berjaya sepenuhnya, kerana ia telah menjadi milik kepada setiap hati individu dan telah diperintah oleh Allah s.w.t. sendiri supaya kita bersatu, jangan berpecah belah. Adalah tidak menjadi halangan ke arah itu dengan sebab musyarakah majmuk dan berbilang kaum sekiranya alat yang digunakan itu benar-benar boleh menyelesaikan masalah. UMNO Baru dan Barisan Nasional telah gagal dalam menyelesaikan masalah ini kerana mereka tidak berjumpa ubat dan tidak mahu diubat sekali pun mereka hidup merana dan sengsara akibat penyakit barah perpecahan yang tumbuh dalam tubuh parti UMNO sendiri dan berjangkit pula kepada anak buah Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ayat tadi, ada 3 faktor yang terbesar yang boleh dikenal pasti oleh para doktor rohani dan boleh dirawat untuk setiap penyakit rohani, tetapi Perdana Menteri kita bukan ahli dan bukan pakar doktor rohani, maka beliau tidak boleh kenal ubat dan tidak bersedia diubat. Biarlah dia menanggung penderitaan sampai kurus kering dan sampai mati.

Ayat tadi Tuhan sebut, pertama waktusimu, arahan supaya bersatu padu. Kedua, walatafarraku, larangan supaya jangan berpecah-belah dan bercerai berai. Dan ketiga, bihablillaahi, mengenalpasti ubat untuk bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau lidi boleh disatukan dengan tali penambat, papan boleh disatukan dengan paku, kain boleh disatukan dengan benang, kertas boleh disatukan dengan gam, batu-bata pula boleh disatukan dengan simen, maka manusia pula boleh disatukan dengan hablillaahi, dengan Syariat Allah dan dengan Islam sebagai Addin, dan itu

sahaja jalan penyelesaiannya, lari dari-pada kebenaran ini, dan tinggal dari menggunakan alat ini, fatafarrakabikum an sabilih, tunggulah perpecahan akan bertambah teruk. Sebab itu kita menyeru dan mengajak UMNO Baru yang sedang tenat sekarang ini supaya kembali ke jalan yang benar, tegaklah cita-cita perpaduan Ummah dengan melalui jalan hablillaahi dan cara yang paling mudah dan dekat sekali, silalah bersama-sama dengan Angkatan Perpaduan Ummah di mana perjuangannya berteraskan Islam sebagai Addin.

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak slogan ditonjol, sudah banyak peruntukan wang negara dicurahkan dan sudah banyak ikhtiar-ikhtiar dilakukan oleh BN dengan berbagai-bagai rancangan, sekarang Kerajaan memperkenalkan pula satu idea baru iaitu Gerakan Budaya Kerja Cemerlang yang bertemakan Kualiti Teras Kejayaan yang dilancarkan pada bulan November tahun 1989 yang lepas. Amboi! Menariknya cogan kata-cogan kata dan seni bahasa-seni bahasa yang ditonjolkan oleh pemerintah dengan rangkaian yang begitu bermakna. Tetapi sayang dan malang sekali kerana sikap Kerajaan sendiri samalah seperti seekor tiung yang tahu bercakap dan berkukuk hari-hari kerana lidahnya di sapu emas dinar tetapi tidak tahu hendak buat apa yang dikata, dan tidak pandai hendak diamal seperti yang dikata.

Tuan Yang di-Pertua, contoh yang terdekat, kerusi Menteri-menteri, kerusi Timbalan-timbalan Menteri, hari-hari kosong, ke mana mereka pergi, apa mereka buat, wallahualamu.

Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri pun tidak ada dalam negeri dan pemangku tidak dilantik, rumah kosong tidak ada tuan sekarang, yang ada ini semuanya 'hantu-hantu' yang tidak berkualiti. Dan Perdana Menteri sendiri langsung tidak memberikan kepercayaan.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Mintalah penjelasan, berlakulah adil.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Cukuplah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hashim bin Safin: Jangan bercakap buruk macam itu, wahai Tok Guru pembohong PAS.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah!

Tuan Hashim bin Safin: Menuduh Perdana Menteri yang sedang buat kerja, Timbalan Perdana Menteri tidak buat kerja, ini orang jahat, Tuan Yang di-Pertua. Tidak patut bercakap macam ini. Saya ada hak bercakap. Tuduhannya yang palsu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, tolong gunakan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah, sila duduk!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau dia tidak mahu dengar, biar keluar Dewan. Tuan Yang di-Pertua ada kuasa, boleh halau.

Tuan Hashim bin Safin: Orang cakap jahat macam ini. Tidak patut, "Tok Guru otak" apa ini!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau siapa tidak tahu beza buruk baik, tidak payahlah duduk dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Larut bangun.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order. Yang sebenarnya saya tidak suka kacau Tok Guru, tetapi Tok Guru ini di bawah Peraturan 36 (10) mensakit-sakitkan hati (*Ketawa*). Dia kata kita hantu, saya tidak pernah ganggu dia bercakap. Tetapi kalau dia kata hantu, risaulah, takut orang buat modal kempen.

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata kesemua hantu, silakan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri langsung tidak memberi kepercayaan kepada seorang pun di kalangan Menteri-menteri Kabinetnya untuk memangku jawatan sementara. Nasib baik juga komunis sudah surrender! Kalau tidak senang sahaja rampasan kuasa berlaku. Ataupun boleh jadi bayang-bayang komunis sudah menjelma dalam tubuh Kerajaan sekarang, kerana tindak-tanduk Perdana Menteri kita pun begitu ketara nampaknya merit dan ala komunis.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik me-lihat dan membaca Titah Ucapan Baginda Seri Paduka, mukasurat 6, iaitu helai yang terakhir sekali dalam Titahnya di paragraph pertama iaitu dalam usaha membangunkan ekonomi negara, Baginda telah menekankan

aspek-aspek rohani dan moral yang berteraskan nilai-nilai murni agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat yakin bahawa cita-cila Baginda ini amat jelas berdasarkan kepada hasrat dan minat Baginda sendiri amat teguh dalam bidang ini. Apa lagi dengan kesedaran Baginda melihat suasana musyarakah dan alam sekitar penuh diliputi gejala-gejala penyelewengan dan keruntuhan moral musyarakah yang menjadi-jadi pengaruh budaya barat telah sebak melanda negara kita. Dan dunia sekarang sudah hanyut dan hilang pedoman, tidak tahu pengkalan hendak ditunjukkan, akibat kepesatan pembangunan material terlampau menonjol manakala pemimpin-pemimpin merabab-raba mencari kebenaran tidak tentu arah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah? Jangan tengok jamlah, tengok perkara yang hendak diucap itu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya sambung besok.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.